



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

- Mangsa Jenayah Ragut
- *Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]* (Halaman 16)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):

- Mangsa Jenayah Ragut
- *Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]* (Halaman 58)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 17)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia)
(Pengesahan) 2004 (Halaman 17)
- Rang Undang-undang Racun MakhluK Perosak
(Pindaan) 2004 (Halaman 45)

USUL:

- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan
Mesyuarat 16(3) (Halaman 72)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- Penubuhan Jawatankuasa Pelbagai Parti Oleh Parlimen
Malaysia (Dewan Rakyat) Untuk Menangani Masalah
Kehadiran Pelarian-Pelarian Di Malaysia.
- *Y.B. Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]* (Halaman 72)
- Tanggungjawab Malaysia Mempertahankan Kedaulatan
Selat Melaka Daripada Campur Tangan Amerika Syarikat.
- *Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]* (Halaman 75)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob (Sipitang) – UMNO

MENTERI-MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) – MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) - UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) - MCA
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) - UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) - UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) -UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Mulia Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) - UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) - UMNO

20. Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) - UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) - UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) - UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) - UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO

SETIAUHA-SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) – UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) - MCA
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) – UMNO
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) - MIC
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) - UMNO
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO

20. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. ” Yang Berhormat Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) - UMNO
19. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
20. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
21. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
22. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MIC
23. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
24. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) - MCA
25. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) - UPKO
26. ” Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
27. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
28. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - UMNO
29. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO

30. Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
31. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
32. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
33. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
34. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
35. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
36. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
37. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
38. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
39. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
40. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) – GERAKAN
41. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
42. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
43. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
45. “ Tuan Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
46. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
47. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
48. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
49. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
50. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) – PBDS
51. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
52. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) – UMNO
53. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
54. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
55. “ Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
56. “ Dato' Haji Che Min bi Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) -MCA
60. “ Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO

69. Yang Berhormat Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) - UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) - UMNO
85. “ Mulia Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) - UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Tuan Ronald Kiandee (Beluran) - UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) - UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) - UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) - UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) - UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) - UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) - UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) - UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) - UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - MCA
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) - DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA

109. Yang Berhormat Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) – UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) - UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) - DAP
112. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) - UMNO
119. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) - UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) – PBS

MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed bin Yackop

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Samsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mat Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Mohd. Izhar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 5 Julai 2004**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2004;
2. Akta Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004;
3. Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004;
4. Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004;
5. Akta Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004;
6. Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004; dan
7. Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

16 Jun 2004

**Perutusan Daripada Dewan Negara
Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2004;
2. Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004;

3. Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004;
4. Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004;
5. Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004;
6. Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004; dan
7. Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan setakat manakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1971 telah mencapai matlamatnya dan adakah dasar ini perlu diubahsuai atau dimantapkan dalam situasi kita menuju ke arah matlamat Wawasan 2020.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) diwujudkan, adalah sebagai garis panduan untuk membentuk, membina serta memupuk persefahaman dan penyatuan masyarakat pelbagai kaum di negara ini melalui kebudayaan. Matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang berkeperibadian kebangsaan melalui kebudayaan, kesenian dan warisan.

Setelah hampir 33 tahun dasar ini dipraktikkan, beberapa perubahan besar telah berlaku terutamanya dalam konteks integrasi nasional. Salah satu daripada dasar penting ialah Wawasan 2020 misalnya. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyedari terdapat ruang yang boleh diperbaiki untuk memantapkan lagi pelaksanaan DKK dengan menetapkan sasaran-sasaran seperti berikut:

- (a) pembentukan bangsa Malaysia melalui kebudayaan dan kesenian dengan bercirikan sifat-sifat persamaan yang melampaui batas-batas suku kaum;
- (b) merakyatkan kebudayaan dan kesenian dengan penglibatan pelbagai kaum dalam setiap program yang dilaksanakan;
- (c) meningkatkan jati diri bangsa dengan menghidupkan kembali nilai-nilai murni dan perasaan bangga terhadap warisan silam seperti amalan bergotong-royong, hormat-menghormati, berbudi-bahasa, memartabatkan kembali tulisan jawi, muzik tradisional, tarian, lukisan serta hasil-hasil kesusasteraan lama seperti sajak, perumpamaan, pantun, syair, seloka, gurindam dan lain-lain; dan
- (d) mempertingkatkan kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, swasta dan korporat melalui pendekatan bersepadu dan perkongsian pintar dalam melaksanakan program-program kebudayaan, kesenian dan warisan.

Adalah menjadi usaha kerajaan untuk membentuk bangsa Malaysia yang berbudaya selaras dengan cabaran kelima Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat pelbagai kaum yang bersatu padu melalui kebudayaan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, memandangkan kita telah mengamalkan dasar "langit terbuka" sejak beberapa tahun yang lalu, di mana banyak unsur-unsur dari luar terutamanya dari Barat yang mempunyai unsur seks dan ganas, masuk melalui media elektronik dan mempengaruhi masyarakat Malaysia. Adakah dasar ini akan berkontradiksi dan menghalang usaha kita untuk membina jati diri dan bangsa Malaysia yang bersatu padu? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan tersebut, khususnya yang berkaitan perasaan ataupun pendirian yang waspada terhadap konsep "langit terbuka" atau datangnya unsur-unsur budaya yang dianggap negatif menerusi media elektronik misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini adalah keadaan yang dialami oleh seluruh negara dan kesemua bangsa di dunia ini, oleh keadaan seperti yang ada di negara kita dan dengan adanya kemudahan berkaitan dengan Cyberjaya serta Dasar Media Elektronik Negara, kita tidak dapat menghadang sesuatu pancaran itu terhadap penyiaran yang ada di paras domestik.

Namun, apa yang harus kita lakukan ialah untuk mewujudkan program-program penyediaan jati diri kita sendiri. Program-program itu perlu disalurkan menerusi kementerian-kementerian yang bertanggungjawab tentang nilai budaya, seni dan warisan. Tetapi, jika kerajaan mengadakan program penghadangan menerusi undang-undang dan sebagainya, ianya tidak praktikal oleh kerana, penyusunan program-program tersebut menerusi angkasa raya adalah sesuatu yang tidak dapat dihadap oleh mana-mana mekanisme perundangan setakat yang ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera. Sudah menjadi adat, amalan "di mana langit dijunjung, di situ bumi dipijak". Saya berpuas hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri. Tetapi, di dalam mengimbangkan kepentingan pelbagai kaum, puak, suku dan bangsa di dalam negara yang tercinta ini, kita telah menerima bahawa kebudayaan kebangsaan itu mesti berteraskan kebudayaan Melayu.

Tetapi, sejak akhir-akhir ini, kebudayaan yang pelbagai tetapi masih berteraskan kebudayaan kebangsaan telah mula tercemar dan yang malang, saya ulang sekali lagi Yang Berhormat Datuk, yang malang yang mencemarkan kepentingan kebudayaan kebangsaan ini ialah pihak yang bertanggungjawab, di pihak kementerian, di pihak pegawai-pegawai yang diamanahkan untuk menjaga amanah ini, tidak faham. Maka, dengan sebab itu berlakulah pelanggaran-pelanggaran yang bercanggah dengan kepentingan di mana asas kebudayaan kebangsaan ini diterap sebagai suatu yang harus diguna pakai oleh semua dalam negara tercinta ini.

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalannya Yang Berhormat Datuk, bagaimana kementerian yang saya rasa sekarang dipegang oleh Yang Berhormat Datuk yang bijaksana, yang memang mahir tentang budaya, kesenian dan warisan bangsa, hendak memperbetulkan ini. Kalau tidak diperbetulkan daripada hulu, air yang keruh ini tidak mungkin akan jernih. Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang mempunyai kuasa, gunakanlah kuasa, gunakanlah pengaruh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:memperbetulkan yang sudah mula senget ini supaya janganlah yang telah retak menjadi belah. Saya harap Yang Berhormat Datuk memberi jawapan yang amat tegas dan boleh diterima. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading. Dalam penentuan yang Yang Berhormat buat tadi, saya kurang periksa sama ada Yang Berhormat ada atau tidak menyebut

secara khusus aspek mana kebudayaan kita yang dikatakan telah dibiarkan oleh para pegawai yang berkenaan.

Barangkali dengan keadaan yang seperti itu, saya hanya cuba meneka, mungkin tentang bahasa, atau salah guna bahasa, mungkin tentang cara-cara dan kaedah yang telah dilupakan dalam memantau sesuatu ciri budaya, atau mungkin juga berkaitan dengan amalan kebudayaan suku kaum yang telah tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa kalau hendak diringkaskan perkara ini sekecil kuku, kalau hendak dibentang seluas alam, tetapi lantaran persoalan budaya ini adalah persoalan hidup, maka kita sentiasa harus berwaspada dan cuba memperbaiki keadaan dari semasa ke semasa.

Mengenai bahasa misalnya tidak ada satu kuasa yang boleh mengawal tentang penggunaan bahasa rojak atau bahasa sekerat belut, sekerat ular. Tentang muzik tidak ada sesuatu yang boleh kita gunakan dalam bentuk kuat kuasa undang-undang bahawa liriknya, caranya mesti dikenakan pada sesuatu tuangan atau acuan. Namun, mengikut Dasar Kebudayaan Kebangsaan, apa-apa yang menyatukan menerusi keindahan dan asimilasi kehidupan, boleh kita guna pakai.

Jadi, apa yang telah diberi imbasan oleh Ahli Yang Berhormat agar budaya tidak tercemar, kami di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan berkhidmat ke arah itu terus menerus.

2. Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sejauh manakah usaha yang sedang dijalankan bagi mewujudkan mahkamah keluarga yang diasaskan kepada undang-undang bagi menjamin kepentingan komponen sivil dan komponen syariah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Mahkamah Keluarga dan satu Jawatankuasa Teknikal Penubuhan Mahkamah Keluarga Sivil telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara, di mana keahliannya terdiri dari wakil-wakil kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang relevan termasuklah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Dalam melaksana perkara ini, pihak kementerian telah mengambil maklum akan langkah pendek, pertengahan dan panjang sebagaimana yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Teknikal Sivil tersebut.

Seterusnya pihak kementerian telah mengadakan siri-siri perbincangan bagi melaksanakan penubuhan Mahkamah Keluarga seperti mana yang disyorkan oleh jawatankuasa tersebut.

Bagi langkah-langkah jangka pendek, Mahkamah Sivil Lapan Kuala Lumpur telah dijadikan sebagai modul Mahkamah Keluarga dengan disediakan kemudahan yang bersesuaian, seperti bilik khas untuk kanak-kanak dan ruang menunggu yang mesra keluarga.

Langkah jangka pertengahan pula, adalah melibatkan aspek meminda akta-akta dan perundangan yang berkaitan bagi memastikan konsep Mahkamah Keluarga dapat dilaksanakan.

Manakala bagi langkah jangka panjang adalah untuk meneliti keperluan dari segi penubuhan Mahkamah Keluarga di setiap daerah, pemilihan hakim, tatacara Mahkamah Keluarga, manual-manual berkaitan, perlantikan perantara atau mediator dan kaunselor serta penubuhan pasukan petugas bagi melaksanakan kajian yang perlu untuk menggubal tatacara, manual tatacara serta manual kerja Mahkamah Keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi komponen syariah pula, langkah jangka pendek melibatkan tindakan yang menaikkan taraf Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, langkah jangka pertengahan ialah untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah melepasi sempadan negeri. Proses menaikkan taraf kemudahan Mahkamah Syariah dan penyediaan satu rang undang-undang yang meliputi Peguam Syarie.

Penubuhan Mahkamah Keluarga adalah penting kerana negara memerlukan mahkamah yang khusus bagi mengendalikan kes-kes keluarga dalam suasana yang mesra keluarga. Sehubungan itu, pelaksanaan cadangan langkah-langkah jangka pendek, pertengahan dan panjang, insya-Allah akan merealisasikan penubuhan Mahkamah Keluarga.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri memberi jawapan yang begitu lengkap tentang penubuhan Mahkamah Keluarga sebentar tadi dan saya yakin penubuhan Mahkamah Keluarga ini akan dapat menyelesaikan banyak kes-kes yang melibatkan keluarga di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah diberikan satu berita yang begitu melegakan iaitu pembebasan Haniff Basree kerana tuduhan membunuh Noritta Samsuddin. Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik ialah terdapat pengakuan bersumpah yang telah dinyatakan oleh tertuduh ketika itu, iaitu telah melakukan persetubuhan haram dengan Noritta Samsuddin dan begitu juga dengan teman serumah Noritta Samsuddin. Adakah Mahkamah Keluarga yang bakal dicadangkan oleh kerajaan nanti, akan bertindak secara proaktif untuk mengadili pengakuan bersumpah ini? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan nanti apabila tertubuhnya Mahkamah Keluarga seperti ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan R. Karpal Singh: Perkara yang berbangkit dalam kes itu adalah *subjudice*. Kerana ada satu rayuan, kalau tidak ada rayuan, itu soalan lain. Oleh itu *subjudice* dan tidak boleh disentuh dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah, cukuplah.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan bahawa peranan kementerian di dalam penubuhan Mahkamah Keluarga

Tuan R. Karpal Singh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, beri kebenaran kepada Yang Berhormat Menteri menjawab, Bukit Gelugor sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang ia bukan bangkitkan isi kandungan, ia hanya beri pandangan terhadap kes itu. Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya boleh buat keputusan, cukup.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang dia bukan bangkitkan keputusan kes itu.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak mengapa, sila Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat, keterangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu adalah berkaitan dengan kes yang akan membuat rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi.

Jadi, Yang Berhormat, saya fikir tidak perlu kita bangkitkan kes itulah.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak maklumkan bahawa secara prinsipnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak ada berkaitan langsung dalam isu itu, kami sebagai kementerian, kita hanya memberi *feed back* di dalam penubuhan Mahkamah Keluarga.

Perjalanannya dan lain-lain adalah di bawah pengendalian menteri yang menjaga hal ehwal undang-undang yang ada, jadi dalam erti kata itu, soalan Yang Berhormat tadi, saya tidak dapat menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan ini dan jawapan yang sama saya pun telah terima pada penggal yang lalu, yang saya dapati bahawa Yang Berhormat Menteri tidak memberi *time frame* kepada apa yang akan dijalankan, apa yang telah dikatakan itu pun telah dikatakan dahulu. Dahulu pun kata begitu, sekarang pun kata begitu. Tadi saya tidak tahu bilakah, sampai bilakah undang-undang yang *medium term* itu yang perlu membawa pemindaan kepada undang-undang, bilakah undang-undang akan dipindahkan, akan dibawa ke Dewan yang mulia ini, kerana saya difahamkan bahawa memang Jawatankuasa Teknikal itu pun menunggu-nunggu apa tindakan yang akan dilakukan, apa tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Yang Berhormat.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat dapat memberi satu tempoh *a time frame* yang lebih tepat supaya kita semua boleh tahu agak bilakah ia akan berlaku. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ikut hati saya Yang Berhormat, sudah dua tahun lalu penubuhan Mahkamah Keluarga secara menyeluruh, di seluruh negara patut telah ditubuhkan. Tetapi malangnya kita dapati bahawa walau kita ada semangat untuk menentukannya, malangnya ia bukan macam kita hendak masak *fast food*, dengan izin, kerana ia melibatkan bukan hanya pengwujudan prasarana yang ada di mahkamah-mahkamah yang ada pada hari ini, tetapi membabitkan beberapa perundangan seperti *Law Reform Marriage and Divorce Act* misal kata.

Saya tidak akan memberi jaminan bahawa dalam masa tiga bulan misal kata, perkara ini akan diselesaikan. Kerana ini satu isu yang selalu involve dan ia membabitkan bukan hanya kementerian. Yang Berhormat mesti ingat, kita kementerian hanya sebagai urusetia, kita gabungkan pendapat NGOs, kita menjadi urusetia untuk mesyuarat-mesyuarat yang diadakan, yang menggabungkan beberapa menteri.

Saya, Yang Berhormat Menteri yang menjaga hal ehwal undang-undang, Yang Berhormat 'Menteri Agama' misal kata, oleh kerana ia merangkumi beberapa aspek, maka ia akan memakan masa sedikit, namun begitu dalam masa ini kita tidak duduk diam Yang Berhormat, kita boleh melihat beberapa peningkatan, sebab apa Yang Berhormat, kalau ianya hendak diwujudkan dari segi *training* sahaja misal kata, untuk menentukan cukup ada kalau untuk syariahnya cukup ada Peguam Syarii, kita kena ada cukup Pegawai Suluk misal kata, ataupun Hakim-hakim yang terpaksa diberi latihan, lain daripada prasarana untuk Mahkamah Sivil pun, kita mesti ada *training of the counselors*, dengan izin.

Jadi, apa yang saya hendak maklumkan Yang Berhormat, perkara ini malangnya tidak dapat dijalankan dalam masa katalah sebuah atau dua, dan saya hendak kata kepada Yang Berhormat, bahawa walaupun jawapan yang saya beri boleh dianggap kata hendak sama, tetapi evolusinya berlaku, perbincangan sedang berjalan dan Yang Berhormat mesti sedia maklum bahawa menteri yang berbincang dengan kita pada masa itu, yang melibatkan dua menteri, hari ini telah ada pertukaran di Jabatan Perdana Menteri sendiri, yang menjaga undang-undang dan yang menjaga agama.

Saya boleh maklumkan pada 8 Julai ini, kita akan ada lagi satu mesyuarat bersama dengan Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara untuk menentukan perkara ini dilanjutkan.

3. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kerajaan bercadang mengatasi masalah ahli farmasi dengan:-

- (a) mewajibkan ahli farmasi swasta berkhidmat di hospital kerajaan bagi jangka waktu tertentu sebagai prasyarat pendaftaran tahunan; dan

- (b) membenarkan ahli farmasi yang pulang ke tanah air berkhidmat di sektor swasta untuk memenuhi prasyarat pendaftaran.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan ahli farmasi swasta berkhidmat di hospital kerajaan bagi jangka waktu tertentu, sebagai prasyarat pendaftaran tahunan. Walau bagaimanapun, perkhidmatan wajib bagi ahli farmasi sebagai prasyarat pendaftaran, bagi graduan yang baru dijangka bermula sebelum penghujung tahun 2004.

Perkhidmatan wajib ini dilaksanakan bertujuan untuk mengatasi masalah kekurangan ahli farmasi di Kementerian Kesihatan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberikan pengalaman dan mempertingkatkan profesionalisme di kalangan ahli farmasi tanah air dan pada masa ini ahli farmasi yang pulang ke tanah air boleh memilih bekerja di swasta atau dengan kerajaan.

Apabila perkhidmatan wajib dilaksanakan, ahli farmasi yang pulang ke tanah air diwajibkan bekerja dengan kerajaan untuk jangka masa tidak lebih daripada tiga tahun sebagai ahli farmasi yang berdaftar penuh atau, dengan izin, sebagai fully registered pharmacy dan kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan ahli farmasi yang pulang ke tanah air berkhidmat di sektor swasta untuk memenuhi prasyarat pendaftaran.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang memberi *dispensing right* kepada ahli farmasi supaya pesakit diberi hak untuk membeli ubat dengan harga yang lebih murah, kompetitif dan berpatutan dan semoga dengan mengasingkan fungsi *prescribing* dan *dispensing*, dengan izin, bil perubatan rakyat akan lebih rendah.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk mengasingkan perkhidmatan rawatan daripada perkhidmatan *prescription* atau dengan izin, *dispensing of medicine*, ia akan dilakukan melalui doktor, dengan *prescription* daripada doktor barulah ahli farmasi dapatlah memberi ubat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, memandangkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa oleh kerana mengalami kekurangan ahli farmasi di negara kita, maka kita kenakan satu syarat di mana mereka terpaksa berkhidmat selama tiga tahun. Soalan saya ialah adakah ini adalah satu polisi yang konsisten ataupun sekadar untuk mengurangkan masalah yang kita hadapi sekarang? Adakah ia akan diteruskan setelah kita tidak mengalami masalah kekurangan ahli farmasi? Terima kasih.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu dikatakan langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah kekurangan ahli farmasi. Kalau kita mengikut unjuran bahawa graduan sebagai farmasi akan kian bertambah, sebenarnya pada masa kini kalau kita perhatikan graduan farmasi daripada IPTS dan IPTA setahun sebenarnya adalah dalam lingkungan 440 bilangannya. Tetapi kalau kita mengikut unjuran hinggalah tahun 2010 bilangan ini akan bertambah hingga menjadi 850. Maka kita yakin bahawa menjelang tahun 2020 kita akan dapat memenuhi apa yang ditetapkan oleh WHO di mana nisbah ahli farmasi dengan penduduk adalah 1 ahli farmasi dengan 2,000 penduduk (1:2,000)

4. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]:** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah strategi atau langkah khas polis untuk membendung kejadian ragut ke atas begitu tangan, telefon bimbit, rantai emas dan sebagainya yang merupakan satu ancaman kepada golongan wanita dan kejadian didapati berlaku di waktu siang dan malam dan juga di tempat awam.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun yang bertarikh 12 Julai 2004 dan Yang Berhormat bagi Segambut yang bertarikh 20 Julai 2004 memandangkan perkara tersebut adalah berhubung perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kejadian jenayah ragut adalah *crime of opportunity* walaupun ianya dikategorikan sebagai jenayah kecil sebelum ini, kekerapan berlakunya jenayah ragut telah membimbangkan masyarakat awam apabila jenayah ini mengakibatkan kecederaan dan kematian kepada mangsa. Oleh itu, PDRM telah mengumpulkan statistik bagi kes kategori curi ragut supaya ianya dibuat kajian pihak analisis untuk membanteras jenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyelesaian kes ragut dapat dilihat melalui statistik:-

Tahun	Kes	Kes dapat diselesaikan	Peratusan (%)
2001	14,368	7,142	49.7
2002	14,690	7,886	53.8
2003	15,798	8,859	56.1
2004	5,517	2,719	49.1

Daripada tahun 2001 hingga 2004 seramai 5,330 penjenayah ragut telah dapat ditangkap.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, sekiranya perbandingan dibuat antara tempoh Januari hingga Mei 2003 dan Januari hingga Mei 2004 ternyata terdapat pengurangan dari segi kadar jenayah ragut. Berdasarkan perangkaan PDRM, jumlah kes ragut di Malaysia yang dilaporkan bagi tempoh Januari hingga Mei 2003 adalah sebanyak 7,350 kes, manakala bagi tempoh Januari hingga Mei 2004 pula adalah sebanyak 5,517 kes. Oleh yang demikian, terdapat pengurangan dari segi kadar kes jenayah ragut iaitu sebanyak 1,833 kes dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat bagi Dungun mengenai indeks jenayah ragut di setiap negeri, pada tahun 2003 dan kes yang diselesaikan akan diberi secara bertulis. Namun demikian, saya kemukakan perangkaan kes ragut di Kuala Lumpur seperti yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Segambut.

Di Kuala Lumpur kadar penyelesaian kes seperti tahun 2003 daripada 4,178 kes adalah sebanyak 2,142 iaitu 50.3%. Sekiranya perbandingan dibuat antara tempoh Januari hingga Mei 2003 dan Januari hingga Mei 2004 di Kuala Lumpur ternyata terdapat pengurangan dari segi kadar jenayah ragut.

Berdasarkan perangkaan PDRM, jumlah kes ragut di Kuala Lumpur yang dilaporkan bagi tempoh Januari hingga Mei 2003 adalah sebanyak 1,864 kes, manakala bagi tempoh Januari hingga Mei 2004 pula adalah sebanyak 1,455 kes. Oleh yang demikian, terdapat pengurangan dari segi kes jenayah ragut iaitu sebanyak 409 kes dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pihak PDRM sentiasa menganggap perkara ini serius kerana ianya menjejaskan keselamatan awam. Pada awal tahun ini pihak polis mengambil tindakan untuk mengatasi perkara ini dengan menjalankan strategi-strategi seperti berikut:-

- (i) pencegahan jenayah secara bersepadu iaitu dengan menggembelng tenaga dari Cawangan Jabatan Siasatan Jenayah, Tugas Am, Pasukan Simpanan Persekutuan dan juga Pasukan Gerak Am;
- (ii) pihak Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) membuat Operasi Dekoy pengawasan di tempat-tempat sering berlaku jenayah ragut untuk menangkap peragut;
- (iii) menggunakan undang-undang pencegahan iaitu Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 bagi mencegah mereka dari melakukan jenayah berkenaan;

- (iv) membuat kempen kesedaran kepada masyarakat bagi mencegah diri mereka dari menjadi mangsa jenayah ragut;
- (v) mengadakan Ops Python dalam tempoh masa tiga bulan untuk menurunkan kadar jenayah ragut di tahap minimum;
- (vi) mengarahkan kertas siasatan diklasifikasikan di bawah Seksyen 392 atau 394 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan merompak terutama rompakan yang mendatangkan kecederaan yang mana jika disabitkan kesalahan boleh jatuhkan hukuman yang lebih berat termasuk sebatan;
- (vii) menambahkan rondaan MPV dan anggota whip di kawasan yang menjadi tempat tumpuan orang ramai;
- (viii) mengadakan kerjasama dengan persatuan penduduk kawasan tertentu untuk membanteras jenayah ragut;
- (ix) mengadakan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan mengesyorkan kepada mereka untuk mengambil tindakan pemasangan papan tanda serta CCTV di kawasan yang sibuk dan kerap berlakunya ragut serta memasang atau menambah lampu-lampu yang lebih terang di kawasan yang gelap dan terpencil seperti terowong pejalan kaki; dan
- (x) menambah anggota Pasukan Sukarelawan Polis untuk mengatasi masalah kekurangan anggota polis terutamanya di kawasan bandar. Terima kasih.

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dapati hukuman kes ragut yang tertinggi adalah tujuh tahun penjara atau kompaun. Adakah kerajaan mengkaji supaya dapat beratkan lagi hukuman kes ragut ini?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya nyatakan tadi bahawa pihak PDRM telah pun mengarahkan setiap kes ragut sekarang ini dibuka di bawah siasatan kes 392 iaitu *Punishment for Robbery* di mana kalau didapati bersalah ataupun disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga 14 tahun atau dia boleh didenda ataupun dirotan. Begitu juga kita mengarahkan di bawah Seksyen 394 jika ragut itu menyebabkan berlakunya kecederaan kepada mangsa di mana hukumannya ialah penjara sehingga 20 tahun dan juga jika didapati bersalah boleh dikenakan hukuman rotan dan kita juga mengarahkan jika ragut itu dilakukan dengan senjata yang boleh menyebabkan kecederaan ianya hendaklah disiasat di bawah Seksyen 397.

Jadi, dengan adanya seksyen-seksyen tersebut buat masa ini kita sedang mengkaji sama ada perlu ataupun tidak kes ragut ini dikenakan hukuman rotan, sedangkan peruntukan yang sedia ada telah pun saya nyatakan dan telah pun sedia ada hukuman rotan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Tahniyah Timbalan Menteri, sebenarnya Timbalan Menteri kita ini siap sedia ataupun *hands-on*. Bila berlaku sesuatu, dia ada di tempat yang berlaku kejadian. Kalau boleh menteri-menteri dan timbalan menteri yang lain atau setiausaha parlimen pun buat macam itulah, selain daripada wakil rakyat.

Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, kita dapati masalah ragut meragut ini sudah begitu banyak dan ini saya takut menjejaskan pelancong-pelancong dan juga masyarakat kita untuk keluar bersiar-siar dan untuk pelancong datang ke Malaysia. Saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri ini, kategori pencuri atau peragut ini kategori apa? Dia yang menghisap dadahkah ataupun pendatang asingkah berapa banyak? Yang *local* punya penyangak ini berapa banyak? Kita hendak tahu yang profesional ini pula ada berapa banyak? Fasal peragut ini pun ada profesional. Dia kira dia punya sudahlah cukai dia tidak bayar, tetapi dia sapu benda-benda macam ini.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memperjelaskan. Saya puas hati dengan perancangan yang hendak dibuat itu. Sudah ada undang-undang. Kalau

salah, rotanlah hendak tunggu apa lagi? Tak payah pertimbangkan dah. Bila seorang dua kena rotan, hak lain tak berani dah. Jadi, kita kena rotan dan saya minta kalau boleh rotan di tempat yang dia ragut itu.

Kalau dia ragut di Chow Kit Road, umum petang ini kita hendak rotan peragut. Bubuh *betoi-betoi* depan Chow Kit Road itu. Lama-lama orang tak berani dah. Ini cadangan... [*Dewan riuh*] Saya berharap kepada Timbalan Menteri supaya *implementkan* undang-undang yang telah kita luluskan supaya kita dapat memberi kepada masyarakat jaminan bahawa mereka selamat. [*Dewan riuh*] Kalau mereka keluar untuk bersiar-siar dan pendatang asing pun berasa terlindung apabila masuk ke negara kita Malaysia. Dia balik ke negara dia, dia kata Malaysia *is the wonderful country, every body is friendly*, dengan izin bagus orang kita, tidak ada *pick pocket*, tak ada ragut dan sebagainya.

Kita mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Rosli yang telah menjadi hero kepada mempertahankan keselamatan negara kita. [*Tepuk*] Juga takziah kepada yang mati kena ragut dan sebagainya. Bolehkah Timbalan Menteri tolong beri jawapan yang memuaskan. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih atas sokongan yang diberi. Ragut ini, kita lihat sekarang ini bukan sahaja mangsa ragut itu meninggal, tetapi yang meragut juga telah meninggal dipukul oleh orang ramai. Malah baru-baru ini orang yang hendak tolong mangsa ragut pula telah menjadi mangsa.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat supaya Allahyarham Rosli ini dianggap sebagai 'Wira Negara' kerana beliau sanggup mengorbankan nyawa dan sanggup menyambut seruan kerajaan untuk sama-sama membanteras jenayah ragut.

Mengenai cadangan Yang Berhormat hendak merotan di hadapan orang ramai dan juga hukuman rotan ini, saya ingin jelaskan bahawa dalam sistem undang-undang negara kita, polis hanya menyiasat. Bila polis sudah siasat, polis akan serahkan kes ini kepada Peguam Negara. Peguam Negara akan mendakwa yang tertuduh dan apabila Peguam Negara mendakwa dan jika didapati bersalah, terpulanglah kepada mahkamah berapa beratkah hukuman yang akan dijatuhkan kepada mereka yang didapati bersalah.

Mengenai berapa ramai pelancong yang terlibat, saya ingin jelaskan pada tahun 2003 pelancong hanya 780 orang yang terlibat dan warga tempatan seramai 3,482 orang. Pada tahun 2003, seramai 4,292 menjadi mangsa ragut. Bagi Januari hingga Mei tahun 2004, pelancong hanya ada 434 orang dan warga tempatan 1,021 orang jadi jumlah seramai 1,455 orang. Ini perangkaan di Kuala Lumpur yang saya bacakan.

Mengenai penjenayah yang terlibat dalam ragut, bagi tempoh 2001 hingga Mei 2004, seramai 1,042 orang adalah penagih dadah, daripada 2,352 kes yang berlakunya kes jenayah ragut ini, iaitu sebanyak 41% adalah dilakukan oleh penagih dadah. Pendatang tanpa izin, dalam tempoh 2001 hingga Mei 2004 hanya terlibat seramai 2,222 kes daripada 2,392 kes, iaitu lebih kurang 0.9%. Juvana juga terlibat dalam kes ragut sebanyak 1.29%. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah.

Tuan Lim Kit Siang: Ini adalah satu perkara penting. Saya harap saya boleh tanya satu soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat, dia tidak jawab berapa soalan sekali gus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat. Sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Ini sangat mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan sudah buat. Nanti kita teruskan soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! Bukan. Bukan keputusan. Belum keputusan. Boleh saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: saya percaya banyak perkara yang perlu kita bincang. Bolehkah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Hah, dia setuju. Dia setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini kuasa sini. Kuasa sini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak ikut kuasa, untuk kepentingan orang ramai.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*] *Bercakap tanpa pembesar suara.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, cukup. Tuan Chow Kon Yeow.

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini.

Puan Chong Eng: Ini perkara penting dalam bincang lah.

5. Tuan Chow Kon Yeo [Tanjong]: minta Menteri perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah "Local Agenda 21" telah dilaksanakan dan sejauh mana pelaksanaannya telah meningkatkan "urban governance" di Malaysia.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu iaitu soalan No. 64 bertarikh 8 Julai 2004, memandangkan soalan yang dikemukakan adalah bersamaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. *Programme Local Agenda 21 (LA 21)* dimulakan pada tahun 2000 melalui projek perintis yang melibatkan 4 buah PBT iaitu Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Miri, Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan juga Majlis Daerah Kerian.

Projek perintis ini dibiayai oleh *United Nations Development Programme (UNDP)* dan telah pun tamat pada tahun 2002. Hasil daripada projek perintis ini dua buah buku panduan LA 21 telah pun dihasilkan sebagai panduan kepada lain-lain PBT untuk melaksanakan Program LA 21 masing-masing. Ini adalah fasa pertama.

Pada tahun 2002, fasa 2 Program LA 21 ini kemudiannya dikembangkan ke lain-lain PBT yang bertaraf Dewan ataupun Majlis Bandar Raya dan Majlis Perbandaran. Oleh yang demikian, setakat ini jumlah PBT yang diminta untuk menyertai Program LA 21 adalah sebanyak 44 buah.

Pelaksanaan Program LA 21 di PBT akan melibatkan enam peringkat utama iaitu:

- (i) pembentukan wawasan masyarakat,
- (ii) usaha sama tiga pihak iaitu PBT, swasta dan masyarakat,
- (iii) kajian isu bersama masyarakat,
- (iv) merumus pelan tindakan,
- (v) pelaksanaan dan pemantauan, dan
- (vi) penilaian dan maklum balas.

Setakat ini, semua 44 PBT yang diminta untuk menyertai fasa 2 Program LA 21 telah pun dalam proses penubuhan Jawatankuasa Kerja LA 21. Pegawai yang terlibat dengan LA 21 juga dikehendaki mengikuti kursus dan latihan yang dianjurkan oleh Kementerian. Sehingga Jun 2004, sejumlah 16 buah PBT telah mempunyai Jawatankuasa Kerja LA 21 masing-masing.

Daripada 16 PBT ini, 9 PBT telah mengemukakan pelan tindakan mereka. Secara umumnya, pegawai, kakitangan, Ahli Majlis PBT perlu memahami konsep Program LA 21 supaya ia dapat dilaksanakan dengan lebih mudah. Oleh itu, di peringkat awalnya PBT perlu menjalankan aktiviti-aktiviti hebahan ataupun penerangan secara jelas konsep pelaksanaan Program LA 21 kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan supaya dengan pelaksanaan Program LA 21 semua PBT yang terlibat akan dalam sedikit masa lagi berjaya menerapkan konsep *good urban governance* dengan izin, *good urban governance* yang baik.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, dalam menguatkuasakan Program LA 21 serta undang-undang dan dasar-dasar di peringkat PBT ini, apakah tindakan yang diambil untuk memastikan penguatkuasaan ini tidak dipengaruhi oleh amalan rasuah, campur tangan politik dan sebagainya yang boleh menjejaskan program ini dan juga menjejaskan usaha untuk meningkatkan *good urban governance* yang efektif dalam pembangunan perbandaran dalam negara ini?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya dalam proses pemantauan akan juga menubuhkan unit pemantauan dan kami juga cuba mendapatkan kerjasama kerajaan negeri supaya boleh bersama-sama berusaha memantau memastikan PBT yang terlibat ini, pada akhirnya betul-betul boleh menerap ciri-ciri *good governance concept*. Ini akan memastikan *good governance* yang bercirikan penyertaan awam, ketelusan, kepekaan, kesepakatan, kecekapan dan juga bersih. Itu adalah ciri-ciri yang menjadi hasrat bersama di antara kerajaan dan rakyat.

Jadi, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong sememangnya satu perkara yang sangat diharapkan oleh semua rakyat dan kementerian saya akan memantau bersama-sama dengan kerajaan negeri.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa *Local Agenda 21* timbul disebabkan *United Nation Conference on Environment and Development* yang menekankan tentang pembangunan dan pengurusan alam sekitar. Jawapan Yang Berhormat Menteri tadi pun tidak menyebut tentang pengurusan alam sekitar di bandar-bandar kita. Kalau kita lihat kualiti alam sekitar di bandar-bandar kita, di seluruh negara memang tidak begitu memuaskan dari segi pengurusan. Oleh yang demikian, sejauh manakah penekanan pengurusan alam sekitar di dalam Program LA 21 ini di kawasan-kawasan PBT dan bagaimanakah masyarakat sekarang yang bekerjasama dengan kerajaan dan juga pihak swasta bergabung untuk memastikan agar alam sekitar diuruskan dengan baik di bandar-bandar di negara kita?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hasrat kerajaan untuk memperbaiki lagi tadbir urus PBT bukan hanya sekadar kempen ataupun konsep LA 21 sahaja. Program LA 21 ini juga menekankan dari segi penjagaan alam sekitar ataupun *environmental conservation*, dengan izin, dan pada masa yang sama kami juga berhasrat untuk memperbaiki beberapa kelemahan di peringkat PBT. Tambahan pula pada LA 21 Kerajaan Pusat baru-baru ini, terutamanya kementerian saya dengan kerjasama agensi-agensinya kerajaan yang lain termasuk Jabatan Perdana Menteri telah pun mengemukakan banyak langkah-langkah untuk mengatasi ataupun memperbaiki kelemahan PBT yang sedia ada.

Kelemahan di sesetengah PBT yang ketara pada masa ini ialah tahap kebersihan yang tidak memuaskan dari segi pandangan orang awam, penyelenggaraan kemudahan awam juga masih di tahap yang boleh diperbaiki dan kelewatan dari segi memberi kelulusan ataupun sistem penyampaian awam (*the public delivery system*) perlu diperbaiki. Ada juga PBT yang tidak mengikuti pelan tempatan dan pelaksanaan perancangan pembangunan dan juga ada banyak perkara lain yang perlu diperbaiki. Jadi, Yang Berhormat telah menyebut mengenai *environment*, sebenarnya alam sekitar adalah satu aspek yang sangat dititikberatkan.

6. **Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan adakah Menteri berpuas hati dengan keadaan selepas pembubaran Perbadanan Pembangunan Bandar bahawa terdapat kurangnya perhatian dan tindakan kerajaan terhadap matlamat penyusunan semula masyarakat dalam bandar dan bandar raya.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, UDA telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Bandar tahun 1971 untuk menggalakkan pembangunan bandar terancang dan meningkatkan penyertaan ekonomi bumiputera di kawasan-kawasan bandar melalui penyediaan premis perniagaan dan peluang-peluang perniagaan.

Walaupun telah dikorporatkan pada tahun 1996 dan diapungkan di Bursa Saham pada tahun 1999, kementerian berpuas hati bahawa program untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam perniagaan di bandar dan bandar raya terus dipergiatkan oleh UDA. Hasil daripada usaha ini, kompleks perniagaan UDA di bandar yang mempunyai nisbah penyewa bumiputera sebanyak 58% secara purata telah meningkat daripada 8 buah pada tahun 1995 kepada 12 buah pada masa ini. Dari segi ruang sewa bersih jumlahnya telah meningkat daripada satu juta kaki persegi pada tahun 1995 kepada 1.8 juta kaki persegi pada masa sekarang.

Dari segi pembangunan pusat bandar baru utama yang terletak di kawasan-kawasan bandar besar seperti di Johor Bahru, Pulau Pinang dan Lembah Klang, aktiviti juga telah meningkat. Peningkatan ini dapat dilihat daripada keluasan 2,265 ekar sebelum tahun 1996 kepada 2,715 ekar sekarang.

Pembinaan unit perumahan yang telah disiapkan oleh UDA juga telah meningkat daripada 600,000 unit sebelum tahun 1996 kepada 872,000 unit sehingga kini. Sebanyak 70% daripada jumlah tersebut telah dijual kepada bumiputera.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya agak berpuas hati dengan jawapan Yang Berhormat hujahkan tadi. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kita juga kena melihat taraf kedudukan bumiputera kita di dalam pasar raya-pasar raya yang besar, seperti di One Utama, Lot 10 dan di tempat-tempat lain yang menjadi tumpuan pelancong yang menjadi *market centre*. Kita mendapati bahawa peniaga-peniaga bumiputera ini tidak berkeupayaan terutamanya untuk menyewa, apatah lagi untuk memiliki bangunan lot-lot tersebut.

Jadi, apalah kiranya kalau boleh UDA ataupun MARA sendiri membeli lot-lot tersebut, kita buat secara *leasing* atau sebagainya, supaya peruncit-peruncit bumiputera ini dapat memasuki berniaga dan bersaing bersama-sama dengan orang-orang yang telah berpengalaman dan berkemampuan. Dengan ini kita dapat mempertingkatkan lagi penglibatan bumiputera daripada berniaga di kampung-kampung serta di gerai-gerai dan pada hari ini mereka memasuki alam pasar raya lima bintang dan sebagainya.

Saya meminta penjelasan dari Yang Berhormat sama ada kementerian Yang Berhormat mempunyai fokus ke arah untuk mengangkat martabat peniaga-peniaga kecil-kecilan bumiputera ini yang telah berjaya dan mampu untuk bersaing tetapi tidak berkemampuan dari segi modal untuk berada bersama dengan peniaga-peniaga yang berada di pasar raya-pasar raya yang besar di negara kita ini. Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya memang pihak kementerian bersetuju dengan saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, malah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada hari ini matlamat untuk menyusun semula masyarakat dan melahirkan peluang untuk usahawan bumiputera berniaga di dalam bandar-bandar besar dan di bandar raya bukan sahaja dilaksanakan oleh UDA tetapi diperluaskan juga kepada agensi-agensinya di bawah kementerian termasuk MARA dan juga kementerian sendiri.

Jadi, di dalam konteks ini apa yang telah dilakukan oleh kementerian seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat, bukan sahaja untuk membina kompleks perniagaan yang baru ataupun arked dan sebagainya tetapi juga untuk membeli ruang-ruang perniagaan yang boleh disewakan kepada usahawan bumiputera yang berkehendakkan untuk berniaga di kawasan-kawasan itu.

Bagi maksud ini, di bawah Rancangan Malaysia Yang Kelapan, kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menyediakan sebanyak RM299 juta untuk melaksanakan pelbagai projek membina kompleks perniagaan, ruang niaga dan sebagainya, di mana daripada RM299 juta ini RM100 juta digunakan hanya untuk membeli ruang niaga di tempat-tempat seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Jadi, itulah jawapan yang hendak saya berikan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan apa yang telah dikemukakan sebagai jawapan oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau dilihat sekarang ini disebutkan bahawa peniaga bumiputera dikaitkan dengan perniagaan di arkib, perniagaan di bazar yang dikenali sebagai tempat-tempat bumiputera seperti di Wisma Yakin, seperti di Kompleks Pertama dan sebagainya. Dan disebutkan juga oleh Yang Berhormat bagi Jerai sebentar tadi bagaimana di tempat pusat perniagaan lima bintang.

Saya difahamkan bahawa sebelum ini tempat-tempat yang dikaitkan dengan perniagaan lima bintang ataupun tempat menjadi pusat tumpuan pelancong misalnya di kawasan Bukit Bintang di Kuala Lumpur, seperti Sungei Wang Plaza dan sebagainya, telah ada peruntukan lot-lot perniagaan bagi bumiputera tetapi sebahagian daripadanya telah dijual ataupun disewakan kepada orang lain. Saya bimbang apakah kemungkinan di masa yang akan datang, peruntukan diberikan kemudian dijual atau disewakan kepada orang lain, apakah pihak kementerian mempunyai pelan tindakan untuk mengatasi perkara ini dan apakah tindakan-tindakan yang dibuat supaya misalnya kalau orang pergi ke tempat membeli-belah seperti yang disebutkan Lot 10, seperti di Sungei Wang Plaza, Bukit Bintang Plaza dan sebagainya, tidak ada langsung. Di sana lihatlah bahawa komposisi perniagaan di tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai begitu ada bumiputera di sana. Apa tindakan yang telah dibuat untuk memastikan terdapat keseimbangan perniagaan yang melibatkan bumiputera dan bukan bumiputera kerana UDA dibuat pada 1971...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: ...1971 adalah permulaan Dasar Ekonomi Baru dan sekiranya gagal, bermakna ia mencerminkan gagalnya Dasar Ekonomi Baru yang dibuat pada tahun itu. Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, UDA misalnya adalah tidak benar bahawa kita tidak menyediakan tempat kepada bumiputera, tempat-tempat yang strategik ataupun yang mungkin sama dengan apa yang ditawarkan kepada bukan bumiputera. Di Kuala Lumpur misalnya, UDA untuk bumiputera kita menyediakan kompleks-kompleks membeli-belah yang boleh disewa oleh usahawan dan peniaga bumiputera di Kompleks Pertama dan juga di Bukit Bintang Plaza.

Suka saya tekankan di sini bahawa kita tidak bercadang, UDA tidak bercadang untuk menjual, ianya hanya untuk disewa. Walaupun ada saranan daripada peniaga mahu membelinya dengan mengatakan bahawa mereka sudah lama menyewa di kawasan itu tetapi kita nyatakan secara tegas bahawa kita tidak akan menjualnya tetapi hanya menyewanya bagi membolehkan kita memberi peluang juga kepada peniaga-peniaga yang baru yang lain yang mahu memula perniagaan tetapi perlukan juga perlindungan.

Begitu juga dengan MARA, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kita dijangka dapat menyediakan 1,942 unit ruang niaga baru di seluruh negara dan jaminan kita ialah ruang niaga itu juga hanya akan disewa dan tidak akan dijual. Jadi dengan cara itu kita akan dapat memelihara pegangan bumiputera dalam kita menyediakan ruang-ruang niaga. Terima kasih.

7. **Tuan Jawah anak Gerang [Lubuk Antu]:** minta Menteri Pelancongan menyatakan bilangan pelancong yang datang ke negara ini pada tahun 2003 dan 2004 serta usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan produk-produk pelancong seperti pendidikan, sukan dan kesihatan.

Menteri Pelancongan [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama

dengan pertanyaan Yang Berhormat bagi Sepanggar pada hari esok kerana perkara yang ditanya adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Lubuk Antu, jumlah ketibaan pelancong asing ke negara ini pada tahun 2003 adalah seramai 10,576,915 orang. Manakala jumlah ketibaan pada tahun 2004 secara kumulatif dari bulan Januari hingga Mei adalah seramai 6,507,899 orang dengan kadar pertumbuhan 68% berbanding dengan jangka masa yang sama pada tahun yang lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sepanggar, dari sumber tahun 2003, jumlah pelancong yang datang ke Malaysia adalah 10,576,000 seperti mana yang disebutkan tadi tetapi dibandingkan dengan tahun 2002 di mana yang tertinggi sekali ialah 13,292,010 orang iaitu ada kemerosotan sebanyak 20.4%. Kemerosotan ini pada tahun 2003 adalah pasaran-pasaran di rantau Asia dan juga di Eropah berikutan dari krisis global seperti wabak SARS, perang di Iraq dan isu terrorisme serta kemelut ekonomi dunia.

Bagaimanapun bagi jawapan soalan yang seterusnya ialah kita mempelbagaikan produk pelancong yang menarik dan menerusi Tourism Malaysia kita telah mengenal pasti program-program khusus untuk dipromosikan iaitu Pelancongan Pendidikan, Sukan dan Kesihatan. Pelancongan Pendidikan merupakan salah satu sektor pelancongan yang mendorong pertumbuhan pelancongan serta memberi pulangan yang tinggi kepada negara kita. Ini telah dibuktikan dengan jumlah kemasukan pelajar ke negara kita telah meningkat dari negara luar dan pada tahun 2003 adalah sebanyak 39,577 orang.

Kita telah mengambil langkah untuk mengenal pasti institusi pendidikan awam dan swasta dan juga bekerjasama dengan institusi ini juga menerusi seminar dan pameran antarabangsa di luar negara. Kita juga membantu menyebarkan risalah maklumat institusi berkenaan dan kursus-kursus yang ditawarkan di negara kita dan pasaran melalui Pejabat Tourism Malaysia di luar negara. Dengan program dan strategi ini, kerajaan dapat menjadikan Malaysia sebagai salah satu Pusat Pelancongan Pendidikan di rantau ini bagi pelajar dari pasaran sasaran termasuk Indonesia, Asia Barat, India dan China.

Dalam bidang sukan Tuan Yang di-Pertua, bagi mempromosikan Pelancongan Sukan, Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan serta penganjur acara sukan telah merangkakan strategi tertentu iaitu untuk menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi sukan yang unggul di rantau Asia ini. Dalam kita mencapai objektif itu, kita telah melaksanakan program publisiti bagi sukan di peringkat antarabangsa dan menggalakkan pembangunan pakej-pakej sukan oleh pengusaha pelancongan tempatan dan juga menyebarkan maklumat acara-acara sukan melalui Pejabat Tourism Malaysia di luar negara.

Yang kita ada sekarang ialah seperti Malaysian Grand Prix, Le Tour de Langkawi, BMW Royal Langkawi Regarte, Sukan Golf Amatur, Sukan Air, Sukan Motobike dan Sukan Sea Challenge Labuan dan juga sukan laut serta pelbagai yang banyak lagi acara-acara yang kita jalankan sepanjang tahun. Jadi bagi promosi acara-acara ini, pakej pelancongan kita adakan dan kerjasama pengusaha pelancongan bagi menarik khususnya pelancong sukan dari kawasan Australia, Asia Barat dan juga kawasan-kawasan tertentu di Wilayah Eropah.

Dalam bidang kesihatan Tuan Yang di-Pertua, kita telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan juga Persatuan Hospital Swasta dalam menyediakan pakej-pakej supaya menyediakan kemudahan-kemudahan yang dapat menggalakkan pelancong mengambil kesempatan untuk mendapat rawatan di negara kita ini.

Pada tahun 2003 terdapat 10 buah hospital swasta menunjukkan 130,000 pelancong telah datang ke Malaysia untuk mendapatkan khidmat perubatan dan juga menghasilkan pendapatan sebanyak RM15 juta dan kita nampak pasaran ini ialah 7% pelancong daripada Australia, Vietnam dan Jepun. Hospital-hospital yang mengambil bahagian ialah di kawasan Kuala Lumpur, Melaka, Pulau Pinang dan Johor Bharu.

Kementerian Pelancongan akan terus mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk menambahkan nilai kepada produk-produk pelancongan dalam ketiga-tiga bidang ini dan seterusnya kita akan menggalakkan supaya ia menjadi satu

punca yang dapat menarik dan menambahkan lagi pelancong supaya kita dapat sasaran pendapatan pelancongan sebagai sasaran yang kita tetapkan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa cukup untuk soal jawab.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah cukup]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

MANGSA JENAYAH RAGUT

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

11.11 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk mengemukakan usul yang berbunyi:-

“Bahawa Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen kawasan Ipoh Timur menangguhkan Dewan untuk tujuan membincangkan perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu mengenai pembunuhan Rosli Mohd. Saad serta dua lagi kematian yang diakibatkan oleh kejadian ragut dalam tempoh lima minggu yang sepatutnya menyedarkan seluruh negara supaya melancarkan perang membanteras jenayah yang sejati yang melibatkan Parlimen, Kabinet, polis dan masyarakat madani atas sebab-sebab berikut:-

- (i) Dalam tempoh lima tahun ini pada puratanya berlaku sekurang-kurangnya satu kematian setiap tahun akibat dari peristiwa ragut, tetapi angka ini telah meningkat menjadi tiga kematian dalam tempoh lima minggu. Chin Wai Fun, Chong Fee Cheng dan Rosli Mohd. Saad dan menyerlahkan keseriusannya gejala jenayah yang mengakibatkan kenaikan kadar jenayah serta perasaan kebimbangan gejala jenayah. Berita mengenai gejala jenayah yang berleluasa di dalam negara kebelakangan ini, termasuklah beberapa kes yang dilaporkan di Melaka, seorang anggota polis wanita berpakaian preman dan kehilangan wang tunai RM1,900.00 dan barang kemas bernilai RM40,000 setelah diragut oleh dua peragut yang menunggang motosikal serta pembunuhan kejam seorang nenek Goh Ah Neh berumur 91 tahun dalam satu kejadian memecah masuk rumah;
- (ii) aduan yang dibuat oleh kedutaan Arab Saudi bahawa dalam tempoh empat tahun ini Kedutaan berkenaan telah menerima lebih daripada 50 aduan dari warga Arab Saudi yang menjadi mangsa ragut, yang kebanyakannya berlaku di kawasan Bukit Bintang tetapi sampai kini polis tidak menyelesaikan satu pun kes yang berkenaan;

- (iii) Nasihat pelancongan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Negara negeri China mengingatkan rakyatnya supaya berjaga-jaga terhadap kejadian ragut semasa melancong ke Malaysia.

Parlimen, Kabinet, polis dan masyarakat madani harus memulihkan indeks keselamatan awam Malaysia ke tahap sebelum tahun 90-an di mana Malaysia masih merupakan sebuah negara yang agak selamat, Parlimen haruslah memberikan penghormatan kepada Rosli yang mengorbankan nyawa demi semangat kejiranan dan cuba menangkap peragut serta menubuhkan satu anugerah Rosli untuk menganugerahkan orang awam yang menyumbang ke arah membanteras jenayah.”

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Ipoh Timur telah saya terima 2 Julai 2004. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat;

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (3) (b), Usul ini hendaklah ditempohkan sehingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) 2004

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Mulia Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang] dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya] dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG FI (TAMAN LAUT MALAYSIA) (PENGESEHAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.17 pagi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang bernama Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 bagi tujuan mengesahkan pungutan fi daripada orang awam yang memasuki Taman Laut Malaysia semenjak 1 Januari 1999 sehingga 17 Julai 2003 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Jabatan Perikanan telahewartakan kawasan perairan dua batu nautika di sekeliling pantai 40 buah pulau di seluruh perairan Malaysia sebagai Taman Laut Malaysia. Objektif utama penubuhan Taman Laut Malaysia adalah untuk mengurus dan memelihara sumber dan persekitaran marin terutamanya komuniti flora dan fauna agar dapat mengekalkan sumber perikanan yang berterusan demi kepentingan sosial dan ekonomi negara.

Usaha untuk mengurus dan memelihara sumber dan persekitaran Taman Laut Malaysia memerlukan komitmen dan peruntukan yang berterusan. Penyediaan peruntukan bagi mengurus dan memelihara Taman Laut Malaysia dibuat melalui peruntukan pembangunan Jabatan Perikanan dan juga melalui Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957. Tabung ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 15 Oktober 1987 dengan peruntukan permulaan sebanyak RM10 juta.

Sehingga tahun 1996 kerajaan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM36.348 juta bagi menampung sebahagian daripada kos pembinaan kompleks dan pusat Taman Laut, bot-bot peronda, pembinaan kemudahan asas seperti jeti dan pontoon serta aktiviti penyelidikan dan penyelenggaraan.

Bagaimanapun, mulai tahun 1997, kerajaan tidak lagi menyalurkan peruntukan tahunan kepada Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut. Bagi menampung kos projek pembangunan, pengurusan dan penyelenggaraan, Jabatan Perikanan terpaksa menggunakan peruntukan pembangunan dan mengurus yang sedia ada, serta bagi simpanan dari tabung amanah tersebut.

Setiap tahun Jabatan Perikanan membelanjakan sebanyak RM1.5 juta hingga RM2 juta untuk pengurusan, pemuliharaan dan penyelenggaraan. Daripada jumlah itu, sebanyak RM0.5 juta adalah dari peruntukan tahunan Jabatan Perikanan, manakala selebihnya adalah dari baki simpanan Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut. Dengan baki berjumlah RM6.7 juta, baki simpanan tabung ini dijangka akan kehabisan dalam tempoh 4 atau 5 tahun lagi sekiranya tidak diambil langkah-langkah untuk menambah dana tabung amanah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keperluan untuk meningkatkan sumber dana tabung amanah tersebut, Jabatan Perikanan telah mengenakan kutipan fi bagi setiap pengunjung yang memasuki Taman Laut dan telah dipersetujui oleh Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut mulai 1 Januari 1999, dengan kadar yang telah dipersetujui oleh Kementerian Kewangan.

Segala kutipan yang dibuat dimasukkan ke dalam tabung amanah taman laut dan rizab laut dan diaudit oleh Ketua Audit Negara setiap tahun. Bagaimanapun, setelah menyedari bahawa kutipan yang telah dibuat sejak 1 Januari 1999 tidak disokong oleh mana-mana undang-undang atau akta, maka Kementerian Pertanian telah membentangkan Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2003 yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Perintah Fi tersebut telah diwartakan pada 17 Julai 2003, yang mula berkuat kuasa pada 18 Julai 2003. Dengan adanya perintah fi ini, Jabatan Perikanan boleh mengenakan fi tersebut pada kadar yang ditetapkan atas pengunjung Taman Laut. Bagaimanapun bagi tujuan mengesahkan kutipan yang telah dibuat oleh Jabatan Perikanan mulai 1 Januari 1999 sehingga 17 Julai 2003, satu rang undang-undang, Akta Fi (Taman Laut Malaysia) 2004 perlu dibentangkan untuk mendapat kelulusan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 dibentangkan untuk bacaan kali kedua.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengesahkan pungutan fi berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia selama tempoh mulai 1 Januari 1999 hingga 17 Julai 2003, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat bagi Kepong, sila.

11.24 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam rang undang-undang ini kerana saya nampak di pihak yang berkuasa telah pun mengutip fi sejak 1 Januari 1999. Pada biasanya atau sebelum kita mengutip fi, untuk tujuan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, memang satu tujuan yang baik, kita mesti adakan tabung dan dana yang cukup untuk menyelenggara, untuk mengurus taman-taman marin.

Bukankah itu satu amalan yang baik jika kita datang ke Dewan dahulu, luluskan, kemudian kita kutip fi. Ini retrospektif, walaupun saya tidak mempertikaikan tujuannya, tetapi dari segi undang-undang, ini memanglah satu perkara yang tidak begitu teratur, perkara yang tidak begitu baik. Sebab kita tidak mahu menggalakkan semua tindakan yang diambil termasuk pungutan fi itu dibuat, selepas itu, 5 tahun kemudian kita balik ke Parlimen untuk meminda rang undang-undang supaya kita boleh mengesahkan apa yang dikutip oleh pihak berkuasa. Di sini pihak perikanan.

Sebab itulah saya mencadangkan supaya kita kaji semula sebab apa ini dapat dilakukan, walhal Timbalan Menteri pun tidak tahu, cuma dia diberitahu setakat inilah kita hendak sahkan satu yang tidak sah. Itu sahaja diberitahu. Hendak salahkan dia pun susah sedikit, tetapi Menteri waktu itulah, 5 tahun yang lepas mesti mengambil kira, bertanggungjawab untuk menjawab masalah yang ditimbulkan hari ini, sebab itulah saya mencadangkan supaya kita ada – mungkin ada satu laporan kepada negara ini, bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah.

Lain kali kita adakan rang undang-undang dahulu kemudian kita kutip, sebab salah satu perakaunan ataupun tanggungjawab, akauntabiliti Yang Berhormat Menteri Parlimen kita. Akauntabiliti untuk demokrasi berparlimen, semua wang yang dikutip, satu sen, setengah sen pun kita mesti luluskan di sini dahulu. Itu satu prinsip demokrasi berparlimen untuk akauntabiliti kewangan.

Kemudian, yang saya tidak begitu puas hati ialah walaupun kita ada usaha untuk memelihara Taman Laut kita, mesti kita adakan banyak Taman Laut di negara ini – tetapi saya nampak peruntukan di dalam rang undang-undang ini tidak cukup. Sebab apa tidak cukup, tidak ada peruntukan yang berkesan untuk menjaga taman-taman laut kita.

Yang Berhormat, saya meminta Yang Berhormat, pergi misalnya ke Pulau Redang ataupun Pulau Langkawi untuk menyaksikan dengan sendirinya, apakah yang telah terjadi dengan *coral reef* ataupun batu karang kita. Kita boleh nampak sebahagian *coral reef* kita sudah lupus, mati sama sekali, di sebahagian daripada Langkawi ataupun Pulau Redang ataupun pulau-pulau yang lain. Ini memang satu perkara yang sangat serius dari segi *bio-diversity*, dari segi penjagaan alam sekitar negara ini.

Sebab itulah peruntukan yang disebutkan di sini hanya untuk mengutip fi itu tidak cukup, memang tidak cukup. Saya mencadangkan supaya selepas rang undang-undang ini diluluskan kerana sekarang tidak ada dan tidak cukup masa untuk mengadakan satu peruntukan bagi menjaga *coral reef* kita ataupun kehidupan di taman-taman laut kita. Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat sebab-musabab *coral reef* kita mati. Adakah *coral reef* kita dipungut oleh pihak yang tertentu dan dibawa keluar dari negara ini? Saya diberi tahu bahawa *Marine Park*, di Hong Kong dijaga dengan sangat baik. *Coral reef* itu cantik dan sebagainya, tidak ada yang mati. Dulu ada, tetapi sekarang kita nampak lebih teratur penjagaan taman laut di Hong Kong. Misalnya, satu kawasan yang kecil sahaja dapat dijaga dan mungkin ada *coral reef* di situ yang dibawa dari Malaysia. Saya pun tidak tahulah, saya bukan pakar di dalam bidang ini dan saya berharap Yang Berhormat mungkin dapat mengkaji sama ada *coral reef* di Hong Kong itu dapat dijaga dan asal-usul *coral reef* mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua pun tahu bahawa batu karang kita itu perlu untuk *biodiversity*, untuk menjaga kehidupan laut kita. Dengan adanya taman laut Malaysia seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang terletak dalam lingkungan 200 *nautical miles* dari pantai negara kita, saya nampak keberkesanan untuk meninjau, untuk meronda, untuk menjaga taman laut ini adalah tidak mencukupi. Perkara ini berlaku mungkin kerana kekurangan kakitangan marin ataupun alat kelengkapan termasuk bot peronda, kapal ronda tidak begitu canggih sehingga kita tidak dapat menjaga kawasan taman laut kita dengan baik.

Setakat manakah, Yang Berhormat, kita dapat menjaga pencerobohan ke atas taman laut kita termasuklah pencerobohan oleh nelayan-nelayan pukat harimau – pukat harimau yang digunakan, sebab benih-benih hidupan laut kita lupus kerana ada pihak yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan pukat harimau di dalam kawasan taman laut kita sendiri. Dari manakah datangnya penjahat-penjahat yang menggunakan pukat harimau di taman-taman laut kita, sama ada dari Thailand ataupun orang Malaysia sendiri yang membuat jahat?

Saya ada melihat di dalam televisyen di mana di Filipina mereka menggunakan bahan letupan di kawasan batu-batu karang, menggunakan bahan-bahan letupan untuk menangkap ikan kerana hendak menangkap ikan yang hidup untuk dihantar ke Hong Kong, ke Selatan China di mana ia mendapat harga yang lebih baik kerana orang hendak makan ikan yang sedap dan mereka menggunakan bahan letupan. Bahan letupan ini diletupkan dan batu-batu karang itu semua musnah sama sekali. Dan di Malaysia saya tidak tahu, sama ada keadaannya sama sahaja - bahan-bahan letupan ataupun racun digunakan untuk menangkap ikan di ... [*Bertanya kepada teman pembangkang di kerusi belakang*] benar ada? Tak tahu? Saya tidak tahu tetapi memang saya tahu ada berlaku di Filipina.

Kalau itu benar berlaku, memang musnahlah sama sekali batu-batu karang itu kerana hendak memulihkan batu karang ini bukan senang, kerana ia mengambil masa bertahun-tahun untuk memulihkan. Ia juga boleh dikatakan sebagai satu jenis haiwan, batu karang ini bukannya apa kehidupan laut, haiwan juga. Kalau batu karang ini dimusnahkan, kalau kita hendak hidupkan semula memanglah payah, memang payah kerana yang terdapat di dalam taman laut kita itu mungkin sudah wujud berkurun-kurun, yang timbul sudah berkurun-kurun dan saya pun hairan juga mengapa pihak sebelah sana tidak ada orang yang berminat. [*Menujukan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya pun hairan Yang Berhormat faham semua, semua tahu.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, saya tengok tidak ada orang yang mengambil kira di pihak khazanah Malaysia. Saya tengok tidak ada orang yang berminat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: sebab itulah kita kasihan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bila Yang Berhormat bangun yang lain semua duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Err?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mereka duduk semua Yang Berhormat bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak. [Disampuk] Oh, ho. Saya diberi tahu ada satu pemilihan yang penting, isu pemilihan UMNO lebih penting daripada taman laut sekarang.

Beberapa Ahli: Aaaaa

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti ambil tahu supaya jangan kita berbabas hari ini semasa pemilihan UMNO. Kalau begitu tidak ada penyertaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak ada lain hendak cakap boleh duduklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada, memang ada sebab tadi saya sebutkan mengenai bahan letupan untuk menangkap ikan sebab saya tidak mahu amal buruk ini dilakukan di Malaysia. Walau bagaimanapun mereka menggunakan pelbagai cara termasuk pukuk harimau untuk memusnahkan batu karang kita yang berkurun-kurun tumbuh di dasar laut dan adalah penting sekali bagi kita untuk memastikan tidak ada penjenayah yang merosakkan batu-batu karang kita.

Tambahan pula saya tidak nampak bagaimana pihak perikanan dan pihak Marin dapat menjaga dengan baik kerana apabila ada orang yang berkunjung - penyelam dan sebagainya, *scuba diving* dan sebagainya memang kehidupan laut hilang, memang hilang. Kalau bilangannya ramai, banyak, ikan dan sebagainya akan hilang dari kawasan itu. Saya pun tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri ada pengalaman. Saya pernah menaiki kapal selam untuk pelancong, di mana di dalam kapal selam itu terdapat cermin dan sebagainya di mana kita boleh menyaksikan apa yang berlaku di sekeliling taman laut tersebut. [Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyampuk] Macam mana Kinabatangan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Menteri menjaga Parlimen mestilah mengambil kira. Saya mencadangkan beliau pergi melihat sendiri kapal selam untuk pelancong tersebut. Misalnya di Bali ada banyak, saya pernah pergi menyaksikan dengan sendiri macam mana pemandangan melalui kapal selam untuk pelancong ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan melalui kaca TV ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, ini bukan, ini betul-betul, saya sendiri ada pengalaman di situ. Saya tengok apabila kita datang sahaja, di bahagian yang ada pelancong tidak banyak ikan. Ikan memang ada, tetapi tidak banyak dan tambahan pula kita boleh melihat plastik pun ada di bahagian bawah dan kita dapat melihat bahan-bahan yang tidak patut dibuang ke dalam dasar laut pun ada.

Tetapi di Taman Laut Negara, saya tidak pernah turun ke bawah melalui kapal selam, tidak pernah, cuma di Bali, saya satu sekali ada tengok dan di sini saya hendak menekankan bahawa pihak perikanan dan juga marin mesti mengkaji bagaimana bilangan pelancong dari mereka kita kutip *fee* kemudian mereka turun ke bawah melalui biasanya *scuba diving* dan mereka turun ke bawah, adakah kita dapat memantau apa yang dibuat oleh pihak mereka? Saya nampak tidak dan apabila mereka kutip ataupun sebahagian batu karang ataupun bahan-bahan kehidupan di bawah dasar laut ini adakah kita buat pemeriksaan yang teliti untuk memastikan mereka ini tidak membawa bahan-bahan yang tidak patut di bawa keluar daripada taman laut kita ini.

Dan di sinilah halnya kita hendak kutip *fee*, itu pun *retrospective* yang tidak baik amalannya, tidak disebutkan.

Datuk Bung Moktar bin Raden: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada taman laut di Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Raden: Ada-ada, banyak-banyak [Ketawa] Kepong tidak ada kan? Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Tuan Yang di-Pertua, hendak tanyalah Yang Berhormat Kepong, dia *criticize* sahaja tetapi apakah Yang Berhormat

mempunyai cadangan yang komprehensif, yang lebih kukuh kepada kerajaan bagaimana cara pemantauan yang berkesan untuk memastikan bahawa penyelam-penyelam daripada luar negara ini tidak merosakkan taman-taman laut di dalam air itu, sebab kita belum ada submarine, belum kapal selam untuk meninjau, memantau aktiviti mereka di dalam air, sebab ini aktiviti di dalam ini sulit untuk dipantau. Jadi sekiranya ada Yang Berhormat ada cadangan yang lebih berkesan saya minta apakah cadangan Yang Berhormat kepada kerajaan untuk memantau aktiviti-aktiviti negatif yang kita fikirkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang soalan itu betul juga, kali yang pertamalah soalan yang betul daripada Kinabatangan. Yang pertama saya sudah cadangkan kita mengambil perhatian Yang Berhormat Kinabatangan, yang pertama saya sudah cadangkan, kita ada peruntukkan dalam rang undang-undang ini, untuk cara-cara yang berkesan menyelenggarakan taman laut. Sebab setakat kita kutip *fee* sahaja tidak cukup, tidak cukup. Kita mesti ada peruntukkan untuk mengesahkan bilangan pengunjung pelancong yang datang ke taman laut kita, kita tidak boleh saya sebutkan tadi, kalau bilangan terlalu ramai kehidupan laut akan hilang sama sekali. Sebab di dalam kapal selam saya pernah tengok macam mana tidak ada banyak ikan dan sebagainya, mereka bagi tahu kerana ada orang manusia di bawah taman laut bahaya juga. Bila ada manusia semua hilang dan sebelah yang tidak ada manusia cukup banyak kehidupan, ini memang macam itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak faham Yang Berhormat, kenapakah ikan ataupun benda dalam laut ini bila dilihat manusia dia hilang kerana di Pulau Langkawi dekat pulau-pulau ini bila tengok muka saya atau muka ini ikan tidak lari dia lagi jinak mungkin dia tengok muka Kepong jadi dia takut, kenapa adakah ini kerana semula jadi ikan ataupun Yang Berhormat menceritakan dan *submarine* mana Yang Berhormat maksud ini yang cerita tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, patut dia tuju soalan kepada menteri, saya bukan menteri. Yang pertamanya kalau Yang Berhormat Jerai pergi ke Langkawi, ikan tidak hilang dan sebagai, mengapa batu-batu karang itu mati, mungkin Jerai masuk ke situ semua mati. Kenapa di Langkawi *coral reef* itu mati, kita mesti tanya, bukan kita jaga bukit ataupun gunung Jerai sahaja. Kita jagakan gunung ataupun bukit di bawah dasar laut juga. Di dasar laut ada gunung dan bukit juga itu, bukan di permukaan tanah sahaja, di laut pun ada. Kebetulan bukit dan gunung itu di bawah dasar lebih dahsyat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu, mungkin dia hendak jawab soalan Yang Berhormat tadilah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya jawab sahaja sebab yang baik-baik satu cadangan, syor kepada Yang Berhormat Jerai, balik kepada Kedah pergi ke Langkawi tengok dengan sendiri mengapa batu-batu karang kita mati di setengah-tengah tempat, di Langkawi itu pun mula sahaja tidak sampai satu dekat kita hendak popularlah lebih popularkan Langkawi dengan banyak pelaburan di situ bukan main jadi lapangan terbang antarabangsa ada sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak perlu tengok dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bagi satu cadangan supaya dia buat baik, pergi ke Langkawi untuk tengok macam mana kita boleh jagakan laut kita di Langkawi terutama hidupan liar di dasar laut kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kepong. Di pulau-pulau berdekatan dengan Pulau Langkawi misalannya di Pulau Kapas ada satu platform terapung dekat Pulau Kapas di mana-mana feri-feri dari Kuala Perlis, Kuala Kedah atau Pulau Pinang akan singgah di Pulau Kapas untuk menurun dan menaikkan pelancong-pelancong semasa perjalanan ke Pulau Langkawi dan platform terapung di Pulau Kapas ini lengkap dengan *facility*, tandas-tandas tetapi tidak tahulah saluran tandas atau saluran najis pergi ke mana, itu mungkin kerana ada manusia melawat ke kawasan sana dan kehidupan laut di dalam kawasan itu terancam.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang Yang Berhormat Bagan membangkitkan satu perkara yang penting. Apabila saya sebutkan satu perkara yang penting ini pihak perikanan, marin dan semua pihak yang berkenaan mesti mengambil kira, jangan kita buang najis dan sebagai ke laut. Yang Berhormat menteri mesti mengambil kira, kita hendak jagakan itu bukan sahaja hendak pungutkan *fee*, hendak jagakan taman laut kita dan semua kumbahan daripada semua punca mestilah dirawat dulu kemudian dilepaskan ke laut.

Cuba lihat Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan di Negeri Sembilan di Port Dickson teruk sekali kita tengok, sebab itu lari dari NS ke Wilayah Persekutuan, sebab kita tengok dia punya kumbahan daripada berbagai punca masuk ke dalam laut Port Dickson, bukan main mengotorkan laut kita, tidak dirawat dahulu. Daripada kilang-kilang macam itu juga sebab itulah platform terapung pun dengan tandas dibuang di dalam....

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Kepong, saya amat tertarik dengan Yang Berhormat bagi Kepong mengatakan mengenai pemuliharaan taman-taman laut Malaysia dan saya percaya bahawa jika sekiranya pemuliharaan taman-taman laut ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, sudah tentu ia akan dapat memberikan pulangan yang besar kepada ekonomi negara kerana ini akan dapat menarik pelancong-pelancong untuk datang ke Malaysia khususnya mereka yang berminat di dalam aktiviti menyelam.

Di Sabah misalnya pemuliharaan laut ini adalah merupakan tarikan pelancongan yang begitu berpotensi, tetapi apa yang menjadi masalah di dalam pembangunan pemuliharaan taman-taman laut ini ialah aktiviti pengeboman ikan-ikan yang dilakukan oleh nelayan-nelayan tanpa terkawal dan ini berlaku di sebahagian besar di pantai-pantai negeri Sabah dan setakat yang saya ketahui, walaupun ada tindakan-tindakan yang diambil tetapi tidak ada suatu *concerted effort* ataupun usaha-usaha yang begitu bersungguh-sungguh daripada kerajaan untuk memastikan aktiviti pengeboman ikan ini yang boleh merosakkan habitat-habitat laut dan menjejaskan alam sekitar dapat dilaksanakan. Misalnya kerajaan haruslah menguatkuasakan undang-undang yang lebih keras untuk memastikan tidak ada lanun-lanun atau pihak-pihak yang cuba merosakkan habitat laut ini yang saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong akan menyebabkan kerosakan alam sekitar dan juga menyebabkan kerugian yang besar kepada negara.

Jadi adakah Yang Berhormat bagi Kepong mencadangkan untuk merangka suatu tindakan undang-undang yang keras untuk memastikan mereka yang terlibat ini dapat dihukum dan memastikan tidak ada tindakan yang sebegini berleluasa khususnya di negeri Sabah dan perairan laut di seluruh Semenanjung Malaysia. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat itu memang menyebutkan apa yang benar. Saya memang sudah mencadangkan supaya kita ada peruntukan di dalam undang-undang ini supaya pihak berkuasa dapat mengambil tindakan yang lebih tegas juga berkesan untuk membanteras kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Di sini kita mestilah menyebut contoh Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan yang menjadi satu tumpuan kepada pelancong yang tahu khazanah *coral reef* di bawahnya, yang memang canggih sama sekali tetapi tidak dijaga dengan baik.

Yang Berhormat, bukan sahaja kita hendak ada peruntukan yang lebih berkesan bahkan juga saya mencadangkan sama-sama Menteri dan Timbalan Menteri mengunjungi atau melawat kawasan-kawasan di Sabah dan di semua tempat untuk menyaksikan negara kita sendiri, apakah sebenarnya yang berlaku di dasar laut kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada laut di Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Macam Kepong jugalah, tidak ada laut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong pun tidak ada laut, ya Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya, bukan semua yang Yang Berhormat bagi Kepong sebut ini tidak baik, banyak yang baik-baik, tahniah Yang Berhormat bagi Kepong, seorang Ahli Parlimen yang memberikan sumbangan, tetapi sayangnya dia DAP, kalau dia MCA, alangkah bahagiannya kita, apa hendak buat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini berkaitan dengan soalan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya, saya amat bersetuju apabila Yang Berhormat bagi Kepong menceritakan tentang pencemaran laut, saya bersetuju, saya hendak menyokong dan Yang Berhormat boleh menjawab agaknya. Kita memang mempunyai laut yang luas berbanding dengan daratan. Sedar atau tidak Yang Berhormat bagi Kepong bahawa pencemaran ini berlaku bukan sahaja daripada daratan kita tetapi daripada kegiatan-kegiatan kapal-kapal dagang yang membuang sewenang-wenangnya sampai ke perairan kita ia membuang segala kumbahan dan segala kekotoran di lautan kita, kerana mereka sedar kelemahan kita tentang penguatkuasaan, seperti kegiatan membersihkan kapal, mereka dengan senang-senang membuang segala karat, segala kekotoran ke laut kita. Kadangkala kerana kepentingan wang ringgit, ini termasuk dikongsi sama oleh warganegara kita.

Saya tidak tahu bagaimana Yang Berhormat bagi Kepong boleh mencadangkan, apa pandangan Yang Berhormat? Kerajaan harus peka. Kadangkala kita agaknya terlalu baru tentang hal ehwal kebersihan laut ini, maka kita ambil endah tidak endah, jadi Yang Berhormat bagi Kepong apakah pandangan dan pendapat tentang perkara ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading itu memang berlaku terutamanya di Selat Melaka. Pihak yang tertentu bukan sahaja warganegara asing termasuk warganegara Malaysia yang membersihkan kapal dengan segala karat yang dibuang ke dalam laut kita dengan begitu sahaja dan sebab itu saya cadangkan tadi Yang Berhormat Menteri serta Timbalan Menteri sendiri pergi melawat ke kawasan ini supaya mereka tahu dari segi hal perikanan pun laut amat penting, kalau tidak ada laut, tidak ada ikan. Kalau dia hendak jaga ikan, kita mesti jaga dengan laut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada ikan, tidak ada lauk.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada laut, tidak ada ikan, memang tidak ada. Ohh, Kepong pun ada Dr. Tan Seng Giaw juga [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah kita mesti sama-sama termasuk Ahli-ahli Parlimen mesti peka kepada hal ini, juga kita hendak menjaga khazanah kita. Kalau hendak pelancong seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kudat tadi, apabila kita buat satu pengiklanan di dalam CNN dan di televisyen antarabangsa, ohh, begitu hebat kita di Langkawi misalnya ada *coral reef* kita, *The Most Beautiful Coral Reef In the World*. Tetapi apabila kita bawa beberapa pengunjung ke Langkawi, kita dapati sebahagian sudah musnah sama sekali, macam mana kita boleh memaparkan satu imej yang baik?

Kalau hendak memaparkan imej yang baik, kita mestilah jaga *coral reef* kita dan setakat ini saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang. Jangan kira kita tidak ada bahan, tengok itu macam mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi jangan bacalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, saya tidak baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang bangun, Mambong dan Bagan, mana satu Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Bagi dia dahulu, dia bangun baru satu kali sudah.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong atas peluang ini. Sebelum saya bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kepong tentang

kerusakan *coral reef* kita dan juga ekosistem di dasar-dasar laut kita, siapakah mereka yang memusnahkan ini? Kerana kalau kita lihat daripada ekosistem laut di Langkawi dan di pulau-pulau lain, lebih-lebih lagi di Johor. Sri Gading tidak ada laut? [Ketawa] Yang Berhormat bagi Kepong masih ingat tidak, dahulu apabila Singapura membuat tambakan. Apabila kita membuat tambakan ataupun *land base activities* yang lain, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, keladak ataupun *sediments* akan hanyut dan dibawa oleh arus ke mana-mana tempat sahaja kerana arus ini haluannya akan bertukar setiap musim. Oleh kerana itu, keladak ini ataupun *sediments* ini akan pergi ke mana-mana dan inilah yang menyebabkan kerosakan *coral* kita dan juga ekosistem di dasar-dasar laut.

Yang Berhormat bagi Kepong, setujuakah Yang Berhormat kalau saya mengatakan bahawa yang penting sekali kita harus mengawal aktiviti-aktiviti di tanah ataupun *land base activity* agar keladak ini tidak dihanyutkan oleh arus ke mana-mana sahaja dan justeru itu merosakkan *coral reef* kita? Silakan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Mambong suka menyebutkan *land base* sahaja, ini bukan sahaja *land base*, *sea base*, *semua base pun*, asalkan apa sahaja yang merosakkan makhluk laut, kita tidak benarkan. *Land base* memang ada asas juga, kumbahan yang tidak dirawat dibuang di dalam laut setiap hari dengan begitu banyak, ini satu punca, ditambah pula dengan pembersihan kapal antarabangsa ataupun tempatan pun begitu juga, buang ke dalam laut, dan pihak kerajaan termasuk Jabatan Perikanan pun tidak ambil tindakan.

Saya tidak nampak, adapun satu dua berita pihak perikanan sudah mengambil tindakannya sekarang. Macam mana hendak

[Dua Ahli bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Raden: Peraturan Mesyuarat 35(1). Yang Berhormat dari Kepong berhujah tidak menghadap dengan Tuan Yang di-Pertua, tetapi asyik menghadap ke arah kita. Jadi ini adalah salah dari segi peraturan mesyuarat. Minta Yang Berhormat dari Kepong berhujah dengan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah, Yang Berhormat sila duduk.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya di sini sebutkan bagaimana pentingnya kita adakan undang-undang yang bukan sahaja untuk mengutip fi bahkan juga untuk kawalan, kawalan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong, Pendang bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bawa mengenai masalah pertanian yang melepaskan bahan-bahan toksik ke dalam lautan yang menyebabkan *coral reef* kita rosak. Terutama sekali kita lihat pertanian di kaki Gunung Jerai misalnya, mungkin sahabat saya dari Jerai boleh pastikan perkara ini, dua tiga tahun yang lepas masalah kerosakan bahan dari laut di kaki Gunung Jerai kerana ada aktiviti pertanian di Gunung Jerai dan apabila hujan turun dengan lebat. Begitu juga baru-baru ini, apabila banjir lumpur di sekitar Gunung Jerai itu, ini akan merosakkan keadaan laut di sekitar Gunung Jerai. Yang keduanya tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, di Pendang pun ada kilang juga Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Yalah, tetapi tidak dilepaskan ke laut. Ini Gunung Jerai punya kerja. Kemudian aktiviti ternak udang harimau misalnya di Kerpan ada berlaku pembuangan sisa daripada kolam-kolam udang itu masuk ke dalam laut

dan bahan-bahan ini akan merosakkan sama ada hidupan ataupun *coral reef* di lautan itu. Minta ulasan daripada Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pendang, yang penting sekali kita tidak boleh menjejaskan *mangrove swamp* kita. *Mangrove swamp* kalau dirosakkan akan menjejaskan *bio-diversity* dan di alam sekitarnya penting. Sama ada di Jerai, saya pun tahu, saya pergi ke Jerai dan saya tengok juga bagaimana tanaman dan sebagainya. Penggunaan racun-racun yang kadangkala tidak dikawal dengan baik dan termasuk Kerpan juga. Kerpan banyak bot dan wang dibuangkan di Kerpan. Ada masalah dan sebagainya dan setakat ini saya tidak nampak ada kejayaan yang baik di Kerpan ini dan sisa-sisa dibuang memang tidak baik untuk *mangrove swamp*. *Mangrove swamp* salah satu khazanah yang penting untuk negara kita sama ada di Kedah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Jerai bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih sahabat saya daripada Kepong. Orang yang mencintai alam di darat dan di lautan.....

Beberapa ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:dua alam. Benda ini makruh dimakan. [Ketawa] Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pendang. Sebenarnya saya pembela rakyat. Memang saya hendak bercakap kerana saya faham bukit-bukau yang diadakan oleh Allah s.w.t ini sebagai paku kepada bumi kita ini supaya ia tidak akan mendatangkan kemudaratan kepada dunia. Oleh sebab kadang-kadang kerana makhluk itu tidak prihatin tentang kehendak Allah s.w.t, maka kita dapat lihat bukit-bukau ini telah dipotong digunakan untuk perumahan, digunakan untuk pembangunan dan akhirnya ia akan menjadi masalah kepada rakyat. Memang dalam perbahasan lalu saya telah bercakap Yang Berhormat Pendang, dan saya telah memberitahu kepada kerajaan supaya jaga. Pokok-pokok ini kalau ditebang Tuan Yang di-Pertua, ibaratnya minta maaflah sesiapa ada kepala botak saya bukan berniat untuk ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:tapi kalau orang itu kepala botak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pakai songkok tidak nampak Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ...pakai songkok tidak mengapalah, pakai serban pun tidak mengapalah, tidak tahulah buka-buka akan cerah. Tapi cuba kita tengok antara orang yang kepala botak dengan yang ada rambut macam saya, yang kepala botak itu bila air turun dia gelongsor turun terus, tetapi yang ada rambut macam saya dia tersekat-sekat jugalah. Jadi begitu jugalah bukit-bukau ini. Kalau kita tebang bukit, hujan turun dia tidak ada dah sekatan. Dia turun kalau kita bubuh minyak brylcream pun, brylcream pun dia bawa habis.

Jadi di sini dia akan turun sampai macam masalah di kawasan saya baru-baru ini. Tapi saya cepat Yang Berhormat Pendang. Saya dengar saja terus saya turun. Saya hands on tengok rakyat tanya ada tenggelam atau tidak. Hendak minta penjelasan daripada Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong jangan terkejut ini saya minta penjelasan. Jadi benda ini akan turun ke laut dan ini akan merosakkan kawan-kawan Yang Berhormat di Kepong yang duduk bawah laut itu. Saya bersetuju supaya alam-alam ini kena dipelihara kerana tuhan ini mencipta ini dia cukup bagi sudah bagi manusia. Ini kerja manusia, yang ini kerja binatang, yang ini kerja hutan dan belantara yang ini bawah laut, hang jaga elok-elok.

Bayangkanlah kalau laut ini tidak ada ikan tidak ada, apa pun tidak ada, Datuk kita bagaimana hendak hidup. Jadi Tuhan ini cipta semua elok dah. Cuma manusia kena jaga, jadi Yang Berhormat bersetuju yang manusia kena jaga kerana Allah s.w.t. Bagi Yang Berhormat di Kepong saya bersetuju dengan Yang Berhormat sedang

membela untuk kita jaga laut dan sebagainya, alam-alam sekitar dan sebagainya. Jadi ini juga kita memberi saranan kepada pihak kerajaan supaya mereka memahami bahawa jangan pembangunan itu menyusahkan rakyat dan meletakkan rakyat di satu posisi yang merugikan mereka .

Kita memerlukan pembangunan tetapi jangan pembangunan itu menyusahkan rakyat. Saya akan berhadapan dan saya pasti Yang Berhormat daripada berlaku di 'Singkiar' itu saya di hadapan untuk pertahankan dan saya telah mencadangkan kepada kerajaan negeri tutup kuari itu kerana menyusahkan rakyat yang menyokong kerajaan Barisan Nasional dan ada juga yang menyokong PAS tetapi kita pertahankan. Jadi jangan PAS ingat

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:*Assalamualaikum* Yang Berhormat *[Ketawa]* Pasir Mas nampak serius itu. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan menguatkuasakan penjagaan seluruh alam sekitar di dunia ini malah sebentar lagi kita akan bincangkan pula di atas langit segala bintang-bintang yang bertaburan untuk Yang Berhormat bawa buku untuk bercerita lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Jerai itu dia pergi ke seluruh dunia sebelum dia turun ke darat dan bagi cadangan baik juga. Kita mestilah adakan rang undang-undang dan tindakan yang baik untuk menjaga semua termasuk di Kerpan. Kalau Yang Berhormat Jerai begitu peka mestilah melihat dari segi projek di Kerpan. Sebab apa projek ini berlaku, akibat daripada pelaksanaan apakah hasilnya, apakah sisa-sisa yang dibuang di dalam *mangrove* adakah *mangrove swamp* di sekitarnya sudah terjejas dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat Jerai dapat mengkaji dan memberi laporan kepada kita semua sama ada dia benar-benar mencintai *mangrove swamp* di Kedah ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kudat bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Kudat, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kudat dia banyak *mangrove swamp*.

Datuk Abdul Rahman bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kepong, saya melihat masalah kerosakan taman-taman laut ini adalah berpunca daripada sikap manusia yang tidak mempunyai kesedaran untuk memelihara alam sekitar di bawah laut. Oleh itu, adakah Yang Berhormat bagi Kepong ingin mencadangkan kepada kerajaan, khususnya Kementerian Penerangan untuk menyediakan kempen-kempen khususnya di televisyen dan juga radio-radio berkaitan dengan kesedaran untuk memelihara taman-taman laut yang menjadi warisan kepada negara dan juga membawa kepentingan kepada ekonomi kita.

Saya percaya sekiranya ada cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kepong dan cadangan itu pula diterima oleh kerajaan, khususnya Kementerian Penerangan, saya percaya sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan masalah pencemaran dan kerosakan taman-taman laut. Demikian juga saya minta supaya Yang Berhormat bagi Kepong mencadangkan di dalam ucapan Yang Berhormat bagi Kepong kepada Kementerian Pendidikan untuk menyediakan kurikulum berkaitan dengan kesedaran pelajar-pelajar mengenai kepentingan memelihara taman-taman laut dan habitat-habitat laut yang akan menjadi warisan bangsa dan negara kita pada masa akan datang. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang Yang Berhormat bagi Kudat, cadangan untuk pendidikan itu ada baiknya, memang baik. Saya nampak ada sedikit sebanyak disebutkan di dalam kurikulum mengenai alam sekitar tetapi tidak cukup, mesti dijadikan satu perkara yang lebih penting daripada...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timur.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bagi Kepong ada menegaskan dalam ucapan beliau mengenai betapa penting untuk memelihara ekologi taman laut dan adakah beliau sedar bahawa dalam perkara ini Malaysian Nature Society President, Dato' Dr. Salleh Mohd. Nor pernah berkata bahawa sungguhpun kerajaan menyokong *conservation in general*, dengan izin, "*There is still excessive unsustainable development. Many species and ecosystem had disappeared in Malaysia, so much more needs to be done.*"

Adakah beliau sedar bahawa pada tahun lalu, April 2003 ada satu kajian yang dibuat oleh *World Tourism Organization, United Nations Development Programme* dan *Global Environmental Facility (GEF)* mengenai dengan izin, *sustainable tourism in marine parks* dalam taman-taman laut dan dengan tujuan..., ini sebenarnya daripada Internet, siapa *surf* dia boleh dapat, mengenai satu kajian, dengan izin "*To conduct an initial marine park study on the islands of Tioman, Redang and Sibiu-Tinggi, not only to analyze the existing local capacities in sustainable tourism management, but to also propose sustainable measures that will improve the ecological management of marine parks with a view to their long term protection. With these objectives in mind, the study examined key infrastructure systems such as waste and energy management systems in an initial step towards creating an environmental policy to guide a future development.*"

Laporan ini saya percaya sudah dikemukakan kepada kerajaan. Dengan izin, "*Provide an insight into the relationship between marine biodiversity and tourism based on the mission findings and set out the current state of tourism resource management, together with the proposals to reduce the negative impacts of mass tourism and popular tourist sites. Threats discovered to the marine biodiversity on the islands included major underdevelopment of waste systems at tourist resorts and other facilities frequented by tourists, which has caused a worrying increase in sediment loads and nutrient levels in the sea.*"

Adakah Yang Berhormat setuju bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri patutlah memberi bukan sahaja satu laporan mengenai keputusan yang dibuat oleh kerajaan mengenai laporan ini dan kalau tidak silap, ia adalah satu proses untuk mengeluarkan satu *Tourism Master Plan* untuk taman-taman laut atau *marine parks* dan apa sudah jadi. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa satu laporan yang lengkap patut dikemukakan dalam masa menggulung perbahasan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur memang membangkitkan satu perkara yang penting mengenai laporan *the World Tourism Organization* atau WHO ini.

Tuan Lim Kit Siang: WTO.

Dr. Tan Seng Giaw: WTO ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab sama ada pihak kerajaan sudah membuat keputusan dan kemudian adakah rang undang-undang akan diadakan untuk pelancongan yang mapan. Sejurus selepas daripada itu, saya hendak...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kalabakan bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Pendek sahajalah, kita pun tidak ada masa dan saya pun hendak berhenti juga.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Jangan begitu, masa kita sudah bincang. Untuk kepentingan negara, masa kita boleh tambah. Yang Berhormat bagi Kepong sudah berucap lebih daripada satu jam, jadi kita tambah lagilah masa untuk Yang Berhormat bagi Kepong berucap.

Jadi, saya mahu tahu daripada Yang Berhormat bagi Kepong, kita di Sabah mungkin mempunyai masalah dari segi undang-undang yang kita kemukakan di sini kerana di Sabah, kita ada Kementerian Pertanian sendiri, Kementerian Pertanian Sabah. Saya mahu tahu, adakah rang undang-undang ini boleh dikuatkuasakan di Sabah atau Sabah sahaja yang boleh menguatkuasakan undang-undang ini? Itu perlu kerana kalau rang undang-undang ini tidak dapat dikuatkuasakan secara menyeluruh di negara kita, tentu tidak ada hasil untuk Sabah dan Sarawak kerana mereka ada undang-undang sendiri untuk kementerian.

Di Sabah, untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong, mungkin Ahli Yang Berhormat tadi salah katakan Langkawi punya *coral reef* dan lain-lain *is the most beautiful in the world*. Tidak, belum diiktiraf. *The most beautiful in the world is* Pulau Sipadan. Dalam CNN pun kata Pulau Sipadan. Jadi, di Sabah ini lagi banyak masalah daripada di Semenanjung ini kerana di sana termasuk bom-bom ikan yang haram ini. Di Sabah, penguatkuasaan tidak begitu rapi. Kita mahu kalau boleh rang undang-undang ini meliputi seluruh negara.

Yang Berhormat bagi Kepong setuju tidak dalam satu negara, undang-undang yang kita bawa ke mari mesti meliputi semua. Bukan kita kata nanti, "Ini tidak boleh!".

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Abdul Rahman bin Bakri: Belum lagi saya habis ini. Kasi saya satu kali cakap. "Tidak boleh kerana ini *Federal*." Jadi, kalau *Federal* di sini, Sabah bukan *Federal*? *Federal* juga. Jadi, rang undang-undang untuk kepentingan negara kita mesti menyeluruh.

Kita nampak di Sabah bukan sahaja bahan-bahan, ikan-ikan dan lain-lain ini diancam, bahkan banyak masalah di mana pukuk-pukuk tunda ini masuk ke kawasan-kawasan sungai diteroka oleh mereka. Tidak bolehkah kita mencegah perkara ini kalau di Sabah dan Sarawak sahaja mungkin. Jadi, kalau bolehlah Yang Berhormat bagi Kepong bersetuju, cuba huraikan dengan lebih panjang pun tidak apa, macam mana kita mahu supaya rang undang-undang ini kita gunakan untuk keseluruhan termasuk Sabah dan Sarawak.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat bagi Kalabakan ada betulnya. Kita mesti seragamkan undang-undang di seluruh Persekutuan termasuk Sabah. Tetapi di Sabah dan Sarawak memang ada keadaan yang istimewa, pantai kita, dan kalau kita seragamkan semua, ini memang mengambil masa. Tetapi saya berharap undang-undang ini dapat diguna pakai di Sabah dan Sarawak juga.

Ini memang satu perkara yang rumit Yang Berhormat, yang melibatkan sejarah kita, kepekaan kreativiti kita dan sebagainya. Dan patutlah kita mengkaji, Yang Berhormat Kalabakan boleh bantu kita juga macam mana kita boleh seragamkan undang-undang di Sabah dengan undang-undang Persekutuan. Saya memang gambiralah kalau kita dapat seragamkan semua undang-undang ini. Kerana kita satu negara, kita mesti seragamkan dan kuatkuasakan semua undang-undang yang terdapat di Persekutuan dan di Sabah juga. Memang satu perkara yang penting dan tambah pula mengenai Pulau Sipadan, tadi saya sudah sebutkan begitu cantik iaitu warisan kita di Pulau Sipadan tapi tidak dijaga dengan baik. Memang kita mesti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah pergi ke Pulau Sipadan?

Dr. Tan Seng Giaw: Huh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah pergikah?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak pernah turun ke bawah, saya tidak pergi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak pergilah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab apabila saya hendak pergi itu ada penculikan dan sebagainya seperti Abu Sayaf begitu. Abu Sayaf yang menjadi masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada Yang Berhormat bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau hendak pergi ke Sipadan kena bawa Yang Berhormat Kalabakan, dia kena jaga Yang Berhormat jadi selamat. [Dewan jadi riuh seketika dengan ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang bawa dialah, tapi dia pun tidak dapat sekat Abu Sayaf.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu bangun. Kepong, Tanggu Batu bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya keseluruhan kawasan Tangga Batu ini terlibat dengan pantai dan juga terlibat dengan laut. Tapi laut di Selat Melaka ini lumpur dah mai lebih kurang 400 tahun dahululah Yang Berhormat Kepong. Tetapi namun begitu saya ingin minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Kepong. Memandangkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun memberikan penekanan kepada Agenda Tempatan 21 yang bukan sahaja memberikan penekanan kepada tadbir urus perbandaran yang berkesan, tetapi juga kepada pembangunan yang mampan ataupun *sustainable development* yang melibatkan bukan sahaja daratan bahkan lautan.

Jadi untuk membawa arus dan memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan kehidupan taman laut ini, adakah Yang Berhormat Kepong bersetuju bahawa kuasa ini perlu diperturunkan kepada pihak berkuasa tempatan seperti majlis-majlis daerah, majlis-majlis perbandaran ataupun majlis-majlis luar bandar di dalam menguatkuasakan peraturan dan undang-undang laut ini? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat Tangga Batu, tadi ada Yang Berhormat Kalabakan dia hendak undang-Undang Persekutuan dikuatkuasakan di Sabah. Yang Berhormat Tangga Batu pula hendak pihak berkuasa tempatan diberi kuasa lebih dan ini memang kita mesti bersama-sama membincangkan macam mana kita boleh melaksanakan dua-dua tujuan ini? Dwi-tujuan kita dengan pelaksanaan rang undang-undang ini ya. Memang satu konsep kerana di situlah orang yang tahu dan di situ dapat dia dekat dengan kawasan baru dia boleh turun...

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pensiangan bangun Yang Berhormat, Pensiangan bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Mana?

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kepong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah juga mengenai dengan hujah-hujah yang kita buat pada pagi ini dan terus kepada tengah hari ini iaitu mengenai Akta Fi ini.

Sebenarnya kita pun sudah bersetuju beberapa perkara yang telah diperbincangkan dalam perbincangan ini, iaitu mengenai dengan mengenal pasti aktiviti-aktiviti Akta Fi dan semua aktiviti yang akan terjatuh dalam Akta Fi ini, tapi untuk menambah lagi selain daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Kalabakan dan Yang Berhormat daripada Tangga Batu, saya ingin juga ingin menyentuh di sini bahawa dalam usul ini, saya mengatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, '*Forest has been cleared, the oceans and some of the fish*' iaitu lautan dan juga lautan dalam, '*all the fish*' iaitu ikan-ikan semua yang sudah mungkin hapus ataupun habis '*just like water supplies diminishing on our surface*' dengan izinnya. Jadi dia mempunyai konvensyen-konvensyen antarabangsa yang harus diambil kira. Satu konvensyen iaitu mengenai dengan konvensyen of *fishing in the conservation of living resources of the high seas 1958 enforce in 1966*, dengan izin.

Dalam soal ini Yang Berhormat dari Kepong dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, saya ingin menambah di sini supaya selain daripada kita mengambil kira kuasa-kuasa yang ada di negara kita ini, kita harus juga dalam konsep globalnya iaitu kita mengambil kira *The Internationally Coordinated Global Environmental Policy which is coordinated into our system and the other one is the Local and Regional Environmental Policies have to be integrated into this contact*. Sudah pastilah dapat membawa semua yang konteks-konteks seumpama ini saya pasti bukan sahaja kita akan menangani isu dalam negara kita, tetapi juga dapat kita mengenali isu-isu di peringkat antarabangsa khususnya di peringkat global. Yang kita sudah sentuh mengenai persisiran dan semua pantai dan perairan di negeri Sabah dan juga di negara kita di Semenanjung ini tentu sekali perlu kita tangani dengan sebaik

mungkin dan ini akan membawa satu harapan bahawa khazanah-khazanah yang ada di tempat kita ini, adalah khazanah warisan bangsa dan anak-anak kita yang akan mewarisinya, iaitu saya menambah di sini soalnya sama ada polisi-polisi ataupun konvensyen-konvensyen antarabangsa ini dapat diserapkan ataupun dimasukkan di dalam polisi-polisi apabila kita memperkembangkan polisi kita sendiri? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Tuan Yang di-Pertua memang Yang Berhormat Pensiangan mempunyai pendapat yang baik, kita mesti menyeragamkan atau menyelaraskan hasrat dan cita-cita tempatan dan juga antarabangsa, konvensyen-konvensyen dan sebagainya untuk melaksanakan dasar alam sekitar negara kita dan juga di sini sebelum saya mengakhiri ucapan, saya hendak mencadangkan satu GDP hijau atau *green* GDP iaitu satu konsep yang belum lagi dilaksanakan di negara kita, tapi inilah bermula dengan taman laut kita dan kita hendak jaga taman laut. Kalau hendak jaga taman laut ini meliputi banyak aspek. Saya setuju bahawa ini hanya secara retrospektif hendak mengesahkan fi bagi Taman Laut Malaysia sejak 1 Januari 1999, itu memang tujuan rang undang-undang ini yang saya sebutkan sebelum saya habiskan ucapan saya hanya hendak sahkan yang retrospektif yang dari segi amalan baik itu saya tidak setuju, retrospektif sangat.

Walau bagaimanapun tujuan hendak kutipkan fi itu bagi dana kita dan tabung kita. Tabung amanah, taman laut dan rizab laut menyelenggarakan taman laut kita. Itu maksud rang undang-undang ini dengan tidak mencukupi. Tapi saya hendak mencadangkan satu *green* GDP, iaitu dari segi GDP kita, kita mengambil kira semua aspek alam sekitar termasuk *biodiversity* dan taman laut. Dari segi keuntungan.....

Seorang Ahli: Pandangan yang tidak bernas.

Dr. Tan Seng Giaw: Siapa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya berharap semua ahli turut mengambil kira kitar semula dengan cadangan untuk *green* GDP bagi negara kita. Di dalam lain-lain perkataan Yang Berhormat, Parlimen itu mesti mengambil pusing mengenai hal ini. Dari segi semua aspek bukan sahaja GDP yang kita sedia ada cara kita mengira dan menghitung GDP kita, kita mesti masuk *green* GDP untuk sama-sama menjaga semua hidupan liar, *diversity* dan alam sekitar Malaysia ini dan sebab tidak ada masa untuk memanjanglebarkan masalah *green* GDP kita ini atau GDP hijau

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat pun sudah bercakap panjang.

Dr. Tan Seng Giaw: Panjang jugalah, ya. Sebab itulah saya menyeru supaya bukan sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengambil kira apa yang saya cadangkan mengenai *green* GDP atau GDP hijau kita, bahkan juga macam mana kita dapat hidupkan semula batu-batu karang yang mati di kawasan-kawasan yang telah saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tumpat.

12.31 tgh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Saya berhajat untuk bercakap ringkas berkenaan dengan rang undang-undang untuk mengesahkan pemungutan fi terhadap kemasukan ke mana-mana taman laut Malaysia dalam tempoh dari Januari 1999 hingga ke Julai 2003. Sebagaimana juga Yang Berhormat bagi Kepong, saya juga tidak bersetuju dari segi amalan untuk melakukan sesuatu dan kemudiannya, apabila berfikir ataupun dinasihatkan bahawa tidak ada kuat kuasa undang-undang di atas apa yang telah dilakukan, maka kita terpaksa membawa rang undang-undang untuk diluluskan di sini, untuk mengesahkan apa yang sudah pun kita amalkan beberapa tahun yang lalu.

Saya berharap benar bahawa pihak kementerian dan di sini untuk adilnya, pihak Jabatan Peguam Negara memberikan nasihat yang sebaik-baiknya dan seawal-awalnya kepada seluruh jentera kerajaan di semua kementerian dan jabatan, supaya perkara-perkara seperti ini tidak lagi berlaku. Ini, adalah untuk mengelakkan mana-

mana pihak mengambil tindakan undang-undang di atas perbuatan kerajaan yang tidak berlandaskan kepada undang-undang yang khusus dan sah.

Keduanya, saya begitu kurang senang dengan istilah fi yang digunakan ini. Tetapi, saya rasa mungkin pihak kementerian dan juga Pejabat Peguam telah merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan mungkin istilah fi ini sudah dianggap sebagai istilah bahasa Malaysia yang sah, walaupun secara peribadi saya lebih berminat kalau istilah-istilah bahasa kita yang memang sedia ada, mungkin untuk memberi maksud kutipan hasil daripada orang-orang yang menggunakan khazanah lautan kita ini, bukannya istilah fi tetapi istilah-istilah yang lain. Tetapi, saya tidak berapa pandai untuk menggantikannya dan saya menganggap bahawa ini adalah suatu istilah sebagaimana saya sebutkan tadi, yang sudah pun mendapat penerimaan daripada pihak berkuasa berkenaan dengan istilah dan bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita dimaklumkan, kerajaan telah menubuhkan sebuah tabung yang bernama Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut untuk menyimpan dan mengumpulkan dan menjadi sumber perbelanjaan untuk penjagaan taman laut dan rizab laut kita. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kerajaan telah membelanjakan setakat ini, RM36.3 juta untuk menjaga, mengawal dan sebagainya berkaitan dengan taman laut.

Mengikut Surat Ikatan Amanah berkaitan dengan Tabung Amanah Taman Laut ini, ditetapkan pentadbiran ini dilakukan oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan anggota-anggotanya dan di kalangan anggota-anggotanya, di satu kumpulannya terdiri daripada seorang wakil daripada setiap Kerajaan Negeri Kedah, Terengganu, Pahang dan Johor.

Saya ingin bertanya, kenapa wakil-wakil negeri ini dihadkan kepada empat negeri ini sahaja? Adakah ada masalah perundangan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Sabah tadi, yang tidak membolehkan Kementerian Pertanian melalui tabung ini mengambil taman laut di Sabah dan negeri-negeri lain, di bawah penjagaannya ataupun adakah sebab-sebab tertentu yang lain, yang tidak membolehkan kementerian membuat keputusan supaya wakil semua negeri, memandangkan bahawa semua negeri ada permukaan lautannya masing-masing, diberikan tempat untuk duduk di dalam jawatankuasa yang mengendalikan tabung ini supaya negeri masing-masing dapat mengikuti dan dapat memberi sumbangan kepada cara untuk mengendalikan tabung ini dan cara untuk menjaga taman dan rizab laut kita dengan sebaik-baiknya.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kementerian, supaya seboleh-bolehnya jika tidak ada halangan undang-undang dan jika ada halangan undang-undang, sebagaimana cadangan Yang Berhormat daripada Sabah tadi, kita pastikan halangan itu boleh kita perbetulkan dan oleh itu, saya harap kita dapat melihat bahawa jawatankuasa berkenaan dengan tabung ini, akhirnya mempunyai dari segi komponen wakil-wakil kerajaan negeri, semua wakil-wakil kerajaan negeri, diberikan tempat dalam lembaga ataupun jawatankuasa tabung ini.

Dalam Surat Ikatan Amanah ini juga, disebutkan tentang tugas-tugas yang dilakukan oleh Lembaga Taman dan Rizab Laut ini dan menyebutkan tentang bagaimana wang tersebut boleh dibelanjakan, yang mana dinyatakan bahawa wang untuk tabung ini diterima daripada kerajaan, diterima daripada peruntukan-peruntukan Parlimen dan juga diterima daripada grant dan sumbangan daripada badan-badan, diterima daripada sumbangan tajaan perseorangan dan yang berkaitan mungkin di sini, hasil kutipan, jualan, apa juga cenderamata, apa juga bentuk penerbitan dan kemudiannya penyewaan peralatan, caj perkhidmatan, caj kepakaran, caj pemuliharaan dan sebagainya. Saya rasa di sinilah fi tersebut dimasukkan ke dalamnya. Berkaitan dengan ini, saya hendak

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tumpat, Pendang bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan keselamatan pengunjung ataupun pelancong ke taman laut, kalau kita dapati, kerajaan mengutip fi daripada mereka, tetapi kalau kita lihat dua, tiga bulan yang lepas, ada di antara pengunjung-pengunjung yang berada di taman-taman laut ini diculik oleh tidak tahulah

lanunkah ataupun penjahat-penjahat yang macam mana. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya kerajaan perlu mengadakan satu macam bentuk pasukan keselamatan, macam akta baru ini diluluskan tentang Akta Maritim, maknanya, mereka ini akan dijaga oleh petugas-petugas daripada pihak kerajaan ataupun pasukan keselamatan tentang keselamatan pengunjung ke taman laut ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Saya amat bersetuju, bahawa jika kita mengenakan fi atau caj kepada pengunjung, pelawat dan pengguna taman laut kita ini, maka sudah tentulah kita bertanggungjawab untuk memberikan perlindungan keselamatan kepada orang-orang yang membayar untuk datang dan menggunakan khazanah kita ini.

Malah, saya ingin mencadangkan, selain daripada tanggungjawab kita untuk memberikan perlindungan dan keselamatan kepada pengunjung-pengunjung dan pengguna-pengguna khazanah kita ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan melalui tabung ini, melalui kutipan fi ini juga mewajibkan semua pengunjung dan pengguna mengambil insurans ataupun takaful melalui sebagai satu daripada komponen fi ini supaya jika ada masalah keselamatan, kecederaan, kemalangan, kematian atas apa-apa sebab yang berkaitan dengan penggunaan mereka terhadap khazanah kita ini, maka insurans itu atau takaful yang diambil itu akan merupakan suatu perlindungan yang mana kerajaan tidak lagi terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri daripada tabung ini ataupun daripada mana-mana Tabung Negara untuk menanggung akibat daripada kecederaan, kemalangan atau kematian pengunjung-pengunjung ini.

Jadi, saya fikir ini bukanlah perkara yang luar biasa syarikat-syarikat pengangkutan bas dan sebagainya, biasanya juga mengenakan atau malah mewajibkan penumpang-penumpang dalam kos tiket mereka itu, sebahagiannya adalah untuk perlindungan insurans atau takaful. Jadi, saya rasa kerajaan elok memikirkan untuk memberikan suatu perasaan selamat dan terjamin selain daripada kita benar-benar mewujudkan suatu bentuk struktur keselamatan yang lebih tegas daripada yang mungkin sedia ada, kita juga mengenakan selain daripada fi dimasukkan dalam komponen fi itu sebahagian daripadanya ialah perbelanjaan untuk insurans atau takaful supaya rakyat ataupun sesiapa yang melancong dan menggunakan kemudahan khazanah lautan kita ini merasa diri mereka dilindungi dari semua segi, dari keselamatannya, dari segi kerajaannya dan dari segi insurans atau takaful. Saya harap kerajaan memandang berat akan cadangan seperti itu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga sealiran dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Kepong tadi dan juga cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kudat tadi, saya fikir yang mencadangkan supaya pengetahuan dan apresiasi kesedaran tentang nilai lautan kita ini dididik daripada awal lagi, daripada bangku-bangku sekolah lagi. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada kementerian bercadang untuk menganjurkan rombongan-rombongan pelajar-pelajar untuk melawat di taman-taman laut dan rizab laut kita ini dan mengeluarkan bahan-bahan pendidikan yang sesuai supaya anak-anak kita daripada awal lagi menyedari bahawa lautan kita adalah cantik, mungkin tercantik sebahagiannya seperti di Sipadan dan sebagainya dan oleh itu, ianya merupakan khazanah negara yang penting, yang bukan sahaja kita harus menilainya hari ini tetapi dalam penilaian kita itu, kita memberikan penjagaan yang sebaik-baiknya terhadap harta yang ada kepada kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadang dan bertanya kepada pihak kementerian, selain daripada khazanah lautan sebagaimana yang disebut Yang Berhormat bagi Kepong tadi berkenaan dengan *coral reef* dengan izin, dan sebagainya, adakah kerajaan melalui kementerian bercadang untuk melihat kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] Yang Berhormat, Kuala Krai bangun.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya nampak satu perkara yang harus kita tambah di sini untuk menambahkan lagi suntikan kepada khazanah taman laut ini. Tidakkah Yang Berhormat bagi Tumpat bersetuju sekiranya pengusaha-pengusaha laut dalam yang rata-rata mempunyai pendapatan yang begitu lumayan supaya dapat memberikan sumbangan ke arah fi yang boleh mencantikkan lagi taman-taman laut ini. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Saya fikir itu suatu cadangan yang baik, malah kalau saya boleh tambah bukan sahaja pengusaha-pengusaha perikanan laut dalam dan laut dekat harus dikenakan caj ataupun ses, tabung ses dan sebagainya terhadap mereka, malah satu lagi pihak peniaga yang meraut keuntungan yang terlalu besar dari segi khazanah laut kita ialah syarikat-syarikat minyak. Maka selain daripada syarikat-syarikat perikanan, syarikat-syarikat yang menggunakan kapal, pukut dan sebagainya dikenakan suatu caj, suatu fi, maka saya ingin juga mencadangkan kerajaan memikirkan bagaimana hendak mendapatkan syarikat-syarikat minyak yang merupakan syarikat-syarikat gergasi negara sama ada dalam bentuk Petronas ataupun pengusaha-pengusaha minyak yang lainnya yang bersifat antarabangsa, yang diberikan kemudahan lesen dan kebenaran untuk mencari gali dan untuk mengambil minyak daripada lautan kita untuk dikenakan caj dan caj-caj tersebut bolehlah merupakan sumber yang besar kepada dana atau tabung amanah laut kita ini.

Saya ingin seterusnya mencadang kepada pihak kementerian selain daripada tempat-tempat biasa di lautan yang dijadikan sebagai pusat pelancongan dan dijadikan rizab laut, adakah kerajaan melalui kementerian bercadang untuk memikirkan tempat-tempat yang mempunyai kesan-kesan sejarah di lautan kita untuk dirizabkan, dipreserve, dengan izin, dan mungkin akhirnya dijadikan tempat minat untuk menarik pelancongan. Seperti sebagai contoh sebagaimana kita tahu dalam Perang Dunia Kedua yang lalu, lebih kurang setengah abad yang lalu, ada beberapa kapal tentera laut besar sama ada daripada negara Jepun ataupun negara British yang ditenggelamkan di lautan kita.

Sebagai contoh, kita lihat dan baca dalam sejarah kapal perang British, The Prince of Wales ditenggelamkan di Lautan China Selatan berhampiran mungkin dengan kalau dipilih sebuah negeri di Tanah Melayu kita ini negeri Pahang, ditenggelamkan oleh kapal-kapal udara daripada Jepun ketika peperangan bermula di dunia sebelah sini. Adakah kerajaan misalnya bercadang untuk mengesan di mana tempatnya kapal The Prince of Wales itu tenggelam di lautan kita dan akhirnya menandakan tempat itu dan menjadikan itu sebagai suatu tempat bersejarah dan akhirnya menjadikan ianya tempat pelancongan supaya rakyat dan dunia tahu bahawa peperangan pernah berlaku bukan sahaja di Iraq hasil daripada serangan Amerika Syarikat, bukan sahaja di Afghanistan hasil daripada pakatan dunia untuk menyerang negara tersebut, tetapi dalam sejarah negara kita juga pernah terserempak dan berdepan dengan peperangan antara kuasa-kuasa besar dunia dan kita antara mangsanya dan peninggalan-peninggalan sejarah seperti itu bukan sahaja berada di permukaan bumi kita ini, tetapi di permukaan dasar laut kita pun ada kesan-kesannya dan mungkin salah satu daripada kesan peninggalannya ialah kapal The Prince of Wales yang saya rasa kalau belum lagi diangkat dibawa pulang ke Britain sudah tentu masih di lautan kita ini.

Kalau kerajaan melalui kementerian ini berminat untuk benar-benar memberikan penjagaan yang sebaik-baiknya kepada seluruh lautan kita, maka sudah tentulah kita tidak boleh meninggalkan suatu aspek yang penting, yang ada di permukaan lautan kita iaitu kapal-kapal ataupun kapal terbang-kapal terbang yang mungkin jatuh dan tenggelam dan masih lagi berkubur di dasar lautan dalam kita itu harus dan mungkin jika dihidupkan kembali dari segi kepentingan sejarahnya untuk menjadikan pengajian dan pengajaran kepada generasi kita, ianya boleh dilakukan seperti itu. Jadi, ini beberapa pandangan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bagan.

12.49 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil kesempatan ini untuk membangkitkan dua soalan iaitu yang pertama, apabila kita mengunjung ke taman laut di mana-mana negeri kita ini, kita dilarang untuk memetik *coral* atau batu karang dan menangkap ikan-ikan yang berwarna-warni di *coral - coral* tersebut. Tetapi pada masa sekarang orang ramai sangat gemar untuk membela ikan-ikan *coral* di rumah-rumah, sebab itulah ada banyak akuarium telah ditubuhkan di rata-rata tempat di negara kita ini dengan mempamerkan akuarium-akuarium air laut di mana *coral*, di mana ikan *coral* dan lain-lain ikan dari laut yang berwarna-warni dipelihara.

Saya ingin bertanya sama ada kedai-kedai yang menjual ikan-ikan dan *coral-coral* ini perlu meminta lesen atau permit dan keluarga-keluarga yang memperoleh akuarium ini sama ada dia juga perlu meminta lesen-lesen dan permit-permit.

Yang kedua, walaupun di sekitar Pulau Pinang ini tiada taman marin, tetapi ia sedikit sebanyak juga ada melibatkan kehidupan laut dan Pulau Pinang juga adalah di antara satu-satunya destinasi pelancongan yang boleh menarik pelancong-pelancong di bidang dasar laut ini atau gemar dengan pergi bermain di laut. Tetapi memandangkan beberapa tahun kebelakangan ini, air laut di sekeliling Pulau Pinang ini telah tercemar. Dia sudah menjadi keruh dan tidak lagi jernih.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah satu peraturan di mana tongkang-tongkang atau *barges* yang mengorek selut-selut di pelabuhan-pelabuhan kerana mendalamkan pelabuhan-pelabuhan supaya ia tidak jadi cetek dan kapal-kapal atau bot besar atau kapal-kapal dagangan boleh mendekati pelabuhan-pelabuhan. Di manakah selut-selut dan tanah-tanah yang dikorek itu atau di *dredging* itu dibuang di sekitar Pulau Pinang ini? Sama ada ia perlu dibuang mungkin 20 kilometer atau 20 knot dari pantai atau dia dibuang sahaja di hadapan tempat yang dinamakan Kuala Muda atau berdekatan dengan Pulau Pinang demi untuk menjimatkan perbelanjaan oleh kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab itu.

Saya nampak ada juga berita-berita kata bahawa mereka membuang selut-selut yang dikorek dari pelabuhan-pelabuhan ini sepatutnya membuangnya atau melambaknya di tempat-tempat yang jauh dari pantai tetapi mereka ambil jalan yang dekat untuk membuangnya dekat dengan pantai. Sebab itulah pantai-pantai di Seberang Prai, di Pulau Pinang sudah jadi keruh dan tiada mempunyai pasir-pasir yang putih tetapi diganti dengan selut-selut di sekitar pantai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Selepas ini Menteri menjawablah. Bandar Kuching.

12.53 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini juga bertujuan untuk mengesahkan pemungutan fi yang telah dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kali pertama saya menjadi Ahli Parlimen. Ini adalah mesyuarat yang kedua tetapi saya hairan tengok sudah ada dua rang undang-undang yang dibentangkan untuk mengesahkan pemungutan duit oleh kerajaan kita secara tidak sah dan yang secara tidak mematuhi undang-undang yang ada.

Adakah ini menunjukkan satu kelemahan Peguam Negara kita atau adakah ia menunjukkan satu kelemahan Dewan yang mulia ini. Semasa mahu meluluskan sesuatu undang-undang untuk memungut ses, memungut fi tetapi tidak faham *ambit of the law that they are passing*. Tidak faham sama ada fi yang akan dipungut di bawah undang-undang yang akan diluluskan itu adalah sah atau tidak sah.

Rang undang-undang yang pertama mengenai pengesahan pungutan duit yang tidak ada pengesahan pemungutan duit yang dilakukan secara tidak sah adalah bertentangan seperti ses yang dikenakan ke atas kelapa sawit. Sekarang adalah berkenaan fi yang dikenakan atas Taman Laut Malaysia pula.

Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, masih ada berapa pemungutan duit oleh kerajaan yang secara tidak sah sekarang. Masih ada berapa pemungutan duit yang secara tidak sah yang masih dilakukan atau dilaksanakan oleh kerajaan kita dari segi pemeliharaan dan penyelenggaraan hasil lautan kita, alam sekitar kita. Itu adalah pendapat saya. Walaupun ada undang-undang yang ketat dan baik yang diluluskan tetapi yang penting adalah pegawai-pegawai yang menjalankan penguatkuasaan undang-undang itu.

Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini tentang satu perkara yang berlaku di *Santubong Fishery Department* pada 15 Jun 2004 yang lalu. Ada satu *foreign fishing vessel* (kapal menangkap ikan asing) telah ditangkap oleh *Fishery Department* kita dan dibawa ke *Fishery Department* di Santubong.

Mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan *Fishery Department*, ikan yang terdapat di dalam kapal asing itu akan dilelong. Tiada sesiapa boleh mengambil ikan itu tanpa melelong dan tanpa proses lelong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi Yang Berhormat? Sila habiskan sebelum jam 1.00 tengah hari.

Tuan Chong Chieng Jen: Sedikit sahaja. Tetapi semasa kapal asing itu dibawa ke *Fishery Department* di Santubong, banyak nelayan tempatan berkumpul di sana kerana ingin melihat ikan-ikan itu dilelong. Tetapi sebelum lelongan itu dijalankan, pegawai-pegawai *Fishery Department*, pegawai-pegawai penguat kuasa itu telah pergi mengambil ikan-ikan yang besar dan ikan-ikan yang baik. Mereka ambil ikan itu dan membawa pulang ke *coaster* mereka sendiri tanpa melalui proses melelong.

Itu adalah perangai yang tidak patut, perangai yang akan menjejaskan imej kerajaan kita. Kelakuan pegawai-pegawai *Fishery Department* itu juga telah diambil gambar oleh nelayan-nelayan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung.

Tuan Chong Chieng Jen: Oleh sebab itu saya ingin menyeru Menteri yang berkenaan untuk memberi perhatian ke atas perkara ini supaya pegawai-pegawai *Fishery Department* tidak akan melakukan lagi kelakuan semacam ini. Kita perlu pegawai-pegawai penguat kuasa yang berdisiplin. Itulah sahaja saya punya ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri menjawab jam 2.30 petang. Sidang pagi ini telah tamat. Sidang ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, sila sambung.

2.30 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habis? Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kepong, Tumpat, Bandar Kuching dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang bangun yang mencelah dalam masa perbahasan Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa tujuan kepada pembentangan Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 adalah bagi mengesahkan kutipan yang telah dibuat oleh Jabatan Perikanan yang bermula pada 1 Januari 1999 sehingga 17 Julai 2003. Sebenarnya, Jabatan Perikanan telah mendapat kebenaran daripada Perbendaharaan dan juga telah pun dipersetujui oleh Kabinet untuk kita membuat kutipan bagi menampung dana untuk tujuan pengurusan penyelenggaraan di taman-taman laut yang terdapat di negara kita.

Sungguhpun kita mendapat kebenaran daripada pihak Perbendaharaan tetapi kita dapati ada perkara yang tidak teratur, oleh kerana itulah kita bentangkan Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004 khusus bagi mengesahkan kutipan yang telah dibuat. Kutipan selepas daripada 18 Julai 2003 itu telah disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong yang telah membahaskan mengenai dengan penguatkuasaan Jabatan Perikanan terhadap kesalahan-kesalahan yang berlaku di kawasan-kawasan taman laut. Sebenarnya perkara yang dibangkitkan oleh

Yang Berhormat bagi Kepong itu lebih menyentuh kepada Akta Perikanan 1985, bukan bersangkutan dengan Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa taman laut di negara kita ini adalah yang terbaik sekali di antara taman laut yang terbaik di dunia. Mengikut kajian pada tahun 2000 terdapat sebanyak 298 spesies ikan dan 450 spesies batu karang, sebanyak 80% daripada jumlah spesies ikan dan terumbu karang di dunia ini terdapat di taman-taman laut di negara kita. Jenis terumbu karang yang utama di taman laut Malaysia ialah Feringgi Reef, spesies batu karang yang dominan iaitu *acropora species*.

Taman laut di Malaysia ini telah menyumbang kepada tiga bidang. Yang pertamanya, dari segi tarikan pelancong yang telah membawa hasil yang banyak kepada negara kita. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kedatangan pelancong asing, pelancong luar negara ke kawasan ini telah meningkat seramai 778,482 orang manakala pelancong tempatan sebanyak 820,116 orang.

Selain dari segi tarikan destinasi pelancong, yang keduanya taman laut ini kita perlu jaga kerana ia menyumbang kepada pendaratan ikan dalam negara. Taman-taman laut ini menyumbang kepada keperluan protein, sebanyak 1.2 metrik tan ikan yang didaratkan setiap tahun dengan nilai ringgit sebanyak RM4 billion. Taman-taman laut ini membantu ke arah menjamin pendaratan ikan.

Yang ketiganya, taman laut ini memberi perlindungan kepada pantai negara. Jadi, oleh kerana ketiga-tiga ini penting, maka sudah tentulah dari segi jabatan akan mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, yang boleh menyebabkan terumbu rosak, mati dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga telah membangkitkan masalah yang berkaitan dengan aktiviti pengeboman ikan yang boleh menyebabkan kerosakan kepada terumbu karang.

Yang Berhormat bagi Kudat juga telah menyentuh mengenai dengan kegiatan haram iaitu menangkap ikan dengan menggunakan bom. Kita sedar apa yang berlaku dan dari segi Jabatan Perikanan rondaan telah dipertingkatkan lagi bagi menentukan kegiatan pengeboman ikan yang dilakukan secara haram yang boleh menyebabkan kerosakan kepada sumber, kerosakan kepada terumbu laut ini. Kita kena ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga membangkitkan mengenai dengan bahan kumbahan di platform yang ada di Pulau Paya. Suka saya maklumkan bahawa semua bahan buangan dari platform yang ada di Pulau Paya, kita pastikan ia dibawa balik ke Tanah Besar untuk dilupuskan, bukan dia lepas di situ, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi tumpat telah membangkitkan ...

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri beralih kepada Yang Berhormat yang lain, dalam masa Yang Berhormat bagi Kepong berucap mengenai isu *World Tourism Organization*, UNDP dan *Global Environment Facility*, kajian mereka mengenai *sustainable tourism development* untuk Taman-taman Laut, saya timbulkan isu itu dan saya tanya apa kedudukan khususnya mengenai sama ada satu *tourism master plan* untuk Taman-taman Laut yang boleh menjaga, memelihara *biological diversity*, *ecological diversity* dan juga *tourism*. Adakah ini dijalankan dan apa kedudukan terkini?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Perkara yang dibangkitkan ini sedang dalam kajian kita. Oleh sebab pada masa sekarang Taman Laut ini tidak lagi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, ia telah pun diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan soal pelancongan ini terletak di bawah Kementerian Pelancongan. Jadi kita perlu duduk antara ketiga-tiga kementerian yang terlibat bagi kita menyelaraskannya.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] ...pertanian tetapi masa depan *ecological* memelihara khazanah ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan masalah yang ditimbulkan oleh pelancongan, kementerian yang lain pula. Bukankah ini *right hand doesn't know what the left hand is doing*. Bukan sahaja *the right hand - left hand, right foot - left foot* pun. Bukankah ini tidak memuaskan dan sebab kenapa boleh berlaku kerugian *biological diversity*? Oleh sebab sebenarnya tiada orang yang bertanggungjawab. Bila tanya, itu kementerian yang lain. Tanya kementerian yang lain, *failure to post*. Bukankah perlu satu jawatankuasa atau satu pasukan petugas yang bertanggungjawab. Bukankah ada satu *Cabinet Committee* mengenai *highlands* dan *islands*. Bukankah ini satu jawatankuasa dan adakah jawatankuasa ini terus berada atau *Cabinet Committee* ini pun sudah tidak ada lagi?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini kutipan, kalau diterbalik kepada fi Rang Undang-undang Taman Laut Malaysia kelulusan 2004. Ini dibentangkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani oleh sebab kutipan yang kita buat ini adalah berpandukan kepada Akta Perikanan 1985. Walaupun Taman Laut itu telah pun diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, tetapi kementerian yang berkenaan tidak mempunyai akta. Mungkin perkara-perkara ini akan diselaraskan di antara Kementerian-kementerian yang terlibat. Ia melibatkan kementerian lain. Jadi yang kita bentangkan mungkin ada orang juga yang bertanyakan kenapa akta ini dibentangkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedangkan Taman Laut itu sudah pun diletakkan di bawah kementerian lain.

Sebagai penjelasannya, oleh sebab Taman Laut pada masa sekarang ini di bawah akta yang kita pakai dari segi penguatkuasaan dan sebagainya, ia di bawah Akta Perikanan 1985, jadi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan jabatan yang di pertanggungjawabkan iaitu Jabatan Perikanan, maka kita bentangkan rang undang-undang ini. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, kita perlu selaraskan di antara kementerian yang terlibat. Macam saya kata tadi, melibatkan banyak kementerian.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti bahawa sekarang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani langsung tidak bertanggungjawab mengenai masalah *biological diversity* - memelihara *biological diversity*. Isu itu tidak ada bersangkut-paut dengan kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri dan sehingga tidak tahu apa kedudukan laporan itu yang saya ada sebut, yang ada dijalankan oleh *World Tourism Organization*, *UNDP* dan *Global Environmental Facility*. Sehingga tidak tahu apa yang berlaku atau masih ada tanggungjawab Yang Berhormat dan Yang Berhormat boleh memberi satu laporan kepada Dewan yang mulia ini mengenai kedudukan yang terkini oleh sebab ini pun antara tanggungjawab kementerian.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak bertanggungjawab. Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang mengatakan kementerian tidak bertanggungjawab. Saya sebut tadi bahawa ia melibatkan bukan sahaja Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang Berhormat harus dengar dengan jelas apa yang saya katakan. Bukan kementerian semata-mata.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Ya?

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Itulah saya kata tentang *World Tourism Organization* ini ia lebih menjurus kepada Kementerian Pelancongan. Ia akan bekerjasama Kita akan bersama-sama antara ketiga-tiga kementerian ini, kita perlu duduk bersama-sama untuk

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar laporan *World Tourism Organization* itu mengenai *tourism* tetapi UNDP dan *Global Environment Facility* mengenai *sustainable ecological diversity*, bahagian itu. Yang kita mahu jawapan ialah bahagian mengenai bagaimana boleh *sustainable biodiversity*.

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Apa?

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ia dikendalikan oleh *World Tourism Organization* tetapi mengenai *sustainable biodiversity*, oleh sebab itu adapun penglibatan *United Nations Development Programme (UNDP)* dan *Global Environment Facility (GEF)*. Soalan saya ialah mengenai dimensi *ecological diversity* itu.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi ini melibatkan tiga kementerian.

Datuk Kamaruddin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dari satu sudut bersimpati dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pagi tadi apabila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bertanya kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tentang isu mahkamah keluarga, jawapannya lebih kurang sama, kita ada tiga kementerian. Jadi, lebih banyak kementerian menjadi alasan untuk lebih lambat melakukan sesuatu. Ini terbalik nampaknya matlamat dan hasil yang kita lihat pada hari ini. Jadi, saya tidak tahu, kita sudah ada Menteri Hal Ehwal Parlimen, mungkin kita kena menambah seorang Menteri Hal Ehwal Kabinet pula untuk menyelaraskan antara menteri-menteri, kementerian-kementerian..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Kamaruddin bin Jaffar:.. bagaimana hendak melaksanakan fungsi-fungsi kementerian supaya Menteri, Timbalan Menteri datang dan boleh menjawab dengan lebih cepat, dengan lebih berkesan daripada yang ada yang mana lebih teruk daripada semasa 24 Menteri dahulu nampaknya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada soalanlah?

Datuk Kamaruddin bin Jaffar: Tidak ada soalan, saya bersimpati dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih di atas simpati Yang Berhormat bagi Tumpat itu. Walaupun kita ada tiga kementerian yang kita katakan terlibat tetapi kita adalah satu kerajaan, tidak menjadi masalah, kita akan selaras antara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh alihkan kepada masalah Yang Berhormat bagi Tumpat.

Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar: Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat dia tidak bersetuju dengan istilah 'fi'. Suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, istilah ini diputuskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Istilah 'fi' sebagai panduan kepada perkataan fee - F-E-E ini dengan dipersetujui oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan didapati istilah ini lebih tepat digunakan, sebab itu kita katakan 'fi' daripada menggunakan 'bayaran masuk' seperti mana Yang Berhormat cadangkan.

Datuk Kamaruddin bin Jaffar: Dalam surat ikatan amanah bagi Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 yang menubuhkan Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut ini perkataan 'fi' itu tidak digunakan langsung, yang digunakan ialah caj, kutipan caj dan pelbagai caj - caj memasuki kawasan, caj kepakaran, caj khidmat, caj pemuliharaan. Tidak ada satu pun istilah 'fi' digunakan, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin menjelaskan bahawa kementerian pada ketika ini mendapat arahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa istilahnya 'caj', mungkin hari ini daripada Dewan Bahasa istilahnya 'fi', mungkin begitu.

Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, jadi kita telah merujuk istilah-istilah ini kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi, kita dinasihatkan juga diperakui supaya menggunakan perkataan 'fi' - FI dalam bahasa Inggeris nya FEE.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat juga telah menanyakan mengapa hanya wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Negeri Kedah, Kerajaan Negeri Pahang dan Terengganu sahaja yang dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut.

Suka saya memaklumkan negeri-negeri ini merupakan negeri yang mana terdapatnya Taman Laut. Bagi negeri Sabah pula ianya tidak terletak di bawah peruntukan Akta Perikanan 1985, sebab di Sabah peruntukan yang digunakan ialah Enakmen Taman-taman Sabah.

Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kalabakan juga membangkitkan soalan mengenai dengan undang-undang tentang Akta Taman Laut ini apakah pemakaiannya sampai ke negeri Sabah dan Sarawak. Suka saya perjelaskan di sini, untuk makluman Yang Berhormat, dalam Perlembagaan kita terdapat jadual apa yang kita namakan *Federal List*, dengan izin *State List* dan *Concurrent List*.

Jadi, bagi negeri Sabah dan Sarawak perkara yang mengenai dengan taman laut disebut dalam Bahagian 9 Seksyen 41 Akta Perikanan Negeri Sabah yang telah menerima pakai Akta Perikanan 1985. Namun begitu, pulau-pulau yang disenaraikan dalam perintah penubuhan taman laut tidak termasuk pulau-pulau di Sabah dan Sarawak. Sebab itulah di Sabah dan Sarawak mereka mempunyai enakmen yang tersendiri. Harap Yang Berhormat bagi Kalabakan dapat bersama-sama memahami keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh semua dan bercakap tentang penguatkuasaan tadi. Saya telah perjelaskan rang undang-undang ini kita hendak mengesahkan kutipan. Jadi, yang bercakap tentang penguatkuasaan ini lebih kepada Akta Perikanan. Bermakna di bawah akta itu kita akan mengambil tindakan tentang pencerobohan kawasan tangkapan ikan, di kawasan larangan tangkapan ikan, menangkap ikan, menuba ikan, mengebom ikan, itu semua kesalahan-kesalahan yang terletak di bawah Akta Perikanan 1985.

Pihak kementerian, pihak Jabatan Perikanan akan memperhebatkan lagi rondaan dan tindakan. Saya yakin dengan penalti yang berat akan dapat membendung kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun, Yang Berhormat bagi Dungun bangun juga.

Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar: Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat rumusan, di dalam akta ini ada menyentuh tentang bayaran fi di antara pelancong dan juga rakyat di dalam negara kita, pelancong luar negara dan pelancong dalam negara, juga termasuk pelajar-pelajar. Apakah tidak boleh selepas ini supaya pihak kementerian dapat memberi penjelasan kepada kita supaya fi yang dicadangkan di dalam akta ini kepada pelajar-pelajar dihapuskan sama sekali. Ini adalah kerana kita tahu bahawa apabila ada lawatan pelajar-pelajar ke taman laut ini sudah pasti ianya akan berminat kepada rakyat generasi baru kepada negara kita untuk dapat, dengan izin, *appreciate* ataupun memandangi tinggi tentang khazanah yang ada di taman laut. Ianya juga sama di antara pelancong dari dalam negara dan juga pelancong dari luar negara.

Apakah kementerian tidak bercadang supaya pelancong dari luar negara fi nya katakanlah contoh dua kali ganda daripada pelancong dalam negara. Kerana kita tahu bahawa tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa taman laut kita ini dari segi keindahan ataupun dia punya ciri-ciri saintifiknya dan juga bentuk kejadian alamnya adalah terbaik, tercantik, terindah sekali di seluruh dunia. Maka harus ada perbezaan di antara fi kepada pelancong luar negara dengan rakyat dalam negara sebagai *privilege*, dengan izin, keistimewaan kepada rakyat kita.

Walaupun ini akan dilihat agak bertentangan sedikit dengan semangat untuk menarik seramai mana pelancong yang sepatutnya datang ke negara kita tetapi kita nampak jumlah pelancong yang datang sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan tadi ianya *at par* sahaja, dengan izin, ataupun sedikit lebih rendah daripada pelancong dalam negara.

Jadi, sekurang-kurangnya apabila pelancong luar negara, kita dua kali gandakan fi ini dan ianya insya-Allah akan *subsidies*, dengan izin, kepada pelawat-

pelawat yang bertaraf pelajar di negara kita. Jadi, kalau ini dapat kita laksanakan, ianya akan memberi rangsangan kepada pelajar-pelajar untuk melawat taman laut kita. Tetapi, kesan kepada pelancong mungkin RM10, RM20 ini tidak besar sangat, kerana mereka menghabiskan ribuan ringgit untuk datang dengan kapal terbang dan sebagainya, dan dari segi industri pelancongan pun, dari segi keuntungannya bukanlah atas fi ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan:semata-mata tetapi banyak mungkin kepada hotel ataupun sektor-sektor lain yang mempunyai orientasi tentang promosi pelancongan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Dungun, ini satu pandangan yang cukup bernas. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perikanan, kita pun telah mengemukakan pandangan jabatan kepada pihak kerajaan supaya dikenakan dua kadar yang berbeza, satu untuk rakyat Malaysia, satu kadar lagi untuk pelancong dari luar negara.

Pihak kerajaan berpendapat kita tidak perlu ada dua kadar fi ini. Pihak kerajaan telah menetapkan kadar fi yang dikenakan kepada dewasa, ialah sebanyak RM5 sahaja. Manakala untuk warga tua dan para pelajar berumur di antara 6 hingga 12 tahun, kadarnya ialah RM2.50, ini kadar yang telah dipersetujui oleh Kabinet. Walau bagaimanapun, mungkinlah di masa yang akan datang, kadar ini boleh dikaji semula.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri minta semula dengan Kabinet kerana ketika itu mungkin Kementerian Pertanian tidak boleh *over rule* atas muafakat yang ada, tetapi selepas kita bincangkan di Parlimen, ini pandangan sebahagian besar kita kerana hendak membantu pelajar-pelajar kita supaya mereka dapat melawat taman laut ini dan mungkin untuk rakyat Malaysia yang bukan pelajar ataupun warga emas dan pelajar mungkin dipericumakan.

Kemudian, rakyat Malaysia mungkin RM5, mungkin pelancong luar negara RM10. Pastinya ia tidak akan memberi apa pun kesan kepada pelancong luar negara, sebenarnya. Mereka tidak tahu, pelancong luar negara RM10 dan rakyat tempatan RM5 dan sebagainya. Kalau ini dapat dilaksanakan ia tidak menjejaskan, dengan izin, *the overall collection*, insya-Allah, dan ianya akan membantu meningkatkan semangat kita, supaya pelajar-pelajar kita dapat mencintai taman laut yang menjadi khazanah untuk mereka juga. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, ini pandangan yang baik, kita akan bawa perkara ini untuk pertimbangan pihak kerajaan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membincangkan sesuatu akta atau rang undang-undang, pasti skop perbincangannya akan meliputi masalah yang berkaitan, sekiranya semua kehidupan laut sudah hapus, sudah pupus, mana ada lagi fi boleh dikutip. Jadi, kalau hendak kutip fi itu, mesti ada alasannya.

Jikalau saya baca tajuk akta ini, ia kata, "*An Act to validate the collection of fees in respect of any entrance to any Marine Park Malaysia during the period from January 1st 1999 to July 17th 2003.*" Ini suatu akta yang *retroactive* supaya dia menghalalkan kerajaan supaya mengutip fi. Bagaimana selepas 17 Julai 2003 atau bermakna selepas 17 Julai 2003 tidak payah dikutip lagi atau sekarang ada satu lagi akta yang membolehkan kerajaan mengutip fi selepas 17 Julai 2003 sehingga sekarang dan pada masa yang akan datang, yang boleh membolehkan kerajaan mengutip fi dengan secara halal. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberi satu penjelasan sama ada masa sekarang, adakah sebarang kutipan fi dikenakan. Sekiranya ada, mengapa tajuk akta ini, "*...for the period from 1st January 1999 to 17th July 2003.*" Lagi satu untuk menghalalkannya.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan, dia tidak ikuti penjelasan saya di peringkat awal tadi, mungkin dia duduk di luar. Saya terangkan tujuan rang undang-undang ini untuk mengesahkan kutipan yang kita buat pada 1 Januari 1999 sehingga 17 Julai 2003, pada tempoh itu, tetapi untuk 18 Julai 2003, sampai sekarang, itu sudah pun dibentangkan di Parlimen, telah pun disahkan. Jadi, untuk tempoh ini sahaja yang kita hendak sahkan, untuk tempoh 1 Januari, 1999 sampai 17 Julai 2003.

Jadi, Yang Berhormat jangan keliru. Tuan Yang di-Pertua,.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jerai! *[Ketawa]* Saya tidak keliru, saya faham. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Bagan ada keliru sedikit. Ini mahu *back datelah*. *[Bercakap dalam Bahasa China]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kelebihan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, dia suka senyum, senyum selalu, jadi murah rezekilah orang tua-tua kata. *[Ketawa]* Jadi, apabila Yang Berhormat bentang ini, minta duit, kami tidak bangkang, tengok muka pun kesian. *[Ketawa]* Cuma Yang Berhormat, bila sudah kutip fi ini, memang tadi pun ramai yang bersetuju, cuma cuba kementerian memperindahkan, mempermudah, *scuba diving* dan sebagainya.

Macam di Pulau Payar. Pulau Payar Yang Berhormat, saya sudah terjun pi tengok. Cuma tadi Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong bila saya bercakap dia keluar, itu susah. Saya sudah terjun pi tengok semua, ikan-ikan semua cukup jinak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini sudah dibangkitkan tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya cuma hendak habaq supaya kementerian tolonglah tengok Pulau Payar itu. *[Disampuk]* Fasal Pulau Payar ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baru masuklah, Yang Berhormat. Baru sampaikan? *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Gua pi sembahyanglah Dato', *[Ketawa]* gua pi sembahyang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah. Itu tanggungjawablah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Pulau Payar adalah pulau yang terindah. La ini orang Tanjung, orang Pulau Pinang, mat saleh, semua dok pi di situ, Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat tolong cari satu jalan kerana kawasan itu kerajaan negeri pun sudah buat *chalet*, tetapi *chalet* di situ hanya boleh pakai disebelah siang, malam tidak boleh pakai. Ha, tidak boleh orang tidur, apa semua tidak boleh, pi hendak salin, mandi, apa semua boleh. Fasal kita jaga, takut sakni segala ayak buangan manusia ini, masuk pi kacau, habis laut.

Jadi, mintalah sedikit dah kutip fi ini, di situ pun kita hendak kutip fi, Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong fokus sedikit Pulau Payar, pulau yang terindah di dunia, kalau hendak kata, macam Yang Berhormat bagi Kalabakan kata,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau lebih ramai macam Yang Berhormat, saya kena terbuka untuk dibahas semula lagilah. Cukuplah!

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai. Jadi, duit yang kita kutip adalah untuk tujuan kita hendak mempertingkatkan lagi kemudahan yang ada di taman-taman laut dari segi pemuliharaan, kajian dan sebagainya. Insya-Allah, kita lihat bahawa Kerajaan Negeri Kedah juga telah memberi sumbangan ke arah untuk mempertingkatkan lagi kemudahan di Pulau Paya kerana kita tahu banyak pelancong yang pergi ke Langkawi akan ke Pulau Paya. Begitu juga dari Pulau Pinang akan ke Pulau Paya.

Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat dan itulah tujuan kita kenakan kutipan ini kerana kita tidak lagi boleh bergantung kepada bantuan Kerajaan Pusat kerana Kerajaan Pusat telah pun memberhentikan bantuan kepada kita. Jadi, duit yang berbaki itu tidak mungkin dapat kita belanjakan dengan wang yang berbaki untuk

menampung kegiatan-kegiatan pemuliharaan, mempertingkatkan kemudahan dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat sokong untuk kita kutip duit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, nak cakap sikit Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, di Yan, Jerai, pulau yang cukup terbaik, dia ada Pulau Bidan yang ini saya bukan melawak Yang Berhormat, Pulau Bidan, Pulau Bunting, Pulau Songsong dengan Pulau Telor, ada empat pulau yang dikelilingi oleh alam sekitar dengan dunia yang di bawah cukup elok. Terus daripada situ pi Pulau Paya. La ini semua orang Pulau Pinang, orang Tanjong, dia mai ke Pulau Bidan, jumpa bidan, jumpa orang bunting, jumpa telo' apa semua *[Ketawa]* terus pi ke Pulau Paya. Lepas itu depa pi naik Langkawi. Ini bukan saya melawak, yang ini memang ada dalam peta dunia, bukan saya melawak, memang Pulau Telo'. Boleh Yang Berhormat bagi duit sikit tak?

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Pulau Telo' tu, yang ini sebagai *sanctuary* bagi ikan. Selain kita ada unjam-unjam, selain kita bina tukun tiruan, jadi di kawasan Yang Berhormat itu, memang betoi Pulau Telo' tu, itu kita jadikan sebagai *sanctuary* ikan untuk ikan bertelur dan membesar. Ia akan membantu ke arah peningkatan sumber yang akhirnya akan mendapat manfaat ialah nelayan kita, nelayan pantai. Jadi, memang ada peruntukan untuk kita hendak tolong Pulau Telo' tu.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah ...

Seorang Ahli: Bagilah.

Tuan Lim Hock Seng: Masa banyaklah.

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Yang Berhormat Bagan sudah bercakap banyak kali.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Pendang, Pendang.

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, kita telah pun membahaskan akta ini dan duitnya telah pun dikutip. Jadi saya hendak tahu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah jumlah duit yang telah dikutip dari 1 Januari 1999 sampai 17 Julai 2003?

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang tu saya minta maaf, saya tidak ada angka itu tetapi saya boleh ...

Tuan Lim Hock Seng: Bagi saya sekali yang *last*.

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Nanti, jawapan saya tak habis lagi, Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tak ada jawab tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Sat, sekejap. Yang Berhormat bagi Bagan ini *excited*. Tuan Yang di-Pertua, cuma saya boleh beritahu bahawa jumlah kutipan itu meningkat. Kalau kita katakan taman-taman laut ini sudah lagi tidak menjadi satu daya tarikan kepada pelancong dalam negeri dan luar negara, saya hendak katakan itu adalah tidak betul kerana saya akan memberi statistik untuk menyokong apa yang saya kata. Berdasar kepada kutipan ini jelas menunjukkan dari segi bilangan pelancong dalam negeri dan luar negara yang berkunjung ke taman-taman laut ini telah meningkat berdasarkan kepada kutipan kita.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Hock Seng: Minta penjelasan sekali lagi.

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Saya hendak jawab perabih ni dulu. Tuan Yang di-Pertua, tahun 1999 – RM900,000; tahun 2000 – RM1.2 juta; tahun 2001 – RM1.3 juta; tahun 2002 – jumlahnya berkurangan sedikit, ini mungkin oleh sebab masalah-masalah pada waktu itu yang mungkin besar akibat kejadian penyakit SARS dan sebagainya; kemudian pada tahun 2003 sehingga 17 Julai 2003 kita telah dapat memungut sebanyak RM1.03 juta. Ini adalah bukti yang menyokong bahawa ramai pelancong yang datang berkunjung ke taman-taman laut yang ada di negara kita termasuk di Pulau Paya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya sudah bercakap banyak, Yang Berhormat bagi Bagan pun saya sudah beri peluang banyak kali.

Tuan Lim Hock Seng: *Last, last* satu.

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Saya ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyak

Tuan Lim Hock Seng: *Last* satulah.

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Tak fahamkah? Cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng: Satu, satu, *last*.

Datuk Seri Mohd Sharif bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang cukup bernas. Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Kami amat menghargai pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG RACUN MAKHLUK PEROSAK
(PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.20 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Mohd Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Akta Racun Makhluk Perosak 1974 telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1974 dan mula berkuat kuasa pada 15 April, 1975. Menurut Akta Racun Makhluk Perosak satu Lembaga Racun Makhluk Perosak telah ditubuhkan. Jabatan Pertanian ialah urus setia kepada lembaga berkenaan. Akta ini merupakan akta utama untuk mengawal aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan racun makhluk Perosak. Pengawalan terhadap aktiviti-aktiviti racun makhluk perosak adalah sangat penting untuk memastikan racun makhluk perosak diurus secara berkesan selari dengan kehendak pembangunan bestari dengan mengambil kira aspek-aspek keselamatan kepada manusia, binatang dan kesejahteraan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, racun makhluk perosak merupakan salah satu input dalam pembangunan dan pengeluaran komoditi pertanian, penternakan haiwan dan perhutanan serta juga digunakan untuk kesihatan awam bagi mengawal faktor-faktor yang membawa penyakit juga untuk mengawal makhluk perosak rumah tangga. Memandangkan racun makhluk perosak mempunyai sifat-sifat semula jadi yang beracun dan berbisa, maka adalah penting supaya racun makhluk perosak dikawal dan diurus dengan baik dan berkesan bagi memastikan faedah penggunaan dapat diperolehi, pada masa-masa yang sama mengelakkan kesan buruk kepada manusia, organisma bukan sasar dan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, setelah hampir 30 tahun sejak berkuatkuasanya akta terdapat beberapa terjemahan dalam akta ini yang perlu diperbaiki. Pindaan akta ini bertujuan untuk mengemas kini peruntukan-peruntukan dalam akta ini supaya sesuai dengan pembangunan industri racun makhluk perosak dalam negara. Di samping itu diharapkan penguatkuasaan undang-undang di bawah akta ini kelak akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan kawalan industri racun makhluk perosak di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara pindaan yang dicadangkan ialah untuk menyelaraskan gelaran, jawatan bagi anggota lembaga dan menambahkan keanggotaan lembaga daripada 12 orang kepada 14 orang anggota dan juga menambahkan bilangan kuorum kehadiran mesyuarat daripada 6 orang kepada 7 orang anggota.

Selain itu tempoh pendaftaran racun makhluk perosak juga dicadangkan dipanjangkan kepada lima tahun dan juga tempoh sah lesen menjual atau menyimpan untuk jualan pada tiga tahun untuk mengurangkan beban kerja permohonan pendaftaran ataupun pelesenan, di samping itu dimasukkan seksyen baru yang mengehendaki pendaftaran memberitahu lembaga jika mendapati apa-apa kemudaratan racun makhluk perosak itu terhadap binatang, tumbuh-tumbuhan, buah-buahan atau harta.

Rang undang-undang ini juga meminda Akta Racun Makhluk Perosak dengan menambah penalti untuk semua kesalahan sebagai langkah pencegahan selaras dengan seriusnya kesalahan itu.

Rang undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa seseorang hendaklah mendapatkan permit sebelum mengimport racun makhluk perosak untuk digunakan sebagai contoh pendaftaran atau piawai cerakan. Di samping itu seksyen baru itu dimasukkan yang mengehendaki seseorang mendapatkan permit sebelum

menjalankan percubaan atau penyelidikan di luar makmal ke atas racun makhluk perosak yang tidak berdaftar dan disintesis di Malaysia.

Selain itu juga seksyen baru dimasukkan yang menentukan tempoh masa 60 hari untuk menyiapkan analisis racun makhluk perosak dari tarikh racun makhluk perosak itu dirampas. Rang undang-undang ini juga memasukkan seksyen baru yang memperuntukkan label sebagai bukti bahawa bahan di dalam bekas tersebut ialah racun makhluk perosak dan memperuntukkan anggapan bahawa semua racun makhluk perosak yang didapati di dalam premis berlesen adalah untuk dijual. Selain itu rang undang-undang ini mengehendaki seseorang yang disabit kesalahan menanggung kos pelupusan bagi racun makhluk perosak itu.

Di samping itu juga rang undang-undang ini memasukkan seksyen baru melarang pemilikan dan penggunaan racun makhluk perosak tidak berdaftar dan melarang penggunaan racun makhluk perosak tidak mengikut label. Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada peruntukkan akta sedia ada dan tambahan peruntukkan baru seperti yang dicadangkan tidak akan melibatkan pertambahan perbelanjaan secara langsung atau pengambilan kakitangan baru.

Sebarang keperluan perbelanjaan akan menggunakan peruntukan kewangan yang sedia ada. Dengan pindaan dan peruntukkan baru yang dicadangkan ini, maka pelaksanaan undang-undang bagi mengawal racun makhluk perosak akan dapat dibuat dengan lebih cekap dan berkesan, aktiviti-aktiviti seperti penyeludupan racun makhluk perosak dari luar negara, penjualan dan penggunaan racun makhluk perosak yang tidak berdaftar penggunaan racun makhluk perosak tidak mengikut syarat yang ditetapkan akan dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Di samping itu proses pendaftaran gantungan atau pembatalan sesuatu racun makhluk perosak akan dapat dibuat dengan berkesan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 dibentangkan untuk bacaan kali yang kedua.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Racun Makhluk Perosak tahun 1974, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas, Kuala Terengganu.

3.28 ptg.

Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Akta meminda Akta Racun Makhluk Perosak 1974 adalah merupakan sesuatu yang bertepatan dengan masanya dalam usaha industri tani menjana ekonomi negara ini. Dalam konteks itu kita harus mengambil keprihatinan kita yakni untuk memastikan pembangunan ekonomi tani ataupun industri tani ini berkembang maju dalam keadaan dapat mengawal akibat-akibat dan musibah daripada racun perosak ini, dalam lain perkataan kita harus mengembangkan ekonomi kita dalam konteks *sustainable development*, kerana apa yang berlaku sekarang ini adalah terlalu banyak keracunan tanah yang menyebabkan pemakanan dan juga menyebabkan sumber air kita sudah tercemar.

Daripada satu kajian menunjukkan bahawa sebanyak 5.0 juta hektar tanah pertanian telah digunakan untuk aktiviti-aktiviti pertanian dan ini juga melibatkan kurang lebih sejuta petani dan ramai petani terdedah dengan pelbagai macam permasalahan daripada penyalahgunaan racun makhluk perosak ini. Daripada kajian telah menunjukkan bahawa kurang lebih 12 juta kilogram racun bukan cecair telah digunakan setiap tahun dan kurang lebih 8 juta liter cecair juga telah disemburkan di kawasan-kawasan pertanian kita. Ini menimbulkan satu masalah dan ancaman kepada kesihatan petani-petani kita.

Selain daripada itu import kepada racun makhluk perosak ini juga telah menelan belanja kurang lebih 150 juta dan terdapat kira-kira 1,758 jenis ataupun jenama racun.

Persoalannya sekarang ini ialah apakah sebanyak ini racun makhluk perosak perlu digunakan di Malaysia ini yang boleh menyebabkan akibat dan sengsara kepada kehidupan manusia terutamanya apabila terlalu ataupun berlebihan penggunaan racun makhluk perosak ini digunakan oleh petani-petani kita. Selain daripada itu adalah apakah kesan-kesan kepada tanah tanih di Malaysia ini?

Yang ketiganya, kesan-kesan daripada penyerapan racun makhluk perosak ke bumi ini akan menimbulkan kesan-kesan yang buruk pula dari segi ekologi dan dari segi sumber air. Selain daripada kesan-kesan itu juga, kita juga harus memikirkan apakah ada tahap piawaian racun tertentu yang diguna pakai di Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kajian juga telah menunjukkan bahawa di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan tanah gambut di Kelantan, daripada satu kajian menunjukkan bahawa 15% daripada air telaga di kawasan itu dicemari oleh *nitrat* yakni akibat daripada penggunaan racun makhluk perosak untuk memastikan tanaman tembakau mereka itu segar dan dapat memberi hasil yang lumayan, tetapi ini mendatangkan kesan yang buruk kepada penduduk di sekitar Kelantan terutamanya yang berurusan dengan pertanian tembakau.

Di Johor juga daripada satu kajian menunjukkan bahawa 83% tanah terutamanya dalam sektor pertanian itu cemar akibat daripada kegunaan racun makhluk perosak. Selain daripada itu juga, di Cameron Highlands menunjukkan bahawa 73% airnya cemar kerana racun serangga yang telah digunakan dan satu ketika telah menyebabkan ekonomi iaitu pembekalan sayur-sayuran kita daripada Cameron Highlands telah ditolak oleh negara jiran terutamanya oleh Singapura dan juga daripada Brunei. Ini menyebabkan bahawa dalam usaha kita untuk kita menjana ekonomi terutama di bidang pertanian ini membawa kesan-kesan yang buruk kepada kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Tuan Razali bin Ismail: Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Racun kepada makhluk perosak tidak dapat kita nafikan, petani-petani kita memang memerlukan racun ini untuk menentukan tanaman mereka akan dapat subur dan juga dapat menjamin pengeluaran yang banyak dan baik. Makhluk perosak kepada tanaman ini kadang-kadang dia serang daun, kadang-kadang dia serang batang, kadang-kadang dia serang buah, kadang-kadang dia serang akar. Ini akan menjejaskan pengeluaran petani-petani kita.

Jadi dengan sebab itu mereka tidak dapat hendak mengelakkan daripada menggunakan racun-racun yang boleh membunuh perosak kepada tanaman. Sebab itu ada sebuah negara kadangkala kalau kita hendak makan buah dia, orang rumah kita tahu, suri rumah lebih tahu, hendak kena rendam air garam, hendak dibilas dengan air yang tertentu sebelum dapat kita makan kerana buah-buahan ini diselaputi *[Tiba-tiba telefon bimbit berbunyi]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panggilan telefon ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak berucap atau hendak minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak minta penjelasan. Hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Kuala Terengganu sebab nampak Kuala Terengganu ini mirip layak jadi Menteri Pertanian *[Ketawa]* dia punya gaya, boleh jadi Menteri Pendidikan, Menteri Pertanian pun boleh nampaknya. *[Ketawa]* Saya bangga dengan sahabat saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya kadangkala apabila kita gunakan sejenis racun untuk mematikan makhluk perosak kepada tanaman kacang panjang, dalam waktu yang sama kita gunakan satu jenis, akhirnya makhluk perosak itu lali dengan racun ini, maka kena tambah kekuatan racun yang lain. Akhirnya perosak ini pun lali dengan racun ini, kena tambah lagi kekuatan ini.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, bagaimana hendak kita imbangkan. *[Telefon bimbit berbunyi] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada panggilan telefon ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Makhluk perosak cari dia. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi saya hendak minta sedikit pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, di antara pengawalan yang boleh menyebabkan orang yang terpaksa menggunakan racun ini dengan pengguna yang akan mengguna bahan yang telah pun dikenakan racun ini, bagaimana kita hendak imbangkan keselamatan itu? Ini menggunakan racun untuk mematikan pemusnah, tetapi dalam waktu yang sama bahan yang keluar itu akan memudaratkan pula. Saya tidak tahu Kementerian Pertanian menyemak atau tidak perkara-perkara seperti ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu akan jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay.

Tuan Razali bin Ismail: Terima kasih. Bagaimanakah kita hendak mengimbangi penggunaan, kalau sekiranya ia tidak mematuhi kuantiti ataupun had-had yang telah ditetapkan. Memang daripada satu kajian di Cameron Highlands didapati serangga-serangga tertentu terutama sejenis kupu-kupu di sana itu, resistance ataupun tahan kebal dan kekebalan yang luar biasa kerana racun-racun ini dikatakan berbanding dengan kupu-kupu di England, daya tahannya hampir dua ribu kali. Ertinya ini menunjukkan satu keadaan yang cukup bahaya memerlukan kita menggunakan degree atau kekuatan racun yang lebih hebat dan menimbulkan padah yang semakin buruk kepada kesan kesihatan, tanah tanih dan juga dari segi ekosistem.

Selain daripada itu juga kita harus memikirkan tindakan-tindakan alternatif, kalau di zaman tradisi kita, cara konvensional kita, kita menggunakan fertilizer ataupun racun-racun yang tidak menimbulkan banyak masalah. Kadang-kadang kita menggunakan organic fertilizer untuk kita menghindari masalah-masalah dari segi penyakit itu. Tetapi dalam keadaan sekarang ini, apabila terlalu commercialize, kita terpaksa menggunakan jalan pintas tetapi shortcut beginilah yang membawa padahnya.

Saya kira Akta Racun Makhluk Perosak ini harus juga memikirkan cara-cara bagaimana kita harus memberikan alternatif pilihan-pilihan tertentu. Kajian juga menunjukkan bahawa di Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear ada kaedah-kaedah tertentu untuk dia mengawal kesan-kesan buruk daripada racun-racun makhluk perosak ini iaitu di MINTec-Sinagama iaitu satu teknologi di mana ia boleh meredakan atau boleh neutralize kesan-kesan daripada racun makhluk perosak ini. Saya kira Kementerian Pertanian juga harus memikirkan alternatif-alternatif seperti mana yang dikembangkan di negara-negara maju iaitu dengan menggunakan kaedah Genetically Modified Food (GMF) yang boleh digunakan untuk memastikan tanaman kita terhindar daripada kesan-kesan racun makhluk perosak ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah kepada kita sekarang ini, racun makhluk perosak ini sudah menjadi satu business yang besar selain daripada aktiviti-aktiviti penyeludupan sebab di Malaysia ini juga daripada satu kajian terdapat tidak kurang daripada 146 pengeluar racun makhluk perosak di Malaysia ini. Selain daripada itu juga kita dapati ada pihak-pihak yang tertentu yang mendapat bekalannya secara penyeludupan. Malah baru-baru ini di Johor Bahru sendiri kita mendapat toksik yang beracun itu dibawa masuk daripada negara luar. Ini adalah merupakan sesuatu yang cukup berbahaya dan inilah merupakan satu perkara yang saya kira dalam provision ini juga harus memikirkan bagaimanakah cara dan kaedah kita untuk mengawal daripada kegiatan-kegiatan penyeludupan dan juga menghasilkan bahan-bahan tiruan yang boleh membawa kepada kesan buruk kepada rakyat di Malaysia dan juga business ataupun urus niaga aktiviti-aktiviti pertanian di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi kita boleh terjejas kalau sekiranya penggunaan racun makhluk perosak ini berleluasa dan kejadian keracunan makanan sudah meningkat. Kajian-kajian juga menunjukkan bahawa pelbagai jenis penyakit yang tidak disedari oleh kalangan petani kita juga telah dapat dikesan, di antaranya ialah barah

ataupun penyakit-penyakit yang boleh membawa kecacatan keturunan dan juga dari segi kesuburan genetik juga dapat dikesan akibat daripada penggunaan racun makhluk perosak dan ini adalah merupakan perkara yang penting yang harus diberi perhatian yakni kepatuhan kepada peraturan-peraturan.

Saya kira dalam akta ini juga telah diambil kira tentang peraturan-peraturan dan hendak memperkemaskannya. Soalnya sekarang ialah dari segi penguatkuasaannya. Malah dalam akhbar baru-baru ini telah dapat dikesan bahawa dalam makanan kita juga sebab dalam akta ini juga telah disebut tentang mengawal makanan kita. Terdapat *boric acid* ataupun yang disebut asid borik yang telah diguna, yang telah disapu pada daging-daging untuk memastikan ada daya tahannya. Sedangkan ini membawa kesan yang buruk kepada kesihatan, demikian juga dalam ramuan makanan-makanan tertentu boric acid ini juga digunakan dan dalam konteks ini saya kira Kementerian Pertanian harus bekerjasama dengan pihak-pihak lain terutamanya daripada pihak Kementerian Kesihatan untuk menguji makanan-makanan yang telah dibekalkan selain daripada menyemak penjualan boric acid yang boleh dikelaskan sebagai racun kerana ini mendatangkan kesan-kesan yang buruk.

Selain daripada melakukan pemeriksaan secara berkala untuk memastikan kita dapat mengawal racun makhluk perosak, untuk kita memastikan kualiti makanan dan juga isu-isu yang berkaitan dengan masalah-masalah ekologi, masalah-masalah kesihatan dan juga masalah-masalah dengan air yang berkualiti di Malaysia ini dapat dikawal. Kita harap bahawa dengan akta yang ada ini beberapa perkara yang telah disebut itu dapat dikawal dengan rapi.

Persoalan yang ingin saya timbulkan itu ialah apakah perlu kita memikirkan strategi-strategi lain agar kita dapat mengelak daripada menggunakan racun makhluk perosak yang saya kira semakin banyak digunakan dalam konteks untuk mengaut keuntungan yang besar dalam kegiatan pertanian ini.

Yang seterusnya ialah mari kita fikirkan juga dari segi kesan-kesan pada tanah-tanah selain daripada pencemaran yang berlaku kepada ekosistem kita itu dan juga terhadap sumber air dan akhir sekali saya kira akta ini juga harus memikirkan tentang tahap piawai racun yang harus dikenal pasti dan diguna pakai secara serius dalam kita mengawal wabak dan merebaknya racun makhluk perosak ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan akta ini iaitu racun makhluk perosak ini. Sebenarnya kita semua salah, kalau kita tidak ada racun perosak ini tumbuh-tumbuhan kita mungkin tidak begitu segar dan tidak ada pengeluaran. Tetapi saya percaya penuh rang undang-undang yang kita luluskan ini kuat kuasanya itu adalah diharap supaya seimbang. Jangan kita luluskan undang-undang, kita tambahkan lembaga pengarah dan sebagainya tetapi penguatkuasaan itu tidak ada. Sebab saya telah melihat Tuan Yang di-Pertua, kedai menjual racun makhluk perosak ini di sebelah kampung, sebelah dia menjual racun ini dan di sebelah lagi dia menjual barang-barang runcit. Jadi apabila kita masuk kedai itu kita akan dapat bau racun dan sebagainya tetapi mereka menjualnya juga.

Jadi saya minta pihak kementerian tengok benda-benda seperti ini tidak boleh masuk campur. Kita sendiri masuk kita akan dapat merasa seperti mencucuk-cucuk hidung ini. Tambahan pula jika orang ada penyakit asma. Dia masuk kedai itu dia boleh collapse. Jadi saya nak minta agar penguatkuasaan benda-benda ini harus diperkemas. Jadi Yang Berhormat menteri pun sudah minta tambahan, tidak cukup enam orang jadi lapan. Kita akan bagi tidak ada masalah ambillah sepuluh pun tidak mengapa kerana tidak melibatkan perbelanjaan.

Tetapi kita mesti ingat bahawa kita juga memerlukan racun makhluk perosak ini untuk kita hendak ada keluarannya. Tetapi saya minta supaya instruction ataupun arahan-arahan untuk menggunakan racun-racun ini harus clear supaya pengguna-pengguna faham untuk menggunakan racun-racun ini. Kadang-kadang dia overdose pakai terlampau lebih. Macam kita pergi klinik, kalau demam doktor cakap makan ubat sehari empat kali tetapi kita hendak baik cepat kita makan double sehari lapan kali kita telan-telan. Jadi akhirnya kita yang bahaya.

Begitu juga kita yang terlampau hendak menjaga pengeluaran supaya pengeluaran itu banyak dan tidak mahu makhluk perosak itu kacau maka kita spray racun-racun ini terlampau banyak hingga akhirnya orang yang makan buah-buahan ini akan memudaratkan. Tuan Yang di-Pertua, kalau musim buah-buahan sekarang ini yang untung ialah doktor, klinik. Pergilah di manapun, kalau durian banyak doktor dapat duit, kalau rambutan banyak doktor dapat duit. Makan buah dapat batuk, demam, makan durian lebih panas badan dan sebagainya.

Jadi yang penting sekarang ini memastikan bahawa tahap penggunaan itu. Seperti di kawasan bendang ada orang menyelerakkan baja ataupun menggunakan racun dengan terlampau banyak akhirnya dia mati. Dia mati kerana dia sedut racun-racun tersebut. Jadi ini perlu Kementerian memastikan bahawa syarikat-syarikat yang mengeluarkan bahan-bahan racun perosak makhluk ini supaya memberi peraturan-peraturan penggunaan supaya tidak memudaratkan pengguna ataupun orang yang makan buah-buahan ataupun pengeluaran barang-barang itu.

Kita dapat lihat kadang-kadang sekarang ini dunia cukup particular mengenai hal ini. Apabila kita hendak eksport makanan buah-buahan dan sebagainya mesti ada standard penggunaan racun ini. Sebab itu kita tengok setengah negara dia buat kajian buah longan hak tak manis pun dia boleh tembak racun supaya menjadi manis. Buah durian yang tak masak lagipun dia boleh tembak macam-macam bagi masak. Ini bukan melawak, nak sebut tak bolehlah sebab kita ASEAN negara jiran. Jadi cuba kita makan longan ini, kalau kita kupas dengan tangan tidak apa, kalau kita tukar sat lagi mulut kita gatal, batuk, dan sebagainya. Inilah *side effect* daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu sebutkan tadi saya bersetuju.

Kes air telaga Yang Berhormat Kuala Terengganu saya bersetuju. Dalam kawasan saya di Sungai Tok Pawang, kawasan estet kelapa sawit, dia gatal habis, fasal pakai air telaga sebab kawasan itu air tidak masuk lagi, itulah saya minta Kerajaan Luar Bandar bagi paip aya' yang tidak ada ini. Saya pergi melawat kawasan itu Tuan Yang di-Pertua, orang kampung cedok aya' itu letak dalam botol tunjuk pada saya. Dia kata Dato' ini dia botol aya' yang kami minum. Saya ingatkan aya' urat bekak apa mereka rebus untuk beri kuat badan atau sihat apa, bukan. Rupanya aya' daripada telaga kawasan kelapa sawit racun-racun yang depa dok spray apa semua itu dia turun ke dalam tanah dia masuk pi dalam telaga bila hujan mai dia masuk pi situ. Kesian orang kampung Tuan Yang di-Pertua, minum aya' macam itu, mandi aya' macam itu. Sebab itulah kadang-kadang kita tengok orang-orang kampung kesian tengok kulit depa kasar, gatal rata, gatal kulit *rashes* dengan izin, rambut pun perang bukan pergi *dye* pun pasal aya' telaga. Jadi yang inilah makhluk perosak [*Ketawa*].

Saya minta kepada kementerian, kita nak import, make sure benda yang kita import, memang kita tidak hendak benda ini kalau tidak tikus dia kacau, binatang dia kacau, orang nak buat bendang pun susah. Benar dia attack, kutu beruang ini kalau dia attack Tuan Yang di-Pertua, nak cerita pada Tuan Yang di-Pertua, kalau dia attack bendang, malam ini tuan bendang dok kira dah, dok cepung dah, etang kuluih-etang kuluih seekar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Dengan izinlah dia kata dia boleh...[*ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Orang lain pun tidak faham.

Beberapa ahli: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri pun tidak faham macam mana?.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia boleh kiralah dia boleh satu ekar berapa duit. Tengah-tengah dok kira besok pagi, malam ini kutu beruang dok serang pokok padi dia, besok teriak Tuan Yang di-Pertua, dia mai macam bom serang macam Amerika dok serang Vietnam dulu, clear pokok itu.

Memang kita perlu tetapi biarlah ada had-hadnya. Jangan sampai tidak ada *control*, akhirnya benda yang kita makan jadi mudarat. Saya takut yang kita makan beras ini, tetapi insya-Allah, saya jamin beras kalau dari Kedah *clear*, Tuan Yang di-Pertua, dan Perlis pun *clear*. Tengok badan Yang Berhormat bagi Arau, makan beras

Perlis. [Ketawa] Sihat bukan main. Jadi, yang ini *clear*. Cuma kita hendak jaga pada masa ke hadapan ini.

Lesen-lesen ini Yang Berhormat kata hendak bagi tempoh panjang. Saya kata janganlah, Yang Berhormat. Bila bagi panjang masa, dia ralit, dia buat macam-macam. Jadi, kita hadkan masa dia, berapa tahun sekali, sekarang ini tiga tahun cukup atau cukup dua tahun kita pergi *check* tempat dia jual dan sebagainya supaya perkara ini terjamin dan selamat.

Kemudian kita pastikan bahawa kalau racun-racun yang *dismuggle* masuk, macam Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu kata tadi, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh penjual-penjual atau pengedar-pengedar racun makhluk perosak ini. Kita kena *imposed* dan kita kena *revoked* dia punya lesen kerana dia bersubahat dengan mengimport benda-benda yang haram yang *dismuggle* masuk ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita kena tegas dalam kita menjalankan undang-undang ini. Saya ingat dahulu kalau pendatang tanpa izin masuk ke Malaysia, kita tangkap dan kita rotan depa untuk menakutkan depa tetapi seorang pun tidak kena rotan, yang masuk beribu-ribu. Kita buat undang-undang tetapi kita tidak *imposedkan* undang-undang itu, jadi orang tidak hairanlah, orang buat endah tidak endah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya mintalah supaya pengawalan penggunaan racun makhluk perosak ini dikawal dengan sebaik mungkin. Macam di negara-negara luar, ia ada dia punya dosej untuk hendak sembur ini. Dia bukan sembur ikut suka sahaja. Dia ada *time* dia, *period* dia, waktu dia. Waktu bunga terbit, dia sembur sekali. Waktu buah jadi putik, dia sembur sekali lagi. Sepuluh hari lagi sudah hendak ambil, dia sudah tidak sembur. Hak kita ini, malam esok hendak ambil pun dia sembur lagi. Dia hendak bagi buah itu gemuk, sihat dan harga lebih.

Semua ini kita kena kawal. Kementerian kena kerja banyak sedikitlah. Kita tambah, saya cadang daripada lapan kepada sepuluh orang Ahli Lembaga itu. Tetapi jangan Ahli Lembaga dok mari mesyuarat sahaja, keluar pergi ke bawah itu. [Disampuk] Gamak tidak ada orang, ini ramai dok ada ini. Bukan ada apa-apa lagi ini. Ramai lagi Ahli Parlimen ini kan? Macam Yang Berhormat bagi Kinabatangan, makhluk perosak pun takut pada dia. [Ketawa]

Jadi, boleh tambah. Tetapi syaratnya turun pergi tengok. Kemudian dia tahu apa yang dia buat kerja – rasa buah-buahan, makanan-makanan, pengeluaran-pengeluaran ini semua, tengok sama ada elok atau tidak elok. Kalau setakat jadi Ahli Lembaga Pengarah sahaja, kemudian dok lulus itu, dok sokong itu, kemudian apa yang terjadi di bawah tidak diambil kira.

Saya hendak tahu juga daripada Kementerian Pertanian, berapa ramai yang sudah menggunakan racun makhluk perosak ini mati kerana dia tersilap guna benda-benda ini. Memang ada yang sudah mati. Di sebelah kawasan saya, kasihan, pergi keluar sembur racun, tahu-tahu terjun dalam bendang. Tak dan minta ampun dan maaf daripada anak bini. Jadi, saya minta kepada pihak kementerian, saya pun hendak tahu juga supaya rakyat tahu bahayanya, di samping kita hendak jaga racun makhluk perosak ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan saya berharap pihak kementerian mengambil pandangan-pandangan kami ini untuk kebaikan bersama. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran.

3.54 ptg.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Methamidophos* adalah racun serangga yang digunakan untuk penanaman kelapa sawit. Satu bahan yang dikawal oleh kementerian tetapi ketika ini racun serangga ini, *Methamidophos* juga didapati *residuenya* di dalam sayur-sayuran yang ditanam di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan masalah yang dihadapi dalam penggunaan racun makhluk perosak di dalam negara kita ini. Saya melihat dua masalah penting yang harus diatasi atau ditangani oleh kementerian iaitu masalah penggunaan yang berlebihan dan juga masalah penggunaan *pesticide* yang

diharamkan dan contoh yang nyata sekali ialah racun *insecticide* serangga *Methamidophos* ini yang ketika ini juga didapati *residuenya* yang tinggi, melebihi daripada maksimum MRL yang dikuatkuasakan.

Beberapa racun perosak lain yang juga terdapat di dalam pengeluaran sayuran tempatan kita termasuklah penggunaan yang melebihi daripada MRL yang dilimitkan oleh kerajaan termasuk *Chlorpyrifos*, *Acephate*, *Triazophos* dan *Profenofos*. Ini merupakan antara kesan-kesan *residual* racun-racun perosak yang didapati di dalam tanaman sayuran tempatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu langkah-langkah berkesan yang diambil oleh kementerian dalam menentukan penggunaan racun perosak ini yang niatnya baik untuk mengawal tanaman daripada dijangkiti penyakit atau diserang oleh serangga-serangga dan sebagainya digunakan pada tahap yang sebaik-baiknya dan tidak memberi kesan kepada kesihatan manusia yang secara jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang.

Satu yang kita rasa pelik dalam pegawai-pegawai kementerian melaksanakan tugas dalam mengawal racun makhluk perosak ini, kita melihat bahawa kementerian lebih *concern* terhadap sayuran ataupun bahan makanan kita, kesan racun makhluk perosak ini kepada makanan kita yang dieksport dan lebih....

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Teberan.

Seorang Ahli: Beluran!

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya? Buluran, bukan kebuluran, Buluran.

Seorang Ahli: Be-lu-ran!

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Beluran. Tadi saya dengar Yang Berhormat bagi Beluran menyebut nama-nama racun, begitu fasih sekali. Saya ingat beliau ini tahu mengenai dengan nama-nama racun ini. Saya hendak tahu, mungkin Yang Berhormat tahu apakah nama sejenis racun yang digunakan untuk makanan buah-buahan yang diimport dari Thailand kerana saya di Kelantan ini dengan Thailand begitu dekat.

Makanan dan sayuran yang didatangi dari Thailand ini begitu subur sekali terutamanya buah mata kucing. Saya tidak tahu di lain tempat, apa nama buah itu. Buah mata kucing, yang bulat-bulat, rasa manis dimakan enak sekali dan buah ini dia tidak tahan. Oleh itu, digunakan satu jenis racun makhluk perosak untuk menyegarkan buah-buahan ini. Bila terutama sekali pelancong datang ke Rantau Panjang, sempadan Thailand ini, dia asyik beli buah-buahan ini kerana nampaknya subur.

Apakah nama bagi jenis racun ini? Adakah pihak Yang Berhormat dapat memberi satu jaminan kepada pihak kementerian supaya dapat membanteras racun makhluk perosak ini daripada pelancong dan orang-orang tempatan yang makan buah-buahan ini yang boleh merosakkan kesihatan dan menjadikan penyakit. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Lima bahan kimia yang saya sebut tadi adalah merupakan bahan-bahan kimia yang terdapat di dalam sayuran kita dan saya rasakan bahawa di antara ini merupakan racun serangga yang juga boleh digunakan di dalam industri buah-buahan. Saya kurang pasti yang mana satu daripada ini yang didapati di dalam buah longan dan sebagainya. Saya rasa pihak Timbalan Menteri akan memberi penjelasan selepas ini.

Saya balik kepada isu, kita lebih *concern* terhadap yang kita eksport tetapi kita lupa kepada hakikatnya bahawa sayuran yang kita jual untuk pasaran tempatan itu juga perlu pemerhatian oleh pihak kementerian, kerana sering kali kita mendengar produk sayur kita ini *diban* dan diharamkan oleh Kerajaan Singapura, Kerajaan Brunei dan sebagainya tetapi kita tidak melihat dan tidak mendengar terdapatnya pengharaman sayuran ini walaupun pada ketika Singapura dan Brunei mengharamkan dan melarang

sayur kita dimasukkan ke negara berkenaan, pada ketika itu kita tidak mendengar pasaran tempatan kita dikecualikan daripada pemasaran sayur-sayuran daripada stok yang sama yang dilarang dimasukkan ke negara-negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ini kita lihat sebagai sikap yang berbeza antara produk yang kita eksport dan juga yang kita pasarkan di tempatan. Ini menunjukkan bahawa seolah-olah barangan yang kita jual di tempatan ini tidak memberi kesan terhadap kesihatan yang menggunakannya, tetapi hakikat yang sebenarnya sama ada sayur kita makan di Singapura ataupun kita makan di Brunei, di Bandar Sri Bawang ataupun kita gunakan *for local consumption* jika ianya melebihi daripada MRL yang ditetapkan oleh kerajaan, maka kesannya akan memberi kesan yang sama di Singapura, di Brunei dan juga di *local market*.

Jadi saya ingin mengetahui langkah-langkah dan pendekatan yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan bahawa bukan sahaja barangan eksport itu kita jaga dari segi kualitinya tetapi produk-produk sayuran terutama bahan makanan ini juga diselidik kualitinya dari segi racun yang ada di dalamnya di *local market* atau di pasaran tempatan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat soal racun ini, bukan penguatkuasaan terhadap racun ini sama ada bukan sahaja terletak kepada bilangan anggota lembaganya ataupun tempoh kerja anggota lembaga yang ada, tetapi lebih kepada keupayaan penguat kuasa yang wujud dan akan diwujudkan oleh Kementerian, oleh kerajaan untuk menentukan bahawa pelaksanaan akta ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur dan memberi kesan terhadap matlamat rang undang-undang itu.

Saya diberitahu oleh beberapa kakitangan daripada Jabatan Pertanian di Sabah umpamanya, kuarantin yang ada tidak mempunyai dan tidak dilengkapi dengan anggota yang cukup untuk membuat penguatkuasaan terhadap penggunaan racun ini. Begitu juga kemudahan yang ada tidak lengkap dan perlu diperbaiki untuk menentukan bahawa rang undang-undang ini akan mencapai matlamat yang diharapkan.

Jadi ertinya Tuan Yang di-Pertua, dalam menentukan bahawa undang-undang ini akan memberi kesan yang positif dalam menghalang penggunaan racun makhluk perosak ini, penyalahgunaan penggunaan racun makhluk perosak ini dengan berkesan, maka penguatkuasaan merupakan salah satu daripada aspek yang harus diambil kira dan diambil perhatian oleh Kementerian terutama dari segi pegawai yang ada, yang menjalankan kuarantin, begitu juga terhadap kemudahan pegawai-pegawai penguat kuasa yang melaksanakan tanggungjawab ini. Tidak lama dahulu kita setelah isu penolakan sayuran kita ke Singapura dan Brunei berlaku, Kementerian telah mengadakan beberapa pendekatan seperti *tagging* dan juga Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SLAM) ini, tetapi hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, kita masih melihat walaupun dengan *tagging* ini dan juga SLAM ini, kita masih melihat kekerapan berlaku dari segi penyalahgunaan bahan racun ini yang berlaku selepas adanya pendekatan-pendekatan *tagging* dan juga SLAM yang dialukan.

Jadi bererti perlu langkah-langkah yang baru untuk menentukan bahawa setiap pengusaha ladang ini menggunakan racun ini secara yang baik untuk menentukan bahawa pengguna yang menggunakan barangan produk pertanian ini tidak akan diberi kesan kesihatan jangka pendek dan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa langkah kerajaan untuk mengubah akta ini merupakan satu langkah yang baik dan saya yakin

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Beluran, Labuan bangun.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Yang Berhormat tentang sayur-sayuran yang dieksport ke negara jiran seperti negara Brunei dan juga Singapura yang mengikut Yang Berhormat sebentar tadi ditolak. Sudah tentulah apabila mana ia ditolak kandungan kimia yang digunapakai oleh petani ataupun pekebun kita berlebihan menyebabkan ianya ditolak.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, jika sekiranya sayur-sayuran yang ditolak ke Singapura, di longgok ataupun dilambakkan di pasaran tempatan, apakah ia

tidak akan memberi kesan ataupun mudarat kepada tubuh badan manusia ataupun si pemakan ataupun si pengguna? Jadi, bukankah ada kebaikannya tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Singapura dan juga Brunei, bukankah sepatutnya Malaysia patut melakukan tindakan yang serupa. Jadi saya minta penjelasan.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Seperti yang saya katakan seolah-olah kita ada standard yang lain, seolah-olah makan di Singapura itu, kesannya berlainan dengan makan sayuran di tempatan. Saya bersetuju seperti yang saya katakan tadi, bahawa kementerian harus melihat perkara ini jika ianya ditolak di Singapura, di Brunei dan negara yang lain bererti ianya juga harus ditolak oleh pengguna di pasaran tempatan kita dan ini merupakan yang harus diteliti oleh pegawai-pegawai penguat kuasa dari kementerian untuk menentukan bahawa *frequent check* dan *checking* yang berterusan, sistem *tagging* yang digunakan oleh kementerian itu juga di *apply* kepada sayuran yang di pasar di pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ini satu perkara yang harus diambil berat oleh kementerian untuk menentukan bahawa produk sayuran pertanian ini yang dijual di pasaran tempatan juga merupakan produk yang berkualiti. Sebab itu saya katakan bahawa saya melihat rang undang-undang ini sebagai satu pendekatan yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan rakyat yang ada terus menikmati bahan makanan yang berkualiti dan yang tidak memberi kesan kepada kesihatan mereka dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera.

4.08 ptg]:

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengalu-alukan pindaan rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini dan saya kira pindaan ini amat bertepatan sekali kerana kesan racun makhluk perosak adalah amat besar dan membahayakan manusia jika tidak diberikan perhatian yang serius. Dengan pindaan-pindaan yang diperkenalkan dan dengan memasukkan seksyen-seksyen yang baru, dengan membuat pindaan kepada seksyen-seksyen yang ada, saya mengharapkan supaya selepas ini, pindaan ini akan memberikan lebih mandat kepada penguat kuasa-penguat kuasa undang-undang bagi memastikan segala masalah yang ditimbulkan oleh kemasukan racun makhluk perosak terutamanya daripada negara-negara luar dapat dikurangkan ataupun dihapuskan. Kalau kita lihat undang-undang yang ada pada hari ini seolah-olah tidak mencukupi untuk menyekat kegiatan-kegiatan penyeludupan dan juga penjualan racun racun makhluk perosak yang terlarang yang kita lihat amat berleluasa sekali.

Saya ingin kita mengimbas kembali kepada satu laporan akhbar Cina mengenai pendedahan yang dibuat oleh Malaysian Crop-care and Public Health Association (MCPA) mengenai status penyeludupan racun makhluk perosak di Cameron Highlands dan juga mengenai satu kematian setelah si mati memakan kacang bendi beracun di Seremban. Penyalahgunaan racun makhluk perosak dan bahan-bahan yang diseludup yang digunakan di kebun-kebun buah-buahan dan di kebun-kebun sayur telah meletakkan risiko yang amat tinggi kepada pengguna.

Apa yang jelas undang-undang yang ada dan autoriti-autoriti yang berkaitan nampaknya kurang berkesan di dalam memastikan penyeludupan dan penyalahgunaan daripada berlaku. Dari statistik yang diberi oleh MCPA, *pesticide* dan lain-lain *illegal chemical* yang ada di dalam negara kita bernilai hampir RM34 juta. Jumlah yang ditunjukkan ini menunjukkan betapa tidak bermayanya autoriti-autoriti kita di dalam menyekat penjualan racun-racun makhluk perosak yang membahayakan kepada pengguna-pengguna.

Hari ini sayur dan buah-buahan yang tercemar mungkin memasuki pasaran-pasaran kita dan seterusnya dibeli oleh pengguna-pengguna. Orang yang kita sayangi mungkin memakannya di kantin-kantin sekolah, orang yang kita sayangi mungkin makannya di pejabat-pejabat, orang yang disayangi kita sendiri mungkin memakan bahan-bahan yang tercemar di rumah-rumah kita sendiri. Sebahagian besar racun makhluk perosak yang haram dan diseludup adalah racun serangga yang sebahagian besarnya digunakan oleh petani-petani untuk membunuh serangga-serangga perosak bahan-bahan seperti buah-buah, sayur-sayuran dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Parit Sulung.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Bera. Saya melihat dalam perbincangan ini ramai yang memperkatakan tentang penyeludupan racun makhluk perosak dan undang-undang untuk mengawal penyeludupan racun makhluk perosak ini. Satu persoalan yang kita harus tanya juga kenapa petani-petani kita menggunakan racun makhluk perosak yang diseludup. Kenapa dia tidak guna racun makhluk perosak yang tidak diseludup. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bera, adakah kita mengawal harga racun? Bila kita tidak dapat mengawal harga racun, harga ini meningkat dari masa ke semasa. Bila harga petrol naik, harga racun naik. Kebanyakan racun-racun serangga ini kita import. Berapa persen kita import. Boleh saya katakan lebih daripada 80 persen kita import racun-racun makhluk perosak ini. Bila pertukaran wang asing naik, harga racun naik.

Kita ambil contoh, nanas, satu petani tanam nanas, sebiji nanas berapa sen dia boleh untung. Saya katakan lebih-lebih 30 sen kalau nanas biasa, nanas Morris. Saya pergi melawat di tempat saya ada 13,000 hektar tanaman nanas. Tiga puluh sen dia untung, hendak pakai racun canggih-canggih dengan harga racun yang meningkat, mana dia mampu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nanas pakai racun seranggakah, Yang Berhormat?

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Sebagai contoh, kerana berkait juga dengan Paraquat. Sebelum ini Kementerian Pertanian membenarkan Paraquat. Tetapi akhir-akhir ini Paraquat akan terus dimansuhkan pada tahun depan sebab Paraquat digunakan antara alasannya ialah orang bunuh diri. Sedangkan orang bunuh diri pakai Paraquat ini hanya 4% sahaja. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Bera tentang kawalan harga racun ini? Terima kasih.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Saya bersetuju dengan pandangan rakan saya Yang Berhormat bagi Parit Sulung kerana salah satu sebab mengapa petani-petani suka menggunakan racun makhluk perosak yang *illegal*, haram yang diseludup kerana harganya jauh lebih rendah daripada harga racun makhluk perosak yang *legal*, yang berdaftar dan sebagainya.

Jadi, kalau saranan daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulung supaya pihak kementerian melihat kepada harga racun-racun yang dijual yang tidak diseludup supaya rendah ataupun boleh dan mampu dibeli oleh petani-petani dengan perbandingan harga buah, sayur dan sebagainya untuk dijual, kalau perbandingan itu menguntungkan, saya kira tidak ada masalah petani-petani mungkin akan beli racun-racun yang tidak *illegal*.

Saya hendak sebut tentang masalah-masalah ataupun risiko-risiko daripada racun-racun yang dibeli secara haram tadi, yang diseludup. Tadi rakan saya ada sebut tentang nama-nama racun. Ada beberapa jenis racun seludup yang tidak langsung boleh didaftarkan di dalam negara kita kalau hendak didaftarkan tetapi boleh diseludup secara berleluasa. Misalnya, *Parathion* namanya – Dr. tolong cek betul-betul nama ini. *Methomyl*, *Oxamyl*, racun-racun ini sebenarnya tidak boleh didaftarkan jika hendak didaftarkan dengan pihak kementerian. Tetapi racun ini diseludup dan dipergunakan dengan meluas oleh petani-petani.

Racun-racun makhluk perosak haram yang digunakan ini termasuk yang mempunyai toksik-toksik kimia yang amat tinggi. Misalnya disebut tadi *Methamidophos* dan satu lagi ialah *Monocrotophos* – bukan '*menopause*' ya. Racun-racun ini hanya diluluskan untuk penggunaan-penggunaan terhad sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau terminum itu, Yang Berhormat, boleh jadi '*menopause*'.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh ya. [*Ketawa*] Jadi, penggunaan racun-racun disebut ini hanya dihadkan untuk penggunaan tertentu sahaja oleh kerajaan. Tetapi kerana ianya diseludup, ianya dijual dengan tidak dilabelkan dan petani menggunakan dengan cara yang terbuka akhirnya kesannya adalah kepada kita. Kedua-dua bahan kimia ini mempunyai kesan jangka panjang. Misalnya, *Methamidophos* tadi kesan kimianya boleh berada dalam tumbuhan selama 20 hari. Kalau sayur misalnya digunakan ataupun buah-buahan digunakan, kalau bahan kimia boleh bertahan di dalamnya selama 20 hari, bayangkan kita memakan sayur-sayur dan

sebagainya yang mempunyai bahan kimia yang masih ada di dalam tumbuh-tumbuhan. Dan setengah-setengahnya boleh menyebabkan kanser dan sebagainya.

Jadi, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kepada Kementerian Pertanian, undang-undang sebelum pindaan telah ada. Bukan hanya hari ini setelah dipinda maka ada undang-undang yang menyekat. Undang-undang telah ada di bawah Pesticide Act 1974 telah ada. Bagi yang menjual bahan-bahan yang terlarang dan tidak berdaftar misalnya, denda sebanyak RM3,000 atau penjara sehingga tiga tahun, sudah ada. Tetapi mungkin kerana kurangnya, kerana tidak berkesannya penguatkuasaan, akhirnya undang-undang seperti tidak ada undang-undang dan sehingga pada hari ini walaupun undang-undang kata boleh dipenjarakan tiga tahun, dan berleluasanya penjualan bahan-bahan yang terlarang secara terbuka dan sebagainya, saya difahamkan tidak ada satu pun peniaga-peniaga haram yang menjual bahan terlarang tadi dipenjarakan sehingga setahun, dua tahun, tiga tahun dan sebagainya.

Jadi oleh itu, untuk menggulungnya, saya berharap dengan adanya pindaan yang baru banyak perkara yang boleh kita sekat daripada racun-racun ini dijual secara terbuka dan sebagainya. Racun-racun haram ini tentu sahaja boleh disekat dengan adanya undang-undang yang ada. Kalau pindaan hanya dibuat tetapi penguatkuasaan masih dengan cara yang lama, saya kira pindaan kita akan tetap tinggal pindaan semata-mata.

Jadi, yang pentingnya pindaan dan hasil daripada pindaan itu, penguatkuasaan dan keseriusan pihak kementerian dan sebagainya perlu ada di dalam membantaras soal-soal penyeludupan dan penjualan racun makhluk perosak.

Saya mohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong.

4.20 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan pindaan Akta Racun Makhluk Perosak ini dan ingin memberi pandangan saya tentang pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang tertentu. Terlebih dahulu saya ingin menyentuh industri racun makhluk perosak di dunia ini. Sejak tahun 1998, permintaan pasaran racun-racun makhluk perosak dan agrokimia yang lain meningkat 5% setiap tahun.

Oleh itu adalah dianggarkan bahawa nilai pasaran antarabangsa pada tahun 2003 ialah USD39.5 bilion. Di peringkat antarabangsa terdapat 12 syarikat yang mengilang dan mengedar racun-racun makhluk perosak dan agrokimia yang lain. Yang terbesar ialah Syarikat Novatis dari Switzerland yang menguasai 13.4% daripada seluruh pasaran dunia pada tahun 2003. Manakala Monsanto dari Amerika Syarikat menguasai 13% seluruh pasaran dunia.

Bagi negara-negara pengeluaran pula seperti Perancis dan Amerika Syarikat masing-masing mendahului negara-negara lain dengan menguasai 6% masing-masing seluruh pengeluaran di dunia pada tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak jenis racun yang telah pun diharamkan oleh negara-negara maju, namun negara-negara yang tidak maju masih mengimport racun-racun tersebut. Racun-racun ini digelar "*The Dirty Dozen*". Dalam lingkungan tahun 80-an *The Pesticides Action Network*, dengan izin sebuah badan antarabangsa menyenaraikan 12 jenis racun makhluk perosak yang perlu diharamkan penggunaannya di dunia ini.

Banyak negara telah pun mengharamkan penggunaan "*The Dirty Dozen*" ini seperti Amerika Syarikat, Britain, Brazil, France, Germany, Australia dan Kanada. Racun-racun ini ialah:

- (i) Aldicarb;
- (ii) Aldrin;
- (iii) Chlordane – yang digunakan untuk buah-buahan yang diimport daripada negara jiran kita Thailand;
- (iv) Chlordimeform;
- (v) DBCP;

- (vi) Dieldrin;
- (vii) DDT – memang sudah lama diharamkan sejak tahun 1965;
- (viii) Ethylene bromide;
- (ix) Endrin;
- (x) Heptachlor;
- (xi) Hexachlorobenzene;
- (xii) Lindine;
- (xiii) Paraquat;
- (xiv) Parathion methyl;
- (xv) Pentachlorophenol;
- (xvi) Toxaphene; dan 2 4 5 T

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong. Mambong, Mambong. Permatang Pauh bangun.

Seorang Ahli: Mambong, Mambong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Permatang Pauh bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Permatang Pauh.

Dr. James Dawos Mamit: Permatang Pauh. Silakan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya sebab Yang Berhormat telah menyebut tentang paraquat seperti mana kita tahu bahawa paraquat telah diharamkan pada tahun 2000. Tetapi kerajaan masih lagi memberi *reprieve*, dengan izin untuk tiga tahun. Apakah tidak menjadi wajar kalaulah paraquat itu didapati memang racun, walaupun bagus untuk sebagai makhluk perosak tetapi bila dikatakan bahaya (*dangerous*), sepatutnya diberhentikan serta-merta.

Saya tidaklah berapa setuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa 4% sahaja yang makan paraquat untuk membunuh diri, paraquat juga membawa kepada kesan-kesan *worker* ataupun pekerja-pekerja membawa kepada kanser. Itu yang lebih penting kita memikirkkan.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Mambong dan Timbalan Menteri, apakah wajarnya kerajaan setelah paraquat didapati sepatutnya *diban* ataupun diharamkan tetapi masih lagi diberikan *reprieve*. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Paraquat adalah sejenis racun yang digolongkan di dalam kategori *organophosphates* dan paraquat kalau ia tergolong di dalam kategori *organophosphates*, ini bermakna dia merosakkan *nervous system* kita, bukan sahaja *nervous system* makhluk-makhluk perosak dan ia digunakan dahulu dengan meluasnya sebagai *nervous* gas semasa peperangan. Itulah sebabnya banyak negara lain sudah mengharamkan kegunaan paraquat.

Saya memang mencadangkan kepada kerajaan bahawa paraquat ini sebab sudah diharamkan penggunaannya haruslah jangan digunakan lagi di negara kita kerana racun makhluk perosak ini sangat bahaya.

Biar saya teruskan. Di antara 12 jenis racun tersebut tadi, saya ingin bertanya kepada kerajaan, jenis-jenis manakah yang telah pun diharamkan oleh Kerajaan Malaysia. Memang semua jenis racun berbahaya tetapi ada jenis yang lebih berbahaya daripada yang lain kerana ia amat stabil dan tidak dapat dilupuskan apabila sudah masuk ke persekitaran.

Racun makhluk perosak memang boleh membunuh. Jenis-jenis racun ini dibahagikan mengikut lima kategori berasaskan kepada kekuatan kandungan bahan-bahan kimia :

- (i) Kumpulan *Organochlorines* – kategori ini amat *persistent* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua di udara dan di air. Ia tinggal di persekitaran untuk selama-lamanya. Kalau sudah digunakan, di situlah racun itu. Ia boleh menyerap di dalam lemak badan kita dan boleh menyebabkan kematian;
- (ii) Kumpulan *Organophosphates* – yang saya sudah sebut tadi iaitu sekumpulan racun yang merosakkan *nervous system* kita;
- (iii) Kumpulan *Phenoxyactetic Acids* – ini adalah satu daripada bahan *agent orange* dahulu yang digunakan oleh pihak Amerika Syarikat semasa peperangan di negara Vietnam;
- (iv) Kumpulan *Carbamates* – merosak *enzyme* makhluk dan *nervous system* manusia juga; dan
- (v) Kumpulan *Synthetic Pyrethroids* – amat bahaya kepada manusia.

Itulah lima kumpulan racun yang harus kerajaan memastikan agar ia tidak digunakan di negara kita, namun kegunaan racun makhluk perosak di negara kita, memang digunakan dengan berleluasa. Risiko dan bahaya penggunaan racun-racun makhluk perosak memang disedari dan diketahui umum. Menurut statistik *World Health Organization* (WHO), dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Mambong. Boleh malam ini buat kajian penyelidikan, besok sambung ucapan.

Dr. James Dawos Mamit: Boleh. Saya boleh menyambung besok. Terima kasih.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

MANGSA JENAYAH RAGUT

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul itu.

Seperti yang telah diputuskan, pihak pencadang akan diberi masa 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, sila kemukakan.

4.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, hari ini Parlimen yang mulia ini haruslah menyampaikan mesej yang jelas dan tidak boleh diragui bahawa:

- (i) untuk memberi penghormatan kepada pemandu van, Rosli bin Mohd. Saad yang mencatatkan penghargaan negara dan Parlimen kerana *heroisme* beliau, *public spiritness* dan pengorbanan beliau oleh kerana rela berkorban nyawa apabila cuba untuk menangkap seorang peragut di Ampang, Selasa lalu dan mengarahkan Kabinet supaya menubuhkan satu "Anugerah Rosli" sebagai bukan sahaja untuk memperingati pengorbanan beliau tetapi juga untuk menggalakkan orang ramai untuk mengikuti teladan beliau supaya boleh membantu dalam usaha untuk mencegah, dengan izin, *roll back crime wave* di negara kita;

- (ii) bahawa Parlimen dan negara kita haruslah dengan jelasnya, dengan izin, *enough is enough*. *Enough is enough* mengenai *escalation* jenayah di negara kita beberapa tahun ini di mana kes jenayah ragut menyebabkan tiga nyawa hilang, walhal dalam lima tahun dahulu purata satu nyawa hilang disebabkan oleh kes jenayah ragut tetapi dalam lima minggu baru-baru ini tiga nyawa dikorbankan. Kita haruslah membuat keputusan untuk mempertingkatkan usaha membanteras jenayah ini sebagai keutamaan agenda negara kita; dan
- (iii) Parlimen haruslah menggesa pihak kerajaan, Kabinet untuk menggubal dan supaya kita boleh membahas dan memantau pelaksanaan satu strategi *policing national* di mana kita boleh memulihkan hak-hak asasi rakyat Malaysia yang sudah hilang, khasnya hak-hak asasi kebebasan daripada jenayah dan kebebasan dari ketakutan jenayah (*the fear of crime*) bukan sahaja dengan izin, *freedom from crime* tetapi *freedom from the fear of crime* di mana keduanya sudah meningkat di tanah air kita supaya keselamatan peribadi (*personal safety*) dan keselamatan komuniti (*community security*) boleh pulih sebagai hak-hak setiap warga negara di Malaysia.

Pagi ini apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri menjawab dalam masa soal-jawab, nampaknya beliau memberi angka yang menunjukkan bahawa ada *improvement* dalam usaha untuk membanteras jenayah, khasnya jenayah ragut tetapi sebenarnya ia tidak membayangkan kedudukan yang ada sekarang di mana ketakutan rakyat mengenai jenayah khasnya peragut kian bertambah.

Dalam jawapan beliau menyatakan bahawa sebagai contohnya bagi tempoh Januari hingga Mei 2004 barulah ada 5,517 kes, kalau dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lalu ialah 7,350 kes. Kalau angka ini benar, menunjukkan bahawa ada *improvement* sebanyak 25%, adakah kita percaya bahawa masalah jenayah peragut ini lebih baik 25% dibandingkan dalam tempoh lima tahun dahulu?

Tidak, sebaliknya ketakutan rakyat mengenai jenayah ragut saya percaya bertambah 200%, 300% bukannya lebih baik 25%. Angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai penyelesaian kes ragut dapat dilihat melalui statistik bahawa adalah lebih baik prestasi untuk tahun 2001 daripada 14,368 kes sebanyak 7,142 kes dapat diselesaikan ialah 49.7%, untuk tahun 2002, kes selesai ialah 53.8% dan untuk tahun 2003 prestasinya ialah 56.1%, tidak memberi satu gambaran yang benar khasnya oleh kerana angka yang *total* sebenarnya adalah bertambah iaitu bagi tahun 2001 ialah 14,368 kes bertambah ke 14,640 pada tahun 2002 dan meningkat lagi kepada 15,798 untuk tahun 2003.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Ada setengah jam untuk peluang, masa daripada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Ini yang relevan dengan kenyataan ini, nanti kalau kemudian sudah jauh ini.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Yang sebenarnya, angka itu penggunaan yang begitu selektif, yang tidak memberi gambaran yang sebenar.

Yang kedua, ada lagi satu sebab yang lebih penting ialah angka-angka *reported cases* ialah *under reported*. Sebenarnya, saya percaya majoriti kes ragut tidak dilaporkan.

Oleh kerana yang biasanya mangsa-mangsa ragut yang pergi ke balai polis dinasihatkan oleh pihak polis supaya jangan membuat laporan. Saya percaya mereka ada niat yang baik, tidak payahlah oleh kerana kalau membuat laporan bahawa kes peragut mahu mengambil kenyataan dan buang masa untuk membuat kenyataan, buang masa untuk pegawai polis dan buang masa untuk mangsa peragut dan akhirnya barang yang hilang dan peragut pun tidak dapat dikesan. Niat baik, dan mereka kalau perlu laporan hanya menyatakan hilang sahaja supaya mereka boleh mendapat *i.c* dan lain-lain dokumen yang hilang, itu majoriti, lebih daripada 50%.

Pada hari Rabu minggu lalu, apabila DAP ada satu *Anti Crime Public Meeting* di Ipoh, ada seorang mangsa memberitahu bahawa beliau sudah lima kali menjadi mangsa peragut. Kali yang pertama dan kedua, beliau pergi membuat laporan tetapi begitu sukar sekali sehingga 4 jam hingga- 5 jam dan akhirnya sia-sia. Kali yang ketiga, keempat dan kelima beliau tidak pergi membuat laporan. Itu menunjukkan bahawa angka tersebut tidak memberikan gambaran yang sebenar.

Saya bukan berkata bahawa polis cuai ataupun tidak baik tetapi keadaan ini dan saya berharap supaya kita perlu ada satu pendekatan yang realistik apabila kita menghadapi masalah jenayah yang kian serius.

Semalam kita lihat di surat khabar bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sekarang sudah mengambil alih sebagai Pengerusi *Malaysian Crime Prevention Foundation*, dia berkata bahawa ada 234 *hot spot* jenayah, dia kata *hot spot*, saya kata *black spot* jenayah, sebanyak 234 kali yang pertama.

Dalam satu dua bulan ini kita sudah mendesak kerajaan untuk mengenal pasti tempat-tempat yang boleh dikatakan tempat hitam, *black spot*, *black area* di mana ada jenayah peragut atau lain-lain jenayah yang berlaku supaya kita boleh memantau (*monitor*) sama ada berjaya untuk menukarkan *black spot* atau *black area* itu sebagai *white area*, sebagai satu tanda kemajuan dalam usaha untuk memerangi jenayah.

Satu sebab kita benarkan keadaan jenayah ini sampai satu tahap begitu teruk sehingga bukan sahaja rakyat takut apabila mereka atau saudara mara mereka berada di jalan raya atau tempat-tempat awam ataupun dalam kediaman mereka tidak lagi selamat oleh sebab mungkin Parlimen pun ada kecuai oleh sebab masalah Law and Order patut menjadi *top priority*. Parlimen tidak pernah ada mengambil perhatian yang berat mengenai masalah Law and Order. *Policing* bukan sahaja satu tanggungjawab diserahkan kepada polis sahaja, sebenarnya mengenai strategi dan dasar *policing* patut dibuat oleh Parlimen. Pihak polis melaksanakan – *implement* sahaja. Apa dasarnya? Dasarnya patut dibuat, dibahas dalam Parlimen - apa tujuannya.

Semalam kita baca dalam surat khabar Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa tujuan dengan penubuhan *Neighborhood Patrol Unit* dan beliau juga ada mengatakan bahawa di Pulau Pinang ada satu *pilot scheme* di mana ada pengurangan kadar jenayah sebanyak 50%. Saya tidak begitu percaya bahawa dengan Neighborhood Patrol Unit boleh mengurangkan kadar jenayah sehingga 50% tanpa perlu untuk *redeploy personnel* pihak polis. Akan tetapi beliau mengatakan bahawa tujuan kerajaan sekarang ialah untuk mengurangkan kadar jenayah sehingga 50%.

Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini, adakah *target* dasar-dasar kerajaan sekarang mahu mengurangkan kadar jenayah dengan 50%. Oleh sebab dua minggu lalu, rakan beliau Yang Berhormat Timbalan Menteri dari kawasan Bukit Bendera dalam surat khabar Cina ada mengatakan bahawa *target* kerajaan ialah mengurangkan kadar jenayah 5%. Sekarang 5% atau 50% dengan izin, *world of difference*. Sama ada kurang 5% atau 50%? Kita mengakui bahawa ini bukan satu isu parti politik, kita semua rakyat Malaysia perlu bersatu padu untuk membanteras jenayah oleh kerana kita mahu semua rakyat boleh menikmati keselamatan di jalan raya, di tempat awam atau di kediaman mereka.

Kita perlu satu Strategy National Policy yang dibahas dalam Parlimen, diluluskan dan menjadi satu panduan di mana kita adalah sebuah negara yang boleh menyebabkan kita rasa bangga dan selamat. Sepuluh tahun dahulu, lima belas tahun dahulu, pemimpin-pemimpin negara kita kata termasuk bekas Perdana Menteri sentiasa kata bahawa apa yang berlaku dalam negara-negara yang maju semacam UK dan US. Oleh kerana sungguhpun mereka kaya tetapi tidak ada keselamatan. London, New York tidak selamat, selalu ada kadar jenayah yang tinggi tetapi nampaknya sekarang mereka lebih selamat. Nampaknya sekarang Kuala Lumpur, Petaling Jaya,

Johor Bahru menjadi ibu kota jenayah lebih berbahaya apabila dibandingkan dengan London dan New York. Kalau itu benar, jangan kita lari daripada masalah itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Kita rela akui, kita mahu selesai, kita mahu mengatasi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Sri Gading bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, nanti. Oleh sebab....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikitlah, sedikit. Sedikit. Sedikitlah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu habis dahulu sebelum saya bagi jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikitlah Yang Berhormat, awak habis, saya habis terus.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat. Sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya akan bagi. ...dan dua aspek yang saya mahu menegaskan di sini ialah kita perlu ada satu pendekatan yang baru khasnya pihak polis. *Police population ratio* perlu satu kajian semula. Kita ada *police population ratio* 300:1 *by enlarge*. Ini boleh dibandingkan dengan negara-negara yang maju tetapi apa yang mustahil ialah *police population ratio* di tempat perbandaran di mana kadar jenayah sangat tinggi lebih buruk dalam Malaysia apabila dibandingkan dengan negara-negara yang membangun seperti New York, London. Mereka ada *police ratio* lebih kurang 200:1 tetapi di Malaysia kenapa dalam perbandaran ibu kota di mana kadar jenayah yang sangat tinggi, kita ada *police population ratio* yang lebih buruk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, okey.

Tuan Lim Kit Siang: Semacam dalam Subang Jaya

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagilah, Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: *police population ratio* ialah

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sikitlah.

Tuan Lim Kit Siang: ...1:3...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat. Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Pasir Pinji 1:3000.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya mahu jelaskan sedikit sahaja, bukan apa.

Tuan Lim Kit Siang: *Police population ratio* 1:3000. Untuk Subang Jaya 1...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, hendak bagi atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: .Nanti, nanti, nanti. Sabar dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Aii, nanti you...

Tuan Lim Kit Siang: 1:10000. Yang sepatutnya di tempat-tempat perbandaran di mana ada berlaku kadar jenayah yang tinggi *police population ratio* patut lebih baik daripada *national ratio*. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya harap bahawa masalah *visibility* dan *accessibility*. *Visibility* dan *accessibility* polis boleh dipertingkatkan. Apa yang mustahak untuk melawan,

membanteras jenayah, untuk memulihkan kepercayaan kepada orang ramai bahawa ada pihak polis yang boleh memberi perlindungan ialah *better visibility, better police accessibility* sama ada rondaan, polis bit, motosikal atau melalui kereta-kereta polis bit. Parlimen ada peranan dan saya percaya adalah sesuai di mana Parlimen patut memainkan satu peranan yang aktif dalam usaha membanteras *crime*. Kerajaan sudah mengumumkan bahawa mereka sedia untuk mengadakan satu *Select Committee* mengenai pindaan kepada *Criminal Procedure Code* khasnya untuk melawan, untuk mengendali masalah *sex crime*.

Saya percaya oleh sebab *crime raise* sudah begitu serius dan bermaharajalela, bahawa bukan sahaja *Select Committee* itu perlu ditubuhkan dengan segera tetapi *jurisdictionnya* atau skopnya perlu diperluaskan untuk mengendali, untuk boleh bincang bagi mencari rumusan, untuk mengatasi masalah keseluruhannya mengenai jenayah di negara kita.

Pada awal tahun ini kerajaan ada menubuhkan satu *Royal Police Commission* yang boleh dikatakan dekat enam bulan *Royal Police Commission* ditubuhkan, kita menghadapi satu krisis mengenai jenayah. Ini adalah satu *reflection* yang *adverse* kepada *Police Royal Commission*. Mengikut *Term of Reference Police Royal Commission* sebelum enam bulan perlu membuat satu laporan interim kepada kerajaan mengenai tanggungjawab, laporan, perakuan.

Saya harap bahawa *interim report* ini khasnya boleh menumpukan kepada bagaimana boleh memulihkan perasaan keselamatan rakyat Malaysia. Ini bukan sahaja dikemukakan kepada Kabinet tetapi dibentangkan dalam Parlimen supaya satu perbincangan boleh dibuat.

Saya ada jamin akan beri jalan kepada Sri Gading, itu saya tunaikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat kita Ketua Pembangkang, Ipoh Timor. Saya apabila Usul ini dikemukakan waktu pagi dan akan dibahaskan pada pukul 4.30 petang ini, saya menyangka bahawa Usul ini dengan penuh ikhlas dibawa oleh Ipoh Timor. Tetapi nampaknya beliau menggunakan *platform* ini untuk *political mileage* DAP, jadi tidak ikhlas. Tidak ikhlas sebenarnya. Fasal kita ingat hendak berikan satu anugerah penghormatan kepada Allahyarham Rosli tetapi nampaknya cerita hendak bagi penghormatan satu perkara yang agaknya patut kita kemukakan sebagai satu tanda penghargaan kita kepada Allahyarham Rosli tidak nampak pun dalam perbincangan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Cukuplah. Biarlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi saya ragu-ragu tentang keikhlasan DAP membawa usul yang baik ini hanya untuk *political mileage* parti DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih. Saya sudah menyebut pada permulaannya bahawa kita perlulah memberi penghormatan kepada Rosli dan kita perlu mencari sebab kenapa Rosli perlu meninggal dunia. Kalau keadaan negara kita selamat Rosli tidak akan terkorban nyawa, tidak berguna kalau kita tidak berani untuk berbincang *root cause* - masalah yang kita hadapi dan oleh kerana Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun ada *contribution* dalam setengah jam ini saya akan tamat dan serahkan kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dia tidak boleh menyerahkan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua yang memanggil.

Tuan Lim Kit Siang: *Half an hour this is our time.*

Seorang Ahli: *Point of Order. [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila-sila. [Ketawa]

4.53 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Atas permintaan rakan saya dengan persetujuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat. Masa berjalan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, usul, perkara yang dibangkitkan oleh rakan saya, Ketua Pembangkang di Dewan ini adalah perkara yang penting, barangkali maha penting dan pagi ini apabila permintaannya telah diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua adalah satu petanda baik. Kerana ini menjadi satu perkara berpolitik tidak kepada *political line* bagi apa yang terjadi kepada Rosli Mohamad Said. Tetapi kenapa selepas satu pembunuhan terjadi kepada Allahyarham Rosli, tidakkah kerajaan sedar dahulu daripada ini mengadakan satu keperluan untuk mengadakan langkah-langkah yang tertentu, langkah-langkah yang lebih baik daripada langkah-langkah yang ada untuk membendung kesalahan-kesalahan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1984, saya berada di dalam Dewan ini dan saya ada menyentuh perkara ini di masa dahulu, perlakuan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan berbangkit perkara pada masa itu untuk membuat sesuatu kerana Sultan Johor yang ada sekarang ada membuat sesuatu yang boleh dikatakan jenayah, tetapi saya dipecat apabila saya membangkitkan perkara itu.

Dalam tahun 1993 kerajaan mengusulkan dalam Dewan ini untuk *clip the wings of the rulers* untuk menentukan royalti raja-raja *disubjected* dan dalam kes Gomez, selepas kes Gomez barulah kerajaan bertindak, tetapi apa yang disuarakan pagi ini oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri ada langkah-langkah yang ada dicadangkan oleh dia yang baik, kami terima.

Adakah undang-undang yang ada setakat ini mencukupi untuk membendung dalam kesalahan jenayah ragut. Rakan saya ada menyentuh tujuh kepada Seksyen 392 yang peruntukannya saya bacakan dengan izin,

“ Whoever commits robbery shall be punished with ...imprisonment for a term which may extend to ten years, and shall also be liable to fine; and, if the robbery be committedbetween sunset and sunrise, the imprisonment may be extended to 14 years and he shall be liable to fine or”

Dan Seksyen 394 dengan izin,

“If any person, in committing or in attempting to commit robbery, voluntarily causes hurt, such person, and any person jointly concerned in committing or attempting to commit such robbery, shall be punished with imprisonmentfor a term which may extend to 20 years and shall also be liable to whipping”.

Di bawah kedua-dua seksyen ini Tuan Yang di-Pertua apa yang disebut adalah perkataan *“shall be liable”* Sebatan tidak ada mandatori bahawa apa yang ada di dalam kedua-dua peruntukan undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebagai peguam dengan izin, *I have always been against corporal punishment*. Tetapi apa yang terjadi baru-baru ini dengan adanya satu keperluan untuk ada *capital corporal punishment* sebatan bagi jenayah ragut. Oleh itu saya mencadangkan kepada kerajaan untuk memperuntukkan dalam Seksyen 392 dan 394 *mandatory whipping of not less than six strokes*.

Ada peruntukan dalam undang-undang lain dalam Kanun Keseksaan khasnya kes-kes rogol. Pada masa lampau sebelum tahun 1989 tidak ada peruntukan *mandatory whipping* tetapi sekarang ada. Oleh itu saya mencadangkan kepada kerajaan untuk menentukan undang-undang khasnya Seksyen 392 dan 394 dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1971 kerajaan ada membawa dalam Dewan ini apa yang *increase penalty set*. Namun pada masa itu adalah satu keperluan kerana ada bertambahnya kes-kes yang menggunakan senjata api dan oleh itu undang-undang itu Tuan Yang di-Pertua sampai hari ini kekal dalam undang-undang negara ini. Bagi anugerah yang harus diberikan kepada Allahyarham Rosli, saya mencadangkan bukan gelaran Dato', Tan Sri atau Tun tetapi Pingat Gagah Berani, itu lebih baik daripada gelaran-gelaran yang lain. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

4.58 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada dua minit.

Puan Chong Eng: .. terlebih dahulu saya menyeru semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini untuk menyokong cadangan untuk mengadakan atau menubuhkan satu *award* Rosli untuk mengenangkan keberanian seorang rakyat Malaysia.

Yang kedua, beberapa pihak telah memberi beberapa kenyataan selepas dua tiga nyawa terkorban baru-baru ini. Bagaimanakah polis akan mengambil tindakan untuk memerangi jenayah ragut, sedangkan kes ragut masih berlaku. Jadi, saya memohon Menteri untuk memberi satu laporan kepada Dewan ini selepas pihak polis memerangi kes ragut ini apakah kesannya, di manakah kawasan yang dikatakan bahawa polis telah menambah rondaan dan di manakah kawasannya.

Saya juga memohon supaya pihak polis ataupun pihak kementerian membuat satu kajian mengapa di sesetengah kawasan indeks jenayah telah meningkat, tetapi ada juga kawasan indeks jenayah telah menurun. Untuk satu contoh di Pulau Pinang dikatakan secara purata indeks jenayah telah berkurangan tetapi di Bukit Mertajam di kawasan Seberang Prai Tengah indeks jenayah telah meningkat sebanyak 38%, apakah sebabnya? Saya rasa kalau kita boleh meneliti sebab-sebabnya, kita akan lebih faham tentang bagaimana kita hendak membanteras jenayah ini.

Yang satu lagi saya rasa peragut ini kalau ditangkap, mereka kalau boleh mesti di *bail* dengan syarat kerana selepas mereka di *bail out* mereka pergi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: .. meragut lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Satu yang *last*. Setiap tahun berpuluh-puluh ribu IC hilang kerana beg diragut dan mangsa-mangsa ini perlu didenda lagi apabila mereka pergi memohon IC yang baru. Jadi, saya memohon supaya kerajaan jangan menghukum kami yang menjadi mangsa satu kali lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rasah.

5.00 ptg.

Dato Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan membahaskan usul kes jenayah ragut ini. Kes jenayah ragut boleh dikatakan sudah menjadi satu musuh utama negara kita, tidak kira orang tua atau orang muda, tidak kira bangsa dan agama khususnya kepada golongan wanita.

Kejadian ragut didapati berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat di seluruh negara. Ini telah menjadi satu suasana yang tidak selesa kepada orang-orang awam kita. Yang penting kita perlu tahu orang-orang yang melakukan kes-kes ini, adakah ini orang-orang asing, adakah orang-orang yang menagih dadah, adakah undang-undang yang tidak cukup berat dan masyarakat yang kena diragut kurang membuat laporan kepada pihak polis setelah diragut kerana tidak mahu banyak hal.

Walaupun anggota-anggota Polis Diraja Malaysia kita ada bertugas baik, saya yakin pihak polis boleh mengawal lebih kuat, lebih berkesan. Di sini saya amat bersetuju, pihak kerajaan tempatan juga ambil tindakan di sesuatu tempat yang perlu sudah memasang CCTV. Saya juga menyetujui jika cuma bergantung kepada pihak polis memang tidak cukup, kita perlu dapat respons baik daripada orang awam.

Sebagai contohnya, baru-baru ini ada seorang pemuda Allahyarham Rosli telah terkorban kerana beliau telah berani tampil keluar untuk memberi pertolongan dalam satu kejadian ragut.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangan pihak kerajaan perlu beri galakan sokongan kepada orang awam, oleh kerana boleh jadi orang biasa. Kerajaan perlu pasti memberi bantuan kepada keluarganya, termasuk anak-anaknya bersekolah hingga pelajaran tinggi. Saya juga ingin cadangkan kerajaan buat *hand bills*, dengan izin, untuk orang awam melalui media, nasihatkan rakyat kita supaya dapat berhati-hati pada bila-bila masa. Saya percaya pihak NGOs juga boleh mainkan peranan membanteras kejadian meragut ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

5.03 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bunyi usul memang sedap, tetapi sejauh manakah keikhlasan pembawa usul itu yang boleh kita pertikaikan. Jelas bahawa kerajaan memang prihatin terhadap masalah ataupun terhadap Allahyarham Rosli Mohd. Said, di mana Timbalan Menteri sendiri telah mengunjungi jenazah Allahyarham dan mengeluarkan kenyataan bahawa Allahyarham adalah wira, [*Tepuk*] tiba-tiba usul dibawa oleh Ketua Pembangkang.

Saya mengambil kesempatan yang sedikit ini bukan untuk membahas soal keikhlasan dia, sebab bunyi usul itu, maka kita bersetuju supaya ia dibahas. Saya percaya dan mendengar pembangkang tadi, ketiga-tiga tidak ada cadangan yang boleh membantu kerajaan bagaimana menangani masalah jenayah ragut ini. Semua cakap kosong sahaja.

Jadi, saya ingin berkongsi bersama untuk membantu kerajaan sebab daripada statistik yang dinyatakan bahawa hampir-hampir 60% peragut ini adalah terdiri daripada penagih-penagih dadah. Justeru itu musuh utama kita dadah, maka kita perangi masalah dadah ini, secara automatik mungkin gejala jenayah ragut ini boleh kita kurangkan. Di samping itu pula, kalau boleh kerajaan bekerjasama dengan Dewan Bandaraya untuk mewujudkan satu pasukan khas di mana Dewan Bandaraya haruslah memainkan peranan secara terbuka, secara lebih luas, iaitu untuk menempatkan, mungkin juga polis berkuda ataupun polis dengan menggunakan motosikal yang kuasanya rendah untuk memudahkan mengejar penjenayah-penjenayah ragut ini.

Soal Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor cakap, macam mana cari mati, dalam Dewan ini pun kalau hendak mati, mati juga. [*Ketawa*] Hidup mati ini di tangan Tuhan, bukan kita cari kenapa dia mati. Kita kena cari sebab-sebab peragut ini begitu berleluasa. Dahulu peragut-peragut ini lebih popular di Indonesia, saya sendiri nampak, depan mata saya, tetapi di negara kita ini telah begitu berleluasa pada hari-hari yang berikutnya.

Mungkin juga sindiket ini digunakan untuk mencari usaha perniagaan secara mudah, di mana mereka memerlukan kepakaran yang sedikit dan juga *skill* sedikit, dengan menggunakan motor, melihat orang sambil lewa dan mengambil kesempatan. Tetapi soalnya, kerajaan perlu harus memberi pendedahan secara meluas, khususnya kepada masyarakat yang hidup di bandar raya yang selalu sambil lewa khususnya wanita-wanita yang leka, selalu menjadi

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sedikitlah, kita pun tidak ada masa. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pontian, ya.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak bertanya pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kita membangkitkan isu seolah-olah niat dan matlamat pembawa usul Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ini macam kita ragui. Apa pendapat Yang Berhormat niat kerajaan pula, orang yang telah berkorban, orang yang telah – bukan hanya nyawa sebagai korban, harta benda - untuk menjaga kepentingan masyarakat, kita akui kita anugerah mereka melalui anugerah yang dikeluarkan oleh kerajaan sebagai tokoh Ma'al Hijrah yang saya

tahu mungkin pada kita menyambut hari ulang tahun kemerdekaan, ada tokoh-tokoh yang kita anugerahkan, adakah satu niat yang ikhlas dan jujur dibuat oleh kerajaan untuk menganugerahkan tokoh-tokoh seperti ini? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, siang-siang tadi sudah saya jelaskan bahawa hasrat kerajaan itu begitu ikhlas, bukan sahaja diberikan penghormatan, anugerah dan sebagainya, yang penting keikhlasan kerajaan itu, sebab Allahyarham ini sudah meninggal, yang perlu diberi bantuan ialah keluarganya. Di samping itu, anugerah keberanian, pingat dan sebagainya itu memang soal lumrah kepada mereka yang berjasa. Pembangkang tidak pernah berjasa, tidak adalah apa-apa. *[Ketawa]* Itu kita kena terima hakikat.

Kerajaan begitu ikhlas, di mana kita memang

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh bangun. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Antara persepsi dan realiti - Realitinya peragut telah mati, realitinya orang yang diragut telah mati, realitinya orang yang menolong peragut juga telah mati. Itu realiti. Persepsinya - heronya adalah DAP. *[Ketawa]* Realitinya - kerajaan bertungkus-lumus berusaha untuk membanteras jenayah ini. Persepsinya - yang bawa kes ini adalah DAP. Realitinya - tanggungjawab ini adalah tanggungjawab kerajaan. Persepsinya - ia seolah-olah tanggungjawab*[Disampuk]* Dengarlah saya cakap. Kalau hendak cakap tanya. *Listen!*

Realitinya begitu, persepsinya begini. Antara realiti dan persepsi inilah kita mengadakan usul ini. Usul ini adalah satu usul yang serius, sebab itu ia diterima. Ia bukan soal main-main, ini soal nyawa manusia, yang diragut, yang kena ragut dan yang memang meragut. Oleh sebab itu, tidak perlu ada orang cuba mencari nama daripada isu ini, yang penting kepada kita ialah soal bagaimana jenayah membunuh ini boleh dibanteras.

Kita mesti serius dalam soal ini, bukan soal main-main, bukan soal sampuk-sampuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Sesuatu Ahli Parlimen hendak buat, Dewan yang mulia ini adalah soal nyawa, bangsa, nyawa negara, kedudukan, maruah. Biarlah di antara realiti dan persepsi ini betul. Realiti - dia jadi realiti; persepsi - biar jadi persepsi. *I'm serious, not joking, this is life.* Yang Berhormat, Yang Berhormat bersetuju dengan saya soal ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Memang saya amat bersetuju dan Yang Berhormat Ketereh jangan bimbang, apa pun persepsi yang diterima oleh DAP ia tidak akan mendatangkan kesan apa-apa. DAP seumpama bermimpi di siang hari, kononnya dengan membawa usul ini akan memberi keuntungan politik dan sebagainya. Tidak ada, sebab masyarakat tahu Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab ke arah membela siapa juga mereka yang teraniaya dan kerajaan hari ini, contohnya Timbalan Menteri akan menjelaskan, sahabat saya akan menjelaskan tentang pendekatan dan perancangan kerajaan ke arah untuk memastikan bahawa jenayah ragut ini bukan sahaja dikurangkan 5 peratus, 50 peratus bahkan kalau boleh kita sifarkan jenayah ragut ini untuk memastikan keselamatan rakyat termasuk juga keselamatan pihak pembangkang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

5.11 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang terlibat dengan perbincangan Usul ini. Tuan Yang di-Pertua, kita dapat dengar pagi tadi jawapan daripada pihak kerajaan di mana pelan-pelan tindakan yang telah digariskan yang telah

menghasilkan keputusan yang nampaknya memberi kesan kepada penurunan kadar jenayah ragut ini dan keputusan ini sebenarnya kalau ikut daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi, tidak mendatangkan rasa selesa dan rasa selamat kepada orang-orang awam.

Sebenarnya apa yang kita dapat lihat, pihak kerajaan telah pun mengambil satu pendekatan yang begitu terperinci apabila memberikan perhatian kepada 3E – dari segi *engineeringnya* iaitu sistemnya, dari segi *educationnya* (pendidikannya) dan juga dari segi *enforcementnya*. Pendekatan 3E ini telah digunakan apabila kita melihat pendekatan (*approach*) yang digunakan oleh kerajaan dalam usaha untuk menyelesaikan masalah jenayah ragut ini.

Dari segi *engineering*, kita lihat Kerajaan Negeri Melaka telah pun memasang CCTV (*close-circuit TV*) di kawasan-kawasan yang dahulunya pernah menjadi kawasan ragut popular di negeri Melaka, iaitu di Hang Tuah Mall dan juga di Jalan Jonker (Jonker Street) dan juga Jalan Tun Tan Cheng Lock, dan hasilnya kita dapat lihat bahawa penurunan kadar jenayah ragut ini menurun begitu drastik sekali, daripada belasan kes pada tahun sebelumnya, pada tahun ini kita cuma ada tiga kes sahaja dan ini adalah tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Melaka. Yang keduanya ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ada masakah lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada, ada. *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa]*

Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita ini masalah besa' pun kita boleh selesai – masalah lanun kita selesai, masalah perompak kita selesai, keamanan yang kita dapat lihat hari ini, kes ragut ini kerajaan sudah pelan hendak buat dah. Jadi, apa rakyat kena buat? DAP pun kena juga kempen supaya masyarakat bersama-sama membantu kerajaan. Jangan semua kerajaan, kerajaan, kerajaan, 'loncong' kerajaan, semua kerajaan. DAP kena buat apa? Sekurang-kurangnya DAP kempen kita kena bersama-sama buat Rukun Tetangga, jalan bersama-sama bagi memastikan keselamatan.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu, kalau perompak, jenayah yang besa'-besa', mai dengan senapang semua pun kita boleh tangkap, yang ini kita buat tak ada masalah. Jadi sekarang ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat dari DAP semua kena berpakat, termasuk PAS, pakat supaya sokong kerajaan, kita tubuhkan satu pasukan Rukun Tetangga yang kuat, jaga keselamatan bersama. Ini dok bersyarah pang, pang, pang semua kerajaan. Takkan makan nasi pun kerajaan mahu suapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa penjelasan Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya setuju, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai sebentar tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Jadi saya teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta Yang Berhormat bagi Bukit Gelugur ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: mula buat di Bukit Gelugur satu pasukan anti ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat Jerai, cukup.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya, jadi yang keduanya dari segi *education*, dari segi pendidikannya. Pendidikannya bukan sahaja kepada mangsa-mangsa peragut tetapi kepada semua masyarakat yang terlibat, yang terdedah kepada jenayah ragut ini. Yang Berhormat bagi Jerai sudah sebut tadi tentang pendidikan, kesedaran kita berikan kepada semua. Kalau kaum perempuan, kalau bawa beg janganlah biarkan beg itu terbuka, terbuka supaya menjadi tarikan kepada para peragut.

Dan yang ketiganya tentang *enforcement*, penguatkuasaan. Penguatkuasaan ini kita letakkan kepada pihak yang berkuasa iaitu dalam kes kita ini polis, di mana polis kalau seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi, saya tidak tahulah dari mana sumbernya, kalau perbezaan sebuah bandar maju, *police to population ratio* sehingga 1 hingga 200 dan di Subang Jaya 1 hingga 10,000. Nampak *figure* itu mungkin terlalu perbezaan yang besar dan tidak tahu dari mana sumbernya, sama ada benar ataupun tidak, sahah ataupun tidak saya serahkan kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Jadi apa yang perlu kita berikan penekanan di sini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu lihat penglibatan semua pihak. Di Amerika Syarikat pada satu ketika dulu pernah memperkenalkan suatu sistem yang dipanggil COP – *Citizen on Patrol*. Mereka ini dilatih bagaimana untuk mempertahankan diri mereka dalam apa juga bentuk serangan, terutamanya serangan para peragut. Tidaklah yang cuba untuk membanteras peragut ini pergi seolah-olah membunuh diri seperti yang berlaku kepada Allahyarham Rosli ini tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Jadi sekurang-kurangnya mereka yang ingin membanteras jenayah peragut ini ada *self-defence*, ada cara untuk mempertahankan diri mereka daripada diserang dan mungkin juga teknik-teknik untuk menyerang merampas balik ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Oh, gulung. Gulung. Jadi saya minta supaya semua pihak termasuklah pembangkang, termasuklah semua dari atas sampai ke bawah, sama-sama kita berusaha ke arah membanteras jenayah ragut ini dengan cara memberikan penekanan yang begitu serius kepada ketiga-tiga cara tadi, dari segi *engineeringnya*, dari segi *educationnya* dan juga *enforcementnya*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi Yang Berhormat Menteri menjawab, masa kita terhad.

5.17 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan di dalam Usul yang telah dibawa oleh Ketua Pembangkang.

Mengenai isu Allahyarham Rosli, sebenarnya kita memang prihatin. Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, sewaktu saya menerima berita kematian beliau saya sedang mempengerusikan mesyuarat dengan Persatuan Pegawai-pegawai Rendah Polis. Bila saya dengar berita ini dan saya rasa terpanggil untuk memberi penghormatan kepada Allahyarham kerana Allahyarham merupakan 'Wira Negara' yang menyahut seruan kerajaan [*Tepuk*] untuk membanteras jenayah. Maka saya tangguhkan mesyuarat dan saya pergi sendiri ke bilik mayat di HUKM dan Alhamdulillah kita telah dapat menguruskan sehinggakan jenazahnya yang sepatutnya dibawa dengan kereta jenazah biasa, tetapi saya telah minta supaya dihantar dengan ambulans supaya jenazah dapat dibawa dengan cepat ke kampung beliau di Kedah.

Sebagai penghargaan Parlimen kepada Allahyarham Rosli, saya mohon Tuan Yang di-Pertua, supaya kita pada hari ini, bagi orang Islam kita sama-sama

menyedekahkan bacaan Fatihah dan yang bukan Islam kita bertafakur. Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua sebagai penghormatan kita kepada Allahyarham Rosli.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya benarkan, bagi yang beragama Islam kita sedekahkan Al-Fatihah dan yang bukan Islam bertafakur selama lebih kurang 15 saat. *[Ahli-ahli Dewan beragama Islam menyedekahkan bacaan Al-Fatihah manakala yang bukan beragama Islam bertafakur]* Sudah, cukup.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai bantuan yang diberikan kepada Allahyarham Rosli, banyak pihak telah pun tampil ke hadapan untuk memberikan sumbangan. Saya sendiri telah dua kali bercakap melalui telefon terus dengan bapa Allahyarham. Malam tadi pun hampir setengah jam saya bercakap telefon dengan beliau, di mana beliau mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sumbangan kepada keluarga beliau.

Saya dimaklumkan bahawa DAP juga ada memberikan sumbangan sebanyak RM1,250 dan tiga orang wakil, mungkin diketuai oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berjumpa dengan keluarga Allahyarham.

Namun demikian kita jangan lupa Pemuda UMNO juga memberikan sumbangan sebanyak RM10,000. *[Tepuk]* Ada orang-orang tertentu, satu NGO akan memberikan RM700 sebulan selama 36 bulan kepada keluarga Allahyarham dan beberapa bantuan yang kita beri. Yang Berhormat Menteri Besar Kedah juga menghulurkan derma peribadi sebanyak RM1,000 kepada keluarga Allahyarham.

Cadangan Yang Berhormat bagi Rasah yang mengatakan untuk pendidikan anaknya, saya ingin menyatakan bahawa Allahyarham tidak meninggalkan anak. Dia hanya ada seorang isteri, sudah 10 tahun berkahwin dan belum ada anak lagi. Jadi hanya isterinya sahaja dan sumbangan-sumbangan setakat ini telah pun diberikan kepada balunya dan saya difahamkan *Backbencher* juga akan memberi menghulurkan bantuan, pihak polis juga telah mengutip derma, pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri juga telah pun mengutip derma untuk kita memberi sumbangan kepada keluarga Allahyarham.

Mengenai cadangan menubuhkan Tabung Rosli, perkara ini kita akan bincang dengan Yayasan Pencegahan Jenayah, kita sudah ada satu yayasan dan mungkin kita akan bincang sama ada sesuai atau tidak kita tubuhkan satu Tabung Rosli, walaupun cadangan ini merupakan cadangan yang baik.

Mengenai isu yang kedua, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur yang mempertikaikan perangkaan yang saya nyatakan pagi tadi, seolah-olah Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak percaya perangkaan yang telah saya nyatakan tadi, saya tidak tahulah perangkaan mana Yang Berhormat lebih percaya sedangkan kalau kita lihat perangkaan Yang Berhormat bagi sendiri pun tidak betul.

Dalam usul Yang Berhormat menyatakan pada puratanya berlaku sekurang-kurangnya satu kematian setiap tahun, setiap tahun satu kematian akibat daripada peristiwa ragut. Saya tidak tahu Yang Berhormat dapat perangkaan daripada mana, tetapi kalau mengikut rekod polis bahawa kematian yang sebenarnya yang berlaku kalau kita lihat pada tahun 2000 dan 2001 tiada kematian yang melibatkan mangsa jenayah ragut, tidak ada kematian. Namun demikian, terdapat satu kematian....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun] [Menyampuk]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nanti, bagi saya habis baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia belum bagi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Namun demikian, terdapat satu kematian bagi mangsa ragut pada tahun 2002, iaitu kes di Pulau Pinang. Pada tahun 2003 terdapat satu kematian bagi mangsa ragut di negeri yang sama iaitu di Pulau Pinang. Manakala bagi tempoh Januari hingga Mei 2004, kes kematian yang melibatkan mangsa ragut ialah sebanyak empat kes, iaitu setiap satu kes di Kedah, Kuala Lumpur, Selangor dan juga Johor. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sampaikan angka-angka itu, itu *average, average* untuk lima tahun, satu kematian satu tahun ..

Seorang Ahli: Itu semua orang boleh cakap!

Tuan Lim Kit Siang: Dan ini dalam surat khabar, bukan direka oleh saya tetapi kalau Yang Berhormat mahu berita itu saya boleh sampaikan.

Seorang Ahli: [Menyampuk].

Tuan Lim Kit Siang: Jangan main-main, ini perkara yang serius.

Seorang Ahli: Awak yang main-main.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan ada sikap yang tidak bertanggungjawab, lebih matang, *don't be like children*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak apalah, Yang Berhormat, Yang Berhormat ambil berita dalam surat khabar, jadi saya kata itulah kenyataan yang betul, sama juga Yang Berhormat ambil kenyataan dari surat khabar yang mengatakan kenyataan yang dibuat mungkin Yang Berhormat mengatakan di sini bahawa aduan yang dibuat oleh Kedutaan Arab Saudi, bahawa dalam tempoh empat tahun ini kedutaan berkenaan telah menerima lebih dari lima puluh aduan dari keluarga Saudi jadi mangsa peragutan yang kebanyakan berlaku di kawasan Bukit Bintang tetapi sampai kini polis tidak menyelesaikan satu pun kes berkenaan.

Jadi, ini mungkin kenyataan surat khabar tetapi sekarang ini saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa di dalam rekod polis, rekod kita tidak ada laporan dibuat oleh pelancong-pelancong Arab Saudi kecuali satu sahaja iaitu yang kita terima ialah pada 3 April, nama pengadunya ialah Mahasa'od Al-Dahimi dan kalau tuduhan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa mungkin orang malas hendak buat *report*, mungkin tengah malam dan sebagainya ini leceh, mungkin perkara ini betul, tetapi daripada kes yang berlaku kepada Mahasa'od Al-Dahimi ini kes berlaku pada 2 Julai iaitu pada pukul 11.30 malam. 11.30 malam berlaku dia membuat laporan polis pada 12.25 malam. 12.25 malam ertinya sudah lebih tengah malam pun polis masih menerima laporan yang dibuat.

Jadi kalau Yang Berhormat main api serkap jarang yang mengatakan setiap laporan yang dibuat sukar diterima polis, saya ingat sukar kita tidak terima melainkan Yang Berhormat boleh memberikan contoh spesifik kes dan kita berjanji kita akan siasat, kita tidak pernah memperlindungan atau mempertahankan mana-mana pihak polis yang gagal menjalankan tugas mereka malah kita mengingatkan mereka bahawa mereka mesti menjalankan tugas mereka dengan baik,

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak, saya hendak bagi habis, ada sikit lagi.

Begitu juga mungkin apabila saya baca perangkaan yang dikeluarkan oleh *Interpol* iaitu perbandingan kadar jenayah antara Malaysia dan negara maju daripada per 100,000 penduduk, ertinya dalam setiap 100,000 penduduk berapa banyak aduan jenayah dibuat. Kalau ikut perangkaan yang dikeluarkan oleh *Interpol* Malaysia duduk dalam nombor 13, ertinya di dalam Malaysia setiap 100,000 penduduk kita menerima laporan aduan jenayah 820 laporan, kalau berbanding dengan Singapura, Singapura nombor 12 mereka lebih banyak aduan diterima tiap-tiap 100,000 ada 924. Jadi kalau saya baca perangkaan ini yang dikeluarkan oleh *Interpol* Yang Berhormat sukar untuk percaya melainkan Yang Berhormat sendiri yang bagi laporan baru Yang Berhormat percaya. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Satu ialah mengenai laporan Saudi Arabia, ini mungkinlah Yang Berhormat dari kementerian berkenaan patut dapat penjelasan daripada Kedutaan Saudi Arabia oleh sebab ini dikeluarkan dalam surat khabar.

Yang kedua ialah mengenai angka, saya kata ini semua kita faham bahawa majoriti kes ragut khasnya tidak dilaporkan. Itu bukan satu *adress*, rujukan *adress* kepada pihak polis tetapi itu satu realiti dan mungkin apa yang kita perlu buat ialah supaya memudahkan *police reporting*, memudahkan *police reporting* supaya semua yang menjadi mangsa boleh buat laporan, kita semua yang menjadi mangsa peragut pergi buat laporan pun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita telah pun mengarahkan setiap kejadian ragut mesti dilaporkan jadi kalau Yang Berhormat hendak ambil kira perkara kes yang tidak dilapor pun hendak diambil kira, ini macam mana kita hendak dapat perangkaan yang tepat, kita tidak tahu berapa ramai yang kena ragut tetapi tidak lapor walaupun kenyataannya memang benar-benar berlaku tetapi kalau kita hendak berbandingkan kepada perangkaan yang tidak dilapor, ini satu kesimpulan yang sukar kita hendak dapatkan jawapan yang betul.

Begitu juga Yang Berhormat kadang-kadang salah faham apa yang kerajaan cakap. Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan pengurangan 50 peratus, itu maksud Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ialah kalau kita mengadakan Rukun Tetangga kita boleh kurangkan kes jenayah ini 50 peratus. Sedangkan yang sahabat saya ini Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Bukit Bendera dia cakap perkara yang lain, dia bercakap mengenai indeks jenayah. Yang Berhormat indeks jenayah dengan kes jenayah pun Yang Berhormat tidak faham, macam mana Yang Berhormat hendak bercakap.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, berdasarkan statistik pada tahun 2003 kadar jenayah indeks adalah sebanyak 156,315 kes, manakala pada tahun 2002 kadar jenayah indeks - 'indeks' saya sebut lagi - adalah sebanyak 149,042 kes. Oleh yang demikian, berlaku peningkatan sebanyak 7,273 kes iaitu 4.8 peratus, sebab itulah sasaran polis ialah untuk kita mensasarkan, menurunkan kadar jenayah indeks pada tahun ini sebanyak 5 peratus.

Jadi, Yang Berhormat kena faham, itu yang saya kata apabila Yang Berhormat hendak bercakap jangan main pukul rata sahaja. Kita juga dengan kadar ratio polis, kita mengakui.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, gulung? Banyak lagi hendak jawab Yang Berhormat ini, saya hendak jelaskan dengan Yang Berhormat ini, dia tak berapa faham.

Okey, Yang Berhormat, mengenai kadar polis saya telah ulas, saya tidak mahu ulas lagi bahawa kita tahu memang bandar-bandar besar kita tidak nafikan memang rationya agak tinggi daripada nisbah yang ditetapkan oleh *Interpol* satu polis nisbahnya 250 penduduk, kita tidak nafikan. Begitu juga dengan *Royal Commission* Yang Berhormat bangkitkan tadi. *Royal Commission* telah pun membuat laporan kepada pihak kerajaan sebanyak 15 perkara telah dibangkitkan dan polis telah pun mengeluarkan arahan-arahan, sebanyak 16 arahan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar:enam arahan kita telah pun keluarkan.

Mengenai yang akhir, ini penting yang Bukit Mertajam minta tadi, saya kena sebut apa polis buat iaitu bagi tempoh mulai 27.5.2004 hingga 23.6.2004 polis telah mengadakan ceramah di seluruh negara - 122; dialog - 353; pameran - 80, mesyuarat - 1,430; radio dan TV - 60; Ops Cegah Jenayah - 8,071; sekatan jalan raya - 3,335 sekatan; ronda cegah jenayah - 32,459; tangkapan dalam tempoh tidak sampai sebulan - 8,371.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini menunjukkan kerajaan kita begitu serius untuk kita membanteras kes jenayah. [*Tepuk*]

Namun demikian saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Jerai dan juga Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Ia tidak boleh selesai seperti itu, kita perlu tampil bersama-sama ke hadapan. Saya cabar DAP.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya cabar DAP supaya kempen ramai-ramai untuk menjadi Anggota Polis Sukarela (PVR) supaya kita boleh membantu polis dalam kekurangan anggota di mana PVR sekarang ini kita masih memerlukan lebih kurang

3,000 orang. Kalau ini dapat kita bantu maka saya percaya masalah kes ragut ini kalau tidak dapat kita hapus pun, sekurang-kurangnya dapat kita kurangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk Usul Penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAH DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16(3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Penubuhan Jawatankuasa Pelbagai Parti oleh Parlimen Malaysia (Dewan Rakyat) Untuk Menangani Masalah Kehadiran Pelarian-Pelarian Di Malaysia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tuaran. Yang Berhormat ada masa lebih kurang tujuh minit dan selepas itu menteri menjawab.

5.32 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih kurang 57,197 warga Filipina di Sabah yang telah diberi status pelarian oleh Kerajaan Malaysia yang terdiri daripada rakyat Filipina yang melarikan diri semasa terjadinya Perang Saudara di Selatan Filipina pada awal 70-an.

Malaysia telah mengizinkan pelarian tersebut berada di Sabah atas dasar kemanusiaan dan menempatkan mereka di enam skim penempatan iaitu di Telipoh, Kinaruh, di Tawau, di Sandakan, di Semporna dan satu di Labuan. Sehingga tahun 1986 skim-skim penempatan ini dikawal selia oleh Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu UNHCR yang beribu pejabat di Kota Kinabalu pada ketika itu tetapi sejak tahun 1986, UNHCR menutup perjuangan mereka di Kota Kinabalu, skim-skim penempatan ini tidak lagi dikawal selia oleh mana-mana pihak.

Untuk membolehkan mereka tinggal di negara kita, mereka dikecualikan daripada Akta Imigresen dan memberikan dokumen yang dipanggil Dokumen MM13 kepada pelarian Filipina yang berada di Sabah dalam tempoh 1972 sehingga 1984 dan dokumen ini boleh diperbaharui setiap tahun.

Selepas tahun 1984 tidak ada lagi pengeluaran MM13 yang baru kepada mana-mana pendatang Filipina cuma permohonan dokumen MM13 masih dikeluarkan tetapi hanya untuk kanak-kanak pelarian Filipina yang telah mencapai umur 16 tahun yang diperlukan untuk mempunyai dokumen berasingan daripada ibu bapa mereka. Keperluan memperbaharui dokumen MM13 bagi pelarian dewasa yang sedia ada bagi yang memerlukan sijil kelahiran kanak-kanak pelarian Filipina yang berserta dengan keterangan ibu bapa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan mengemaskinikan rekod para pelarian ini, saya difahamkan pihak polis telah mengambil cap jari dan gambar semua pemegang MM13 di Sabah. Rekod ini penting bagi tujuan pemantauan dan memastikan di mana mereka berada. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah kewujudan kes-kes pemalsuan dan penyalahgunaan dokumen MM13 telah sering kali berlaku. Para pemegang dokumen MM13 ini juga sering dikaitkan dengan kes jenayah yang berkait rapat dengan skim penempatan pelarian Filipina. Di samping itu skim penempatan pelarian Filipina ini juga dikaitkan dengan persembunyian penjenayah dan pendatang tanpa izin. Ini terbukti melalui operasi besar-besaran polis bagi memberkas penjenayah dan PTI di skim penempatan pelarian tersebut.

Pelarian Filipina di Sabah juga telah menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk tempatan di negeri ini baik dari segi peluang ekonomi mahupun dari segi peluang mendapatkan kualiti perkhidmatan kerajaan seperti perubatan dan pendidikan. Peruntukan untuk Sabah dalam kedua-dua sektor ini tidak mengambil kira kewujudan pelarian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pokok yang perlu dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini ialah setelah berada di negara kita selama lebih 30 tahun, apakah status dan masa hadapan pemegang MM13 tersebut? Apakah pihak kerajaan khususnya Jabatan Imigresen Sabah dan *Federal Special Task Force* harus memansuhkan pembaharuan MM13. Ini bermakna tidak ada lagi rasional yang kukuh mengapa mereka perlu tinggal di negara ini.

UNHCR sendiri mengakui bahawa tidak ada lagi pelarian perang di dalam dan sekitar Borneo termasuk Sabah. Atas dasar itu pejabat UNHCR di Sabah telah ditutup pada tahun 1986. Pemberian status pelarian ini adalah bersifat sementara dan status ini tidak boleh dianggap tetap maka itu para pelarian ini perlu pulang ke negara asal mereka. Malaysia sendiri tidak pernah menandatangani UN Protocol on Refugees 1952 dengan izin, penglibatan Malaysia hanyalah kerana atas dasar perikemanusiaan semata-mata dalam usaha membantu negara jiran mengatasi masalah tersebut.

Selain daripada itu, persoalan-persoalan seperti berikut perlu mendapat jawapan segera. Pertama, sampai bilakah Kerajaan Malaysia akan meneruskan dasar pengecualian kepada para pemegang dokumen MM13 daripada mendapatkan pasport antarabangsa dari negara asal mereka. Oleh kerana para pemegang dokumen MM13 telah menetap lebih tujuh tahun di Malaysia, adakah mereka ini layak untuk memohon taraf kependudukan tetap ataupun kewarganegaraan Malaysia? Sekiranya para pemegang dokumen MM13 memohon taraf kependudukan tetap atau kewarganegaraan Malaysia, perlukah Kerajaan Malaysia mendapatkan kebenaran ataupun kerjasama daripada kerajaan Filipina terlebih dahulu atau perkara ini dapat diselesaikan oleh kerajaan Malaysia dengan sendiri atau tanpa penglibatan pihak kedua.

Bagaimana pula dengan kanak-kanak pelarian ini di mana saya difahamkan terdapat lebih 30,000 anak pelarian di Sabah. Adakah mereka akan diserapkan sebagai penduduk tetap di negara ini? Bagaimana peluang pendidikan mereka, peluang penglibatan dalam ekonomi dan sosial? Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut dan seterusnya untuk mencadangkan syor-syor kepada kerajaan bagaimana menangani isu kehadiran pelarian Filipina di Sabah dan pelarian Rohingya, Myanmar di Malaysia, maka dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini menubuhkan satu jawatankuasa pelbagai parti yang dipanggil Jawatankuasa Pelbagai Parti Parlimen Malaysia Mengenai Status Pelarian Filipina dan Myanmar.

Tujuan utama jawatankuasa ini ialah untuk menentukan status dan seterusnya masa hadapan para pelarian Filipina dan Myanmar yang sudah sekian lama berada di negara kita sama ada Malaysia mahu memberikan kewarganegaraan kepada mereka ataupun sebaliknya. Penglibatan kesemua parti politik yang ada di negara kita sama ada kerajaan dan pembangkang dalam proses membuat keputusan terhadap perkara ini amat penting sebab parti-parti politik inilah yang mewakili kepentingan umum termasuklah kepentingan kumpulan-kumpulan dan suku kaum yang ada di negara kita.

Saya amat yakin Jawatankuasa Pelbagai Parti tersebut jika diluluskan oleh Dewan yang mulia ini mampu menangani semua masalah yang berhubung kait dengan kehadiran pelarian di negara kita. Sebaliknya jika tidak diluluskan, masalah ini akan berterusan tanpa berkesudahan. Untuk kebaikan semua pihak dan demi kesejahteraan

penduduk Malaysia, *let us decide on this matter, one side for all*, dengan izin. Sekian, saya mohon mencadangkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri.

5.38 ptg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran di atas keprihatinan dan usul yang dibangkitkan.

Masalah politik yang berlaku di Filipina telah menyebabkan penduduk-penduduk Selatan Filipina telah memasuki Sabah untuk mendapat perlindungan. Mereka telah memasuki negeri Sabah sejak tahun 1971 dan kemasukan mereka sebagai status pelarian telah mendapat pengiktirafan daripada pihak UNHCR ataupun *United Nation Humanitarian Center for Refugees*.

Memandangkan kemasukan orang-orang Filipina di Sabah telah menimbulkan masalah sosial, keselamatan dan hubungan dengan negara luar, maka kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Sabah dan Labuan. Dengan penubuhan PPKSL ini, bermakna Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih tanggungjawab menyelesaikan masalah pelarian ini. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan akan mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada Kerajaan Negeri Sabah supaya tindakan yang diambil akan lebih berkesan iaitu tindakan-tindakan yang diambil adalah selaras, bersepadu dan terancang.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pelarian Filipina telah pun didaftarkan. Selain daripada itu, semua agensi Kerajaan Negeri Sabah yang terlibat dengan masalah ini adalah dikehendaki memberi kerjasama dan pertimbangan yang saksama atas apa-apa keperluan dan kemudahan tertentu terutama berhubung urusan penempatan dan kebajikan supaya usaha mengatasi masalah ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Oleh yang demikian, bagi tujuan pengawalan mereka ditempatkan di kawasan-kawasan yang diwartakan sebagai penempatan pelarian. Mereka juga diberikan dokumen IMM 13 untuk memudahkan mereka mendapat pekerjaan bagi menampung kehidupan keluarga mereka. Dokumen-dokumen IMM 13 adalah sebagai gantian kepada dokumen-dokumen perjalanan bagi orang-orang asing yang tidak mempunyai dokumen. Dokumen ini hanya diberikan kepada orang-orang yang berstatus pelarian sahaja atau *refugees*, dengan izin.

Sesungguhnya Yang Berhormat Tuaran memang benar-benar faham tentang kedudukan pelarian Filipina di Sabah. Pihak kerajaan mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang diberikan oleh beliau dan pihak kementerian akan memberi perhatian yang sewajarnya. Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa pengeluaran dokumen IMM 13 tidak akan digalakkan lagi. Bagaimanapun, dokumen IMM 13 yang ada akan disambung sehingga masalah pendokumentasian selesai. Masalah sama ada pemegang dokumen IMM 13 layak untuk memohon taraf penduduk tetap warganegara Malaysia, kerajaan telah pun membuat keputusan bahawa orang-orang yang dibenarkan memohon taraf kewarganegaraan hendaklah memenuhi peruntukan-peruntukan yang terdapat di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan bagi pemohon-pemohon taraf pemastautin tetap adalah tertakluk kepada Akta dan Peraturan Imigresen 1959/1963.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kedua-dua fakta tersebut, pemegang dokumen IMM 13 adalah tidak layak untuk memohon taraf kewarganegaraan Malaysia. Bagaimanapun mereka layak untuk memohon taraf pemastautin tetap. Namun demikian, penganugerahan status pemastautin tetap adalah dibuat secara kes demi kes ataupun *case-to-case basis* dan bukan secara dasar umum. Antara fakta yang diambil kira ialah mereka yang tinggal lebih dari 20 tahun di negara ini dan yang mempunyai rekod yang baik.

Dokumen IMM 13 diberikan kepada orang yang telah dikategorikan sebagai pelarian ataupun *displaced person*, dengan izin, di mana orang-orang tersebut adalah terdiri dari pelarian yang disahkan oleh United Nations Humanitarian Center for Refugees. Kerajaan Malaysia tidak perlu mendapatkan kebenaran atau kerjasama atau penglibatan pihak luar kerana pemegang-pemegang dokumen IMM 13 ini telah pun

diiktiraf sebagai pelarian atau *displaced person* oleh Kerajaan Malaysia. Begitu juga dengan penganugerahan pemastautin tetap, kerajaan tidak perlu mendapat izin mana-mana pihak lain.

Anak-anak para pelarian ini akan mendapat hak yang sama seperti ibu bapa mereka. Peluang pendidikan juga diberikan sebagaimana orang asing yang menetap di mana-mana negara di dunia kerana ianya adalah merupakan hak asasi setiap individu.

Saranan Yang Berhormat agar pemegang dokumen IMM 13 ini digantikan dengan passport antarabangsa negara asal masing-masing adalah disokong. Cuma yang menjadi masalah kebanyakan mereka tidak mempunyai apa-apa dokumen, surat beranak umpamanya yang membuktikan mereka ini rakyat sesebuah negara. Masalah ini lebih rumit apabila sudah 30 tahun mereka tinggal di negara ini. Namun demikian, kerajaan akan terus mencari jalan untuk mengatasi masalah ini bagi jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat bagi Tuaran berhubung dengan penubuhan sebuah jawatankuasa pelbagai parti oleh Parlimen Malaysia untuk menangani masalah kehadiran pelarian-pelarian di Malaysia adalah tidak perlu kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang mewakili semua suku kaum dalam negara ini. Di samping itu, kerajaan telah pun mempunyai mekanisme tersendiri bagi menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, maksimum tujuh minit setengah.

Tanggungjawab Malaysia Mempertahankan Kedaulatan Selat Melaka Daripada Campur Tangan Amerika Syarikat

5.44 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Inisiatif Keselamatan Maritim Serantau (RMSI) kepada pegawai pemerintah Tentera Laut Amerika Syarikat bagi kawasan Pasifik, Laksamana Thomas Fargo pada 31 Mac 2004 di Kongres Amerika Syarikat telah mendedahkan rancangan Amerika Syarikat untuk menguasai Selat Melaka. Perkara ini telah menggugat kedaulatan Malaysia sebagai negara pesisir utama Selat Melaka selain Indonesia.

Amerika Syarikat melalui kedutaannya di Kuala Lumpur dan Singapura cuba berdolak-dalik dalam isu ini hingga Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Donald Rumsfeld, dalam satu dialog di Singapura cuba menafikan niat jahat Amerika Syarikat untuk menempatkan tentera marin di selat itu. Amerika Syarikat sebenarnya berusaha meluaskan hegemoni mereka dengan mengambil kesempatan terhadap beberapa krisis di Asia Tenggara telah berjaya menguasai Asia Barat dan Asia Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara pesisir, menjadi satu tanggungjawab yang penting bagi Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan Selat Melaka. Beberapa langkah progresif mesti diambil, antaranya menggerakkan 145 buah negara yang menandatangani konvensyen PBB mengenai undang-undang laut iaitu UNCLOS termasuk Indonesia dan Singapura. UNCLOS boleh merancang dan menjamin keselamatan Selat Melaka. Sekali gus menafikan rancangan RMSI iaitu satu rancangan yang menyerupai Inisiatif Peningkatan Keselamatan (PSI) tajaan Amerika Syarikat untuk menghalang pergerakan bahan dan peralatan untuk membangunkan senjata pemusnah.

Amerika Syarikat tidak menyertai UNCLOS kerana menjaga kepentingan strategi mereka. Malaysia sebaliknya mesti melaksanakan konvensyen ini khususnya peruntukan 17 hingga 26 yang berkaitan dengan keselamatan laluan kapal yang memberikan kuasa yang lebih besar kepada negara pesisir berbanding negara pengguna laluan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga harus mendapatkan sokongan antarabangsa dan serantau. ASEAN boleh menjadi ejen yang penting dalam isu ini. Kehadiran Amerika Syarikat jelas menggugat ASEAN sebagai zon aman, bebas dan berkecuali. Suatu persidangan tergepar Menteri Luar ASEAN untuk membincangkan perkara ini perlu diadakan.

Tindakan Malaysia membawa isu ini ke mesyuarat tidak rasmi Menteri Pertahanan Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) di Singapura ternyata berkesan untuk menarik sokongan Australia bagi mengesahkan kedaulatan Malaysia terhadap Selat Melaka. Tetapi Malaysia perlu memastikan tidak berlaku salah faham dengan Indonesia sebagai negara pesisir utama Selat Melaka yang tidak menganggotai FPDA. Sebagai satu langkah pertanggungjawaban juga, Malaysia tidak cukup sekadar mempertahankan kedaulatan Selat Melaka sahaja tetapi isu-isu melibatkan perluasan pengaruh Amerika Syarikat di negara ini perlu diberikan perhatian.

Pembukaan pejabat FBI di Kuala Lumpur, penubuhan pusat latihan anti keganasan, kehadiran kapal nuklear Tentera Laut Amerika Syarikat di Pelabuhan Klang dan penggunaan LTAKK oleh Tentera Laut Amerika Syarikat sebenarnya turut memberi ruang kepada Amerika Syarikat melebarkan pengaruh di negara ini. Isu-isu ini wajar dibincangkan serentak dengan isu Selat Melaka dan mempertahankan kedaulatan negara kita. PAS menyokong penuh segala tindakan kerajaan untuk mempertahankan kedaulatan negara yang kita cintai ini. Terima kasih.

5.49 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang membawa ucapan penangguhan ini. Kementerian Pertahanan dan kerajaan mengucapkan terima kasih atas sikap sensitiviti dan semangat patriotisme terhadap kedaulatan negara dan keselamatan selat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, United Nation Convention On the Law of The Sea (UNCLOS) telah memperuntukkan hak kedaulatan ke atas Selat Melaka kepada negara pesisir iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura. Malaysia sentiasa mempertahankan hak ini dan tidak akan berganjak daripada pendirian bahawa Selat Melaka adalah kedaulatan kita.

Oleh itu Malaysia menolak sekeras-kerasnya campur tangan asing di dalam mengendalikan pengurusan keselamatan Selat Melaka. Pendirian Malaysia ini telah diperkatakan berkali-kali di media dan juga di forum antarabangsa. Pendirian kita ini dihormati oleh komuniti antarabangsa termasuk Amerika Syarikat dan Singapura sendiri serta negara-negara yang menggunakan Selat Melaka bagi tujuan laluan pelayaran bebas.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan Amerika Syarikat untuk menguasai Selat Melaka melalui Inisiatif Keselamatan Maritim Serantau yang dilaporkan oleh media adalah tidak begitu tepat dan disalahertikan oleh media Amerika Syarikat sendiri. Perkara ini telah dijelaskan sendiri oleh Pegawai Pemerintah Tentera Laut Amerika Syarikat bagi kawasan Asia Pasifik, Admiral Thomas Fargo ketika melawat Malaysia baru-baru ini.

Apa yang dimaksudkan oleh beliau ketika mengumumkan rancangan RMSI ini adalah Amerika Syarikat tidak berhasrat untuk menempatkan anggota tenteranya untuk mengawal Selat Melaka, tetapi mahukan negara pesisir iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura menentukan perairan wilayah mereka termasuk Selat Melaka selamat daripada ancaman maritim, khususnya penganas maritim.

Amerika Syarikat mengharapkan ketiga-tiga negara ini bekerjasama rapat di antara satu sama lain dalam mengawal dan menjaga keselamatan perairan ini yang menjadi laluan perairan antarabangsa dan dianggap sebagai laluan paling sibuk di dunia.

Amerika Syarikat juga bersedia untuk memberi bantuan yang berbentuk pertukaran maklumat, melatih anggota tentera ketiga-tiga negara dan juga menyediakan kemudahan untuk negara-negara ini bekerjasama di peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpegang kepada pendirian yang menolak sebarang kehadiran tentera asing di perairan Selat Melaka. Isu atau kempen anti keganasan tidak sepatutnya menjadi penyebab bagi mana-mana negara luar mengambil kesempatan untuk turut campur tangan ke atas keselamatan di Selat Melaka. Pada masa yang sama, Malaysia juga perlu memastikan keselamatan di selat ini sentiasa terjamin bagi mengelakkan keraguan terhadap kewibawaan negara kita.

Dalam hal ini, di samping meningkatkan keupayaan kita, usaha-usaha juga diambil bagi mengeratkan lagi kerjasama dengan negara-negara Indonesia dan Singapura. Tuan Yang di-Pertua, ini termasuklah menyediakan rondaan yang diselaraskan bersama, kemudahan untuk saling berhubung dan pertukaran maklumat perisikan. Kita juga mengalu-alukan bantuan antarabangsa yang meliputi kos pengawalan dan pembekalan peralatan.

Rancangan Amerika Syarikat untuk menyumbang ke arah ini boleh dipertimbangkan seperti semangat yang ditunjukkan oleh wakil dari PAS ini, kita sangat alu-alukan demi kepentingan negara dan bangsa, kita tidak akan berpuak di antara satu sama lain.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kita hari ini telah selesai. Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.54 petang.